a Negeri dan tiada apa
Akta ini boleh samp
an, menyusut atau me
:, keistimewaan, kuas
k pada atau dinikmati
Negeri Sarawak.

ERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR
TAH PADA 10HB MAC 1983
arga: $1.50

Repealed by Act 671

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 280

### AKTA PERINDUSTRIAN SEKURITI 1983

Tarikh Persetujuan Diraja ... ... 9hb Mac 1983

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 10hb Mac 1983

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 280

## AKTA PERINDUSTRIAN SEKURITI 1983

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

Tafsiran.

Orang bersekutu.

Kepentingan dalam sekuriti.

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA TERBITAN MODAL

Jawatankuasa Terbitan Modal.

Fungsi tambahan Jawatankuasa Terbitan Modal.

BAHAGIAN III

BURSA SAHAM

Penubuhan, dsb., pasaran saham.

Kuasa Menteri untuk meluluskan bursa saham dan melantik mana-mana orang ke jawatankuasa bursa saham.

Menteri hendaklah diberitahu mengenai pindaan kepada kaedah-kaedah dan kuasa Menteri untuk meminda kaedah-kaedah.

Bursa saham hendaklah memberi bantuan kepada Pendaftar.

Kuasa mahkamah memerintahkan pematuhan atau menguatkuasakan kaedah-kaedah atau kehendak tersenarai sesuatu bursa saham.

BAHAGIAN IV

LESEN

Seksyen

12. Lesen peniaga.
13. Lesen wakil peniaga.
14. Lesen penasihat pelaburan.
15. Lesen wakil pelaburan.
16. Permohonan untuk lesen atau pembaharuan.
17. Pendaftar hendaklah memberi lesen peniaga atau lesen penasihat pelaburan dalam hal-hal keadaan tertentu.
18. Pendaftar hendaklah membaharui lesen peniaga atau lesen penasihat pelaburan dalam hal-hal keadaan tertentu.
19. Pendaftar hendaklah memberi atau membaharui lesen wakil dalam hal-hal keadaan tertentu.
20. Kuasa Pendaftar menyiasati transaksi syer.
21. Kuasa Pendaftar untuk mengenakan syarat atau sekatan.
22. Pernyataan palsu.
23. Cagaran hendaklah diserah simpan berkenaan dengan lesen peniaga.
24. Tempoh lesen.
25. Pemberitahuan perubahan mengenai butir-butir.
26. Daftar pemegang-pemegang lesen.
27. Kuasa Pendaftar untuk membatalkan lesen, dsb.
28. Rayuan.

BAHAGIAN V

REKOD

29. Pemakaian Bahagian ini.
30. Daftar sekuriti.
31. Notis mengenai butir-butir kepada Pendaftar.
32. Pembelaan terhadap pendakwaan.
33. Mengemukakan daftar.
34. Butir-butir mengenai wartawan-wartawan kewangan.
35. Pendaftar boleh memberi salinan cabutan dari da

BAHAGIAN VI

PENJALANAN URUSAN SEKURITI

36. Peniaga.
37. Pernyataan tertentu dilarang.

BAHAGIAN IV

LESEN

ga.

peniaga.

ihat pelaburan.

pelaburan.

untuk lesen atau pembaharuan.

endaklah memberi lesen peniaga atau
:laburan dalam hal-hal keadaan tertentu

:ndaklah membaharui lesen peniaga atau
:laburan dalam hal-hal keadaan tertentu

endaklah memberi atau membaharui
hal-hal keadaan tertentu.

aftar menyiasati transaksi syer.

aftar untuk mengenakan syarat atau se

palsu.

ndaklah diserah simpan berkenaan
:a.

:n.

an perubahan mengenai butir-butir.

:gang-pemegang lesen.

aftar untuk membatalkan lesen, dsb.

BAHAGIAN V

REKOD

Bahagian ini.

riti.

:nai butir-butir kepada Pendaftar,

terhadap pendakwaan.

kan daftar.

mengenai wartawan-wartawan kewa

oleh memberi salinan cabutan dari

BAHAGIAN VI

[ALANAN URUSAN SEKURITI

tertentu dilarang.



Pengeluaran nota kontrak.

Orang-orang tertentu hendaklah menzahirkan kepentingan-kepentingan tertentu dalam sekuriti.

Berurusan sebagai prinsipal.

Jualan jangkaturun.

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

Pemakaian Bahagian ini.

Akaun hendaklah disimpan oleh peniaga.

Wang tertentu yang diterima oleh peniaga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu akaun amanah.

Maksud-maksudnya yang wang boleh dikeluarkan dari akaun amanah.

Wang dalam akaun amanah tidak boleh digunakan untuk membayar hutang, dsb.

Tuntutan dan lien tidak tersentuh.

Peniaga hendaklah melantik juruaudit.

Peniaga hendaklah menyerah-simpan laporan juruaudit.

Juruaudit hendaklah menghantar laporan kepada pihak berkuasa yang relevan dalam hal-hal tertentu.

Laporan juruaudit hendaklah dihantar kepada pihak berkuasa yang relevan dalam hal-hal tertentu.

Kuasa Menteri melantik juruaudit bebas, dll.

Kuasa Menteri melantik seorang juruaudit bebas, dll., atas permohonan klien.

Juruaudit bebas, dll., hendaklah membuat laporan kepada Menteri.

Kuasa-kuasa bagi juruaudit bebas, dll.

Juruaudit bebas, dll., dan pekerja-pekerja dilarang daripada memberi tahu perkara-perkara tertentu.

Buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod hendaklah dikemukakan apabila diminta.

Penalti kerana membinasakan, menyembunyikan atau mengubah rekod atau menghantar rekod atau lain-lain harta ke luar Malaysia.

Hak jawatankuasa untuk mengenakan anggungan-anggungan, dsb., ke atas anggota-anggota tidak tersentuh oleh Bahagian ini.

## BAHAGIAN VIII

### TABUNG KESETIAAN

Seksyen

60. Tafsiran.
61. Penubuhan tabung kesetiaan.
62. Wang-wang yang menjadi tabung kesetiaan.
63. Tabung hendaklah disimpan dalam akaun ban berlesen.
64. Pembayaran dari tabung.
65. Akaun-akaun tabung.
66. Jawatankuasa kecil pengurus.
67. Carum-carum kepada tabung.
68. Peruntukan-peruntukan jika tabung melebihi ringgit.
69. Levi sebagai tambahan kepada carum-carum
70. Kuasa bagi bursa saham memberi pendahulua luan kepada tabung.
71. Pelaburan tabung.
72. Penggunaan tabung.
73. Mengenai tuntutan-tuntutan terhadap tabung
74. Hak-hak bagi kongsi tak bersalah berhub tabung.
75. Notis memanggil tuntutan terhadap tabung
76. Kuasa bagi jawatankuasa menyelesaikan tu
77. Bentuk perintah bagi Mahkamah yang tuntutan.
78. Kuasa jawatankuasa menghendaki sekuriti kakan.
79. Mensubrogasi bursa saham menurut hak-h menuntut apabila pembayaran dibuat da
80. Pembayaran tuntutan-tuntutan hanya da
81. Peruntukan jika tabung tidak cukup u tuntutan-tuntutan atau jika tuntutan-tu amaun yang kena dibayar.
82. Kuasa jawatankuasa membuat kontrak
83. Penggunaan wang insurans.

AKTA 280

BAHAGIAN VIII

BUNG KESETIAAN

ing kesetiaan.

ig menjadi tabung kesetiaan.

dah disimpan dalam akaun bank ya

ri tabung.

abung.

kecil pengurus.

kepada tabung.

untukan jika tabung melebihi satu ju

ambahan kepada carum-carum tahunan

ursa saham memberi pendahuluan-penda
abung.

ung.

abung.

tutan-tuntutan terhadap tabung.

i kongsi tak bersalah berhubung deng

ggil tuntutan terhadap tabung.

awatankuasa menyelesaikan tuntutan.

ntah bagi Mahkamah yang membuktik

nkuasa menghendaki sekuriti, dsb. dikem

i bursa saham menurut hak-hak, dsb., pi
abila pembayaran dibuat dari tabung.

tuntutan-tuntutan hanya dari tabung.

jika tabung tidak cukup untuk memba
tutan atau jika tuntutan-tuntutan mele
kena dibayar.

tankuasa membuat kontrak insurans.

wang insurans.



BAHAGIAN IX

PERDAGANGAN SEKURITI

Seksyen

84. Transaksi perdagangan palsu dan penipuan dalam pasaran.

85. Manipulasi pasaran saham.

86. Pernyataan, dll., yang palsu atau mengelirukan.

87. Mendorong orang-orang berniaga sekuriti secara fraudan.

88. Penyebaran maklumat berkenaan dengan transaksi haram.

89. Perniagaan sekuriti oleh pegawai-pegawai.

90. Larangan ke atas penyalahgunaan maklumat yang didapati dalam kedudukan rasmi.

91. Penalti.

92. Peniaga hendaklah memberi keutamaan kepada pesanan klien.

93. Perniagaan oleh pekerja-pekerja pemegang lesen.

BAHAGIAN X

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

PENGGAL 1

*Am*

94. Tafsiran.

95. Kuasa Pesuruhjaya mengarahkan supaya buku ditunjukkan.

96. Kesalahan.

97. Keistimewaan.

98. Penzahiran kepada Pendaftar.

99. Penyiasatan perkara-perkara.

100. Kuasa mahkamah untuk membuat perintah-perintah tertentu.

PENGGAL 2

*Penyiasatan*

101. Tafsiran.

102. Penyiasatan.

103. Penjalanan penyiasatan.

104. Kuasa inspektor.

Seksyen

105. Penyiasatan disifatkan suatu prosiding.

106. Rekod pemeriksaan.

107. Rekod hendaklah disertakan dengan laporan.

108. Kebolehterimaan rekod pemeriksaan dalam keterangan prosiding terhadap orang yang diperiksa.

109. Kebolehterimaan dalam prosiding lain soalan dan jawapan dalam pemeriksaan.

110. Berat keterangan.

111. Kekredibelan orang yang menjawab soalan.

112. Perwakilan oleh inspektor.

113. Laporan penyiasatan kepada Menteri.

114. Laporan penyiasatan.

115. Kuasa-kuasa Pendaftar berkenaan dengan buku.

116. Perhubungan terlindung.

117. Perbelanjaan penyiasatan.

118. Menyembunyikan, dsb., buku berhubung dengan sekuriti.

119. Kuasa Menteri membuat perintah-perintah tertentu.

BAHAGIAN XI

AM

120. Sekatan ke atas penggunaan gelaran "broker saham".

121. Salinan catatan dalam rekod-rekod peniaga sebagai keterangan *prima facie* mengenai catatan itu.

122. Kesalahan-kesalahan oleh kumpulan orang dan oleh pekerja dan ejen.

123. Penalti am.

124. Kuasa Pendaftar untuk mengkompaun.

125. Orang-orang disabitkan bertanggungan membayar pampasan.

126. Pendakwaan jenayah.

127. Peraturan-peraturan.

128. Peruntukan-peruntukan Akta tidak terpakai bagi Pasaran Saham Bumiputra.

BAHAGIAN XII

PEMANSUHAN DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PERALIHAN

Seksyen

129. Pemansuhan.

130. Kekecualian.

131. Pemindahan kuasa, hak, liabiliti dan tugas.

132. Penerusan prosiding jenayah dan sivil berhubungan dengan Pendaftar.

133. Penerusan hak-hak, liabiliti-liabiliti, dsb., yang lain di bawah Akta dimansuhkan.

134. Pengelakan anomali.

Repealed by ..Act 671.........

Am: Act A661/87
Act A790/92
Act A847/93
Act 498/93
Act A943/96
Act A1017/98
AA1040/98
AA1218



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 280

## [A]KTA PERINDUSTRIAN SEKURITI 1983

Akta bagi membuat peruntukan berkenaan ...n bursa-bursa saham~~, broker-broker saham~~ ...orang~~-orang lain~~ yang berniaga sekuriti, dan ...genai kesalahan-kesalahan tertentu berhubungan ...gan perdagangan sekuriti, dan mengenai maksud- ...sud lain yang berkaitan dengannya. d/AA1017 d/AA1040

[ 7hb Julai 1983 ] PU(B)332/83

...KA INILAH DIPERBUAT UNDANG- ...NG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka ...a Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan ...juan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang ...ang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada- ...eperti berikut:

### BAHAGIAN I

### PERMULAAN

...Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindus- ...Sekuriti 1983, dan hendaklah mula berkuatkuasa ...tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pem- ...huan dalam *Warta*. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian. PU(B)332/83

...Akta ini terpakai di seluruh Malaysia. d/AA943

...alam Akta ini, melainkan jika konteksnya meng- ...ki makna yang lain— Tafsiran. AA661

..."akaun amanah" ertinya sesuatu akaun amanah yang ...uhkan di bawah seksyen 44; /atau 47C AA943

"...berniaga sekuriti" ertinya sama ada sebagai prinsipal ...ejen, membuat atau menawarkan untuk membuat ...gan mana-mana orang, atau mendorong atau cuba ...dorong mana-mana orang supaya membuat atau ...awarkan untuk membuat— Subs. by AA943

(*a*) sesuatu perjanjian bagi atau dengan tujuan hendak memperolehi, melupuskan, melanggan atau mengunderait sekuriti; atau

Subs. by AA943

(*b*) sesuatu perjanjian yang maksud atau mak
yang diakui baginya ialah untuk mendapat
suatu keuntungan bagi mana-mana darip
pihak yang berkenaan itu dari hasil seku
atau dengan memandang kepada turun-naik
nilai sekuriti;

Subs AA661

"broker saham" ertinya seseorang yang menj
anggota sesuatu bursa saham dan—

(*a*) seorang pekongsi dalam sesuatu firma anggota
atau

(*b*) seorang pengarah sesuatu syarikat anggota;

AA943

"bursa saham" ertinya sesuatu pertubuhan pe
badanan yang telah diluluskan oleh Menteri di bawah
subseksyen (2) seksyen 8;

AA943

"ejen", berhubungan dengan seseorang peniaga, te
masuklah seseorang yang menjadi atau telah pada
bila masa menjadi seorang banker bagi peniaga itu

AA943

"firma anggota" ertinya sesuatu firma yang menj
kan urusan berniaga sekuriti dan yang diiktiraf se
suatu firma anggota oleh sesuatu bursa saham;

"jawatankuasa", berhubungan dengan sesuatu b
saham, ertinya orang-orang yang pada masa itu di
kan padanya pengurusan bursa saham itu;

"Jawatankuasa Terbitan Modal" ertinya Jaw
kuasa Terbitan Modal yang tersebut dalam seksye

"juruaudit" ertinya seseorang juruaudit syarik
Akta 125. diluluskan dalam erti Akta Syarikat 1965;

Subs. by AA943

"kaedah-kaedah", berhubungan dengan s
bursa saham, ertinya kaedah-kaedah yang me
perjalanan bursa saham itu atau anggota-angg
dengan apa jua namanya disebut dan di mana
terkandung dan termasuklah kaedah-kaedah ya
kandung dalam memorandum persatuan dan
persatuan bursa saham itu;

AA661 AA943 Subs. by AA943

"lesen" ertinya—

(*a*) suatu lesen peniaga;

(*b*) suatu lesen penasihat pelaburan; atau

(*c*) suatu lesen wakil,

di bawah Bahagian IV;

"Menteri" ertinya Menteri Kewangan;

"pegawai", berhubungan dengan perbadanan, termasuklah—

(a) seseorang pengarah, setiausaha atau pekerja perbadanan;

(b) seorang penerima dan pengurus mana-mana bahagian pengusahaan perbadanan yang dilantik menurut kuasa yang terkandung dalam sesuatu suratcara; dan

(c) seseorang pelikuidator suatu syarikat yang dilantik dalam penggulungan sukarela,

tetapi tidaklah termasuk—

(d) seseorang penerima yang bukannya juga seorang pengurus;

(e) seseorang penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah; atau

(f) seseorang pelikuidator yang dilantik oleh Mahkamah atau oleh pemiutang-pemiutang;

"penasihat pelaburan" ertinya seseorang yang menjalankan sesuatu urusan menasihatkan orang-orang lain mengenai sekuriti atau yang, sebagai sebahagian daripada sesuatu urusan biasa, mengeluarkan atau memasyhurkan, analisis atau laporan mengenai sekuriti tetapi ungkapan itu tidaklah termasuk—

(a) suatu bank berlesen sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Bank 1973; Akta 102.

(b) suatu bank Islam sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Bank Islam 1983; Akta 276.

(c) suatu syarikat atau pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana perundangan berhubungan dengan insurans;

(d) suatu syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949; Akta 100.

(e) seorang peguambela dan peguamcara atau akauntan yang menjalankan amalan dan dia menjalankan urusan itu semata-mata bersampingan dengan amalan profesionnya;

(h) ~~(f)~~ seorang peniaga atau peniaga terkecuali yang menjalankan urusan itu semata-mata bersampingan dengan menjalankan urusannya berniaga sekuriti; ~~atau~~

(i) ~~(g)~~ seorang yang menjadi tuanpunya sesuatu akhbar dan pemegang sesuatu permit yang dikeluarkan di bawah [Akta 301. / AA943] ~~Akta Mesin Cetak 1948, Malaysia Barat, Ordinan Mesin Cetak Sabah dan Ordinan Mesin Cetak 1962 Sarawak~~ jikalau—

(i) setakat mana akhbar itu diedarkan amnya kepada orang awam, ianya diedarkan hanya kepada pelanggan dan pembeli akhbar itu untuk nilainya;

(ii) nasihat itu diberi atau analisis-analisis atau laporan-laporan itu dikeluar atau dimasyhurkan hanya melalui akhbar itu;

(iii) orang itu tidak menerima apa-apa komisen atau apa-apa balasan lain kerana mengeluar atau memasyhurkan analisis-analisis atau laporan-laporan itu; dan

(iv) nasihat itu diberi dan analisis-analisis serta laporan-laporan itu dikeluar atau dimasyhurkan semata-mata bersampingan dengan menjalankan urusan orang itu sebagai tuanpunya sesuatu akhbar; ~~atau~~

(j)...

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965, dan termasuklah seseorang Timbalan atau Penolong Pendaftar Syarikat;

"pengarah" mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepada ungkapan itu dalam Akta Syarikat 1965;

"peniaga" ertinya seseorang yang menjalankan sesuatu urusan berniaga sekuriti, sama ada atau tidak dia menjalankan apa-apa urusan lain, tetapi tidak termasuk seseorang peniaga terkecuali;

"peniaga terkecuali" ertinya—

(a) seorang yang ~~bukan seorang broker saham atau wakilnya~~ yang menjalankan sesuatu urusan berniaga sekuriti hanya melalui pemegang sesuatu lesen peniaga untuk faedahnya sendiri;

(h) mana-mana orang yang bertindak atas sifat pengurus atau pemegang amanah di bawah sesuatu skim amanah saham atau sesuatu surat ikatan yang mengenainya dia diluluskan oleh Pendaftar atau Menteri di bawah Penggal 5 Bahagian IV Akta Syarikat 1965; *Akta 125.*

(i) suatu perbadanan yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai peniaga dalam pasaran wang jangka pendek;

(j) mana-mana perbadanan berkanun awam yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; ~~atau~~

(k) mana-mana orang atau golongan orang lain yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan sebagai peniaga terkecuali jika urusan utama yang dijalankan oleh orang atau golongan orang itu adalah suatu urusan yang lain daripada berniaga sekuriti, dan jika berniaga sekuriti itu adalah—

(i) dengan jalan membuat atau menawarkan untuk membuat dengan mana-mana orang suatu perjanjian bagi atau dengan tujuan hendak mengunderait sekuriti;

(ii) dengan jalan membuat sesuatu pelawaan kepada orang-orang supaya melanggan sekuriti atau membeli sekuriti pada jualannya yang pertama;

(iii) dengan jalan mengeluarkan apa-apa dokumen yang mana adalah atau disifatkan sebagai suatu prospektus dalam erti Akta Syarikat 1965; atau *Akta 125.*

(iv) dengan apa-apa jalan lain yang diisytiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa;

"perbadanan" mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepada ungkapan itu dalam Akta Syarikat 1965; *Akta 125.*

"pihak berkuasa yang relevan" ertinya—

(a) berhubungan dengan sesuatu ~~firma atau~~ syarikat anggota, bursa saham yang mengiktiraf firma ~~atau~~ syarikat itu; dan

(b) berhubungan dengan mana-mana orang lain, Pendaftar;

Subs. by AA847

"sekuriti" ertinya debentur, stok dan syer dalam sesuatu syarikat awam atau perbadanan, atau bon mana-mana kerajaan atau mana-mana pertubuhan, diperbadankan atau tak diperbadankan, dan termasuklah apa-apa hak atau pilihan mengenainya dan apa-apa kepentingan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 84 Akta Syarikat 1965;

Akta 125.

"skim amanah saham" ertinya apa-apa perkiraan yang dibuat bagi maksud, atau yang berkesan, mengadakan kemudahan untuk orang-orang /~~turut serta sebagai benefisiari di bawah sesuatu amanah, atau keuntungan~~ atau pendapatan yang timbul daripada pemerolehan, pemegangan, pengurusan atau pelupusan sekuriti atau apa-apa harta lain;

/AA847

sub. AA1017

AA847 → "Suruhanjaya" ...

"syarikat" mempunyai erti yang sama seperti yang diberi kepada ungkapan itu dalam Akta Syarikat 1965;

Akta 125.

"syarikat anggota" ertinya sesuatu syarikat yang menjalankan urusan berniaga sekuriti dan yang diiktiraf sebagai suatu syarikat anggota oleh suatu bursa saham;

D/AA1218 "syarikat bursa" ins. AA1218 AA943 → "undang-undang sekuriti" ...

"urusan", berhubungan dengan seseorang peniaga, ertinya sesuatu urusan berniaga sekuriti;

d/AA943

"wakil" ertinya wakil peniaga atau wakil penasihat pelaburan;

Subs. by AA943

"wakil pelaburan" ertinya seseorang yang, dengan apa sahaja nama yang disebut, bekerja terus dengan, atau yang bertindak untuk atau melalui perkiraan dengan, seseorang penasihat pelaburan, yang bukan seorang peniaga, broker saham atau peniaga terkecuali, yang menjalankan untuk penasihat pelaburan itu mana-mana daripada fungsi seseorang penasihat pelaburan, lain daripada kerja yang biasanya dijalankan oleh akauntan, kerani atau juruwang, sama ada saraannya adalah dengan jalan gaji, upah, komisen atau selainnya; dan jika penasihat pelaburan itu adalah suatu perbadanan, termasuklah seseorang pengarah, anggota atau pegawai perbadanan itu yang bukan pemegang sesuatu lesen penasihat pelaburan dan yang menjalankan untuk perbadanan itu mana-mana daripada fungsi tersebut, sama ada atau tidak saraannya adalah seperti tersebut dahulu;

Subs. by AA943

AA943 → "wakil pengurus ..."

"wakil peniaga" ertinya seseorang, dengan apa jua namanya disebut, yang bekerja terus dengan, atau yang bertindak untuk atau melalui perkiraan dengan, seseorang peniaga, yang bukan seorang peniaga terkecuali, yang menjalankan untuk peniaga itu mana-mana daripada fungsi seseorang peniaga, lain daripada kerja yang biasanya dijalankan oleh akauntan, kerani atau juruwang, sama ada saraannya adalah dengan jalan gaji, upah, komisen atau selainnya; dan jika peniaga itu adalah suatu perbadanan, termasuklah seseorang pengarah, anggota atau pegawai perbadanan itu yang bukan pemegang sesuatu lesen peniaga dan yang menjalankan untuk perbadanan itu mana-mana daripada fungsi tersebut, sama ada atau tidak saraannya adalah seperti tersebut dahulu.

(2) Peraturan-peraturan boleh memperuntukkan bahawa, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan, semua atau mana-mana daripada peruntukan Akta ini—

(*a*) tidak mempunyai kuatkuasa berhubungan dengan mana-mana orang tertentu atau mana-mana orang dari sesuatu golongan orang yang tertentu—

(i) yang menjadi atau mungkin menjadi seorang peniaga/atau penasihat pelaburan hanya oleh sebab dia melakukan sesuatu yang semata-mata bersampingan dengan suatu urusan lain;

(ii) yang tidak berniaga sekuriti untuk atau bagi pihak mana-mana orang lain; atau

(iii) yang menjadi seorang peniaga atau penasihat pelaburan hanya oleh sebab dia membuat sesuatu transaksi atau kelas transaksi yang tertentu;

(*b*) tidak mempunyai kuatkuasa berhubungan dengan wakil bagi seseorang yang tersebut dalam paragraf (*a*); atau

(*c*) tidak mempunyai kuatkuasa berhubungan dengan seseorang yang tersebut dalam paragraf (*a*) atau (*b*) setakat mana yang ditetapkan.

(3) ..........

Orang bersekutu.

3. (1) Sesuatu sebutan dalam Akta ini mengenai orang yang bersekutu dengan seseorang lain hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan mengenai—

(a) jika orang lagi satu itu ialah suatu pertubuhan perbadanan—

(i) seorang pengarah atau setiausaha pertubuhan perbadanan;

(ii) suatu pertubuhan perbadanan yang ada kaitan dengan orang lagi satu itu; atau

(iii) seorang pengarah atau setiausaha pertubuhan perbadanan yang berkaitan itu;

(b) jika perkara yang dimaksudkan oleh sebutan itu ialah takatnya kuasa untuk menggunakan, atau mengawal penggunaan, kuasa mengundi yang diberi pada syer mengundi dalam pertubuhan perbadanan, seseorang yang dengannya orang lagi satu itu ada, atau bercadang hendak membuat, suatu perjanjian, perkiraan, persefahaman atau akujanji, sama ada formal atau tak formal dan sama ada nyata atau termaklum—

(i) yang oleh sebabnya mana-mana seorang daripada orang-orang itu boleh menggunakan, secara langsung atau secara tak langsung, atau mengawal penggunaan, atau pada matannya mempengaruhi penggunaan, apa-apa kuasa mengundi yang diberi pada syer dalam pertubuhan perbadanan;

(ii) dengan tujuan hendak mengawal atau mempengaruhi keanggotaan lembaga pengarah, atau perjalanan hal-ehwal, pertubuhan perbadanan itu; atau

(iii) yang menurutnya mana-mana seorang daripada orang-orang itu boleh memperoleh daripada orang lagi satu itu syer-syer dalam pertubuhan perbadanan atau mungkin dikehendaki melupuskan syer-syer itu mengikut arahan daripada orang yang satu lagi itu;

(c) seseorang yang sama serta yang dengannya orang lagi satu itu bertindak, atau bercadang hendak bertindak, berhubungan dengan perkara yang dimaksudkan oleh sebutan itu;

(1)

(*d*) jika perkara yang dimaksudkan oleh sebutan itu adalah suatu perkara selain dari takatnya kuasa untuk menggunakan, atau untuk mengawal penggunaan, kuasa mengundi yang diberi pada syer-syer mengundi dalam pertubuhan perbadanan—

(i) seseorang yang menjalankan urusan berniaga sekuriti secara perkongsian dengan orang lagi satu itu;

(ii) tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang yang menjadi pekongsi dengan orang lagi satu itu selain dari oleh sebab dia menjalankan suatu urusan berniaga sekuriti secara perkongsian dengan orang lagi satu itu;

(iii) seorang pemegang amanah sesuatu amanah yang berhubungan dengannya orang lagi satu itu mendapat faedah atau boleh mendapat faedah selain dari oleh sebab transaksi yang dibuat mengikut perjalanan biasa urusan berkaitan dengan peminjaman wang;

(iv) seseorang yang menjadi pengarah suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan urusan berniaga sekuriti dan yang mana orang lagi satu itu juga seorang pengarah; atau

(v) tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang yang menjadi pengarah suatu pertubuhan perbadanan yang mana orang lagi satu itu seorang pengarah, iaitu bukan suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan urusan berniaga sekuriti;

(*e*) seseorang yang dengannya orang lagi satu itu hendak, menurut kuasa mana-mana peraturan yang mungkin diadakan, dianggap sebagai berkaitan mengenai perkara yang dimaksudkan oleh sebutan itu;

(*f*) seseorang yang dengannya orang lagi satu itu ada, atau bercadang hendak menjadi, bersekutu, sama ada secara formal atau secara tak formal, dengan apa jua cara lain mengenai perkara yang dimaksudkan oleh sebutan itu; atau

(*g*) jika orang lagi satu itu telah membuat, atau bercadang hendak membuat, suatu transaksi atau telah melakukan, atau bercadang hendak melakukan, apa-apa perbuatan atau perkara lain, dengan tujuan hendak menjadi bersekutu dengan seseorang seperti tersebut dalam mana-mana paragraf terdahulu itu—orang yang tersebut terakhir itu.

(2) Jika, dalam prosiding di bawah Akta ini, adalah dikatakan bahawa seseorang yang disebut dalam subparagraf (ii) atau (v) paragraf (*d*) subseksyen (1) telah bersekutu dengan seorang lain pada suatu masa tertentu, maka orang itu hendaklah disifatkan bukan telah bersekutu sedemikian berhubungan dengan perkara yang dimaksudkan oleh prosiding itu melainkan jika orang yang menyatakan penyekutuan itu membuktikan bahawa orang yang pertama tersebut pada masa itu mengetahui atau patut dengan munasabahnya telah mengetahui butir-butir material mengenai perkara itu.

(3) Seseorang tidak boleh dikira bersekutu dengan seorang lain menurut kuasa paragraf (*b*), (*c*), (*e*) atau (*f*) subseksyen (1) semata-mata oleh sebab seorang daripada orang-orang itu memberi nasihat kepada, atau bertindak bagi pihak, orang lagi satu itu atas sifat profesionalnya.

Kepentingan.

**4.** (1) Jika apa-apa harta yang dipegang sebagai amanah terdiri dari atau termasuk sekuriti dalam mana seseorang mengetahui atau ada alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia mempunyai kepentingan maka dia hendaklah disifatkan sebagai mempunyai kepentingan dalam sekuriti-sekuriti itu.

(2) Sesuatu hak tidak menjadi suatu kepentingan dalam sekuriti jika—

(*a*) sesuatu hak, iaitu suatu hak atau suatu kepentingan yang diperihalkan dalam takrif "kepentingan" dalam seksyen 84 Akta Syarikat 1965, telah dikeluarkan atau ditawarkan kepada orang ramai untuk dilanggan atau dibeli;

*Akta 125.*

(*b*) orang ramai telah dipelawa melanggan atau membeli sesuatu hak itu dan hak itu telah dilanggan atau dibeli sedemikian itu; atau

(c) sesuatu hak itu dipegang oleh syarikat pengurusan dan telah dikeluarkan bagi maksud ditawarkan kepada orang ramai dalam erti seksyen 84 Akta Syarikat 1965. *Akta 125.*

(3) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan dalam sekuriti jika suatu pertubuhan perbadanan ada mempunyai kepentingan dalam sekuriti itu dan—

(a) pertubuhan perbadanan itu atau pengarah-pengarahnya sudah biasa, atau adalah berkewajipan, sama ada secara formal atau secara tak formal, bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan orang itu berhubungan dengan sekuriti itu;

(b) orang itu mempunyai kepentingan mengawal dalam pertubuhan perbadanan itu; atau

(c) orang itu, atau sekutu-sekutu orang itu ataupun orang itu dan sekutu-sekutunya adalah berhak menggunakan atau mengawal penggunaan tidak kurang daripada lima belas peratus daripada undi yang diberi pada syer-syer undian dalam pertubuhan perbadanan itu.

(4) Bagi maksud paragraf (c) subseksyen (3), seseorang adalah sekutu seorang lain, jika orang yang lain tersebut itu ialah—

(a) suatu perbadanan yang, menurut kuasa seksyen 6 Akta Syarikat 1965, disifatkan ada kaitan dengan orang lagi satu itu; *Akta 125.*

(b) seorang yang mengikut arahan, petunjuk atau kemahuannya orang lagi satu itu sudah biasa atau berkewajipan, sama ada secara formal atau secara tak formal, bertindak berhubungan dengan sekuriti yang tersebut dalam subseksyen (3);

(c) seorang yang sudah biasa atau berkewajipan, sama ada secara formal atau secara tak formal, bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan orang lagi satu itu berhubungan dengan sekuriti itu;

(d) suatu pertubuhan perbadanan atau pengarah-pengarahnya yang sudah biasa atau berkewajipan, sama ada secara formal atau secara tak formal, bertindak mengikut arahan, petunjuk atau kemahuan orang lagi satu itu berhubungan dengan sekuriti itu; atau

(e) suatu pertubuhan perbadanan yang mengikut arahan, petunjuk atau kemahuannya atau kemahuan yang mengikut arahan, petunjuk atau pengarah-pengarahnya orang lagi satu itu sudah biasa atau berkewajipan, sama ada secara formal atau secara tak formal, bertindak berhubungan dengan sekuriti itu.

(5) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai kepentingan/dalam mana-mana satu atau lebih dari hal-hal keadaan yang berikut jika dia—

dalam 'sekuriti' AA943

(a) telah membuat kontrak untuk membeli sekuriti; atau

(b) mempunyai hak, selain dari oleh sebab mempunyai kepentingan di bawah suatu amanah, untuk mendapatkan supaya sekuriti dipindahkan kepadanya sendiri atau mengikut perintahnya, sama ada hak itu boleh dijalankan pada masa sekarang atau pada masa hadapan dan sama ada dengan memenuhi sesuatu syarat atau tidak; atau

atau kuasa AA943

(c) mempunyai hak[^] untuk memperolehi sekuriti atau kepentingan dalam suatu sekuriti, di bawah suatu opsen, sama ada hak[^] itu boleh dijalankan pada masa sekarang atau pada masa hadapan dan sama ada dengan memenuhi sesuatu syarat atau tidak; atau

(d) berhak, selain dari oleh sebab dia telah dilantik sebagi seorang proksi atau wakil untuk mengundi dalam mesyuarat anggota-anggota suatu perbadanan atau suatu golongan anggotanya, untuk menggunakan atau mengawal penggunaan suatu hak yang diberi pada suatu sekuriti, iaitu bukan suatu sekuriti yang dia sendiri pemegang berdaftarnya.

(6) Seseorang hendaklah disifatkan mempunyai suatu kepentingan dalam sekuriti jika sekuriti itu dipegang secara bersama dengan seorang lain.

(7) Bagi maksud menentukan sama ada seseorang mempunyai kepentingan dalam suatu sekuriti tidaklah mustahak yang kepentingan itu tidak boleh dikaitkan dengan suatu sekuriti tertentu.

(8) Maka janganlah diendahkan—

(*a*) suatu kepentingan dalam sekuriti jika kepentingan itu kepentingan seseorang yang memegang sekuriti sebagai pemegang amanah tersahaja; d/AA1040

(*b*) suatu kepentingan dalam sekuriti seseorang yang urusan biasanya termasuklah peminjaman wang jika dia memegang kepentingan itu hanya sebagai sekuriti bagi maksud-maksud suatu transaksi yang dibuat mengikut perjalanan biasa urusan berkaitan dengan peminjaman wang itu;

(*c*) suatu kepentingan seseorang dalam sekuriti iaitu suatu kepentingan yang dipegang olehnya oleh sebab dia memegang suatu jawatan ditetapkan; dan

(*d*) suatu kepentingan ditetapkan dalam sekuriti iaitu suatu kepentingan orang, atau orang-orang yang termasuk dalam golongan orang, sebagaimana ditetapkan.

(9) Suatu kepentingan dalam sekuriti janganlah diendahkan semata-mata oleh sebab—

(*a*) kejauhan kepentingan itu;

(*b*) cara bagaimana kepentingan itu timbul; atau

(*c*) hakikatnya bahawa penggunaan suatu hak yang diberi oleh kepentingan itu adalah tertakluk, atau boleh dijadikan tertakluk, kepada sekatan atau batasan.

## BAHAGIAN II

### JAWATANKUASA TERBITAN MODAL

Repeal by Act 498

Jawatankuasa Terbitan Modal.

5. (1) Menteri hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuh suatu badan perunding bernama Jawatankuasa Terbitan Modal yang terdiri dari beberapa orang anggota yang difikirkan patut untuk menasihatnya mengenai perkara-perkara berhubungan dengan perindustrian sekuriti.

(2) Jawatankuasa Terbitan Modal boleh dari semasa ke semasa menasihat Pendaftar mengenai perkara-perkara berhubungan dengan perindustrian sekuriti.

(3) Pendaftar boleh dari semasa ke semasa berunding dengan Jawatankuasa Terbitan Modal untuk melaksanakan Atka ini dengan patut dan berkesannya.

Fungsi tambahan Jawatankuasa Terbitan Modal.

6. (1) Selain dari fungsi-fungsi yang disebut dalam seksyen 5 dan apa-apa fungsi lain yang ditugaskan secara bertulis oleh Menteri kepada Jawatankuasa Terbitan Modal berhubungan dengan perindustrian sekuriti, Jawatankuasa Terbitan Modal hendaklah memeriksa dan meluluskan cadangan-cadangan yang dinyatakan dalam dan mengikut subseksyen (2).

(2) (*a*) Cadangan-cadangan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Terbitan Modal oleh—

(i) semua syarikat awam berhad yang ditubuhkan di Malaysia melainkan jika syarikat itu termasuk dalam apa-apa pengecualian yang dibuat melalui perintah Menteri dalam *Warta*, mengenai apa-apa—

(A) terbitan atau tawaran baharu untuk menjual sekuriti kepada orang ramai, sama ada terbitan atau tawaran untuk jualan itu adalah sebagai terbitan awam atau melalui penempatan persendirian;

(B) hak terbitan sekuriti;

(C) bonus terbitan sekuriti selain dari dengan cara memodalkan keuntungan tak dipumpuk;

(D) skim perkiraan, skim penyusunan semula, skim ambilalih, skim opsen syer dan pemerolehan aset dengan cara terbitan sekuriti; dan

(E) pensenaraian dan sebut harga sekuriti di bursa saham;

(ii) semua syarikat awam berhad yang ditubuhkan di luar Malaysia yang berniat hendak menerbit atau menawarkan sekuriti untuk jualan kepada orang ramai atau mensenaraikan sekuriti-sekuriti itu di bursa saham sebelum pendaftaran prospektus-prospektus yang berkaitan dengan Pendaftaran; dan

(iii) semua syarikat awam berhad yang ditubuhkan di luar Malaysia yang telahpun disenaraikan di bursa saham, untuk mensenaraikan dan menyebut harga apa-apa jua sekuriti tambahan.

(b) Jawatankuasa Terbitan Modal hendaklah mengkaji cadangan-cadangan itu dan, setelah memberi perhatian kepada—

(i) kedayamajuan syarikat itu;

(ii) mutu dan kebolehan pengurusan syarikat itu;

(iii) kesesuaian untuk mensenaraikan syarikat itu di bursa saham di mana berkenaan; dan

(iv) kepentingan orang ramai,

ia boleh meluluskan cadangan-cadangan itu mengikut apa-apa terma dan syarat yang disifatkannya patut.

(2A) (2B) .....

(3) Mana-mana syarikat awam berhad yang telah mengemukakan cadangan-cadangan bagi maksud subseksyen (2) dan terkilan dengan keputusan Jawatankuasa Terbitan Modal boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh penerimaan keputusan itu, merayu kepada Menteri dan keputusannya adalah mutktamad. A4661

## BAHAGIAN III

~~BURSA SAHAM~~ A4943

Subs. by A4943

Penubuhan, dsb., pasaran saham.

7. (1) Seseorang tidak boleh menubuhkan atau menyenggara atau membantu dalam menubuh atau menyenggara atau mengemukakan dirinya sebagai mengadakan atau menyenggara sesuatu pasaran saham yang bukan pasaran saham bagi sesuatu bursa saham.

Subs. by A4947

(2) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit dan mengenai sabitan kali kedua atau kali kemudian denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Menteri untuk meluluskan bursa saham dan melantik mana-mana orang ke jawatan-kuasa bursa saham.

**8.** (1) Permohonan untuk diluluskan sebagai suatu bursa saham boleh dibuat kepada Menteri mengikut borang dan cara yang ditetapkan.

(2) Menteri boleh secara bertulis meluluskan sesuatu pertubuhan perbadanan sebagai suatu bursa saham jika dia berpuas hati—

(*a*) bahawa sekurang-kurangnya sepuluh orang anggota pertubuhan itu akan menjalankan urusan berniaga sekuriti dengan bebas dan dengan berbadi antara satu sama lain;

(*b*) bahawa kaedah-kaedah pertubuhan itu membuat peruntukan yang memuaskan—

(i) supaya orang-orang yang tidak berkelakuan baik dan tidak mempunyai keutuhan yang tinggi dalam urusan jangan dibenarkan menjadi anggota;

(ii) untuk memecat, menggantung atau mendisiplin anggota-anggota kerana kelakuan yang tak sejajar dengan prinsip-prinsip yang adil dan saksama dalam menransaksi urusan atau kerana melanggar atau tidak mematuhi kaedah-kaedah bursa saham atau peruntukan-peruntukan Akta ini;

(iii) berkenaan dengan syarat-syarat di bawah mana sekuriti boleh disenaraikan untuk perdagangan dalam pasaran yang dicadang hendak dijalankan oleh pertubuhan itu;

(iv) berkenaan dengan syarat-syarat berhubung dengan berniaga sekuriti yang akan dijalankan oleh anggota-anggota;

(v) berkenaan dengan kelas atau kelas-kelas sekuriti yang boleh diperniagakan oleh anggota-anggota; dan

(vi) amnya untuk menjalankan urusan bursa saham dengan memberi perhatian yang wajar kepada kepentingan orang awam; dan

(*c*) bahawa kepentingan orang awam akan tercapai dengan memberi kelulusannya.

(3) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Menteri boleh dari semasa ke semasa, ~~atas nasihat Jawatankuasa Terbitan Modal,~~ melantik mana-mana orang atau orang-orang menganggotai jawatankuasa bursa saham itu untuk mewakili kepentingan orang awam dan orang atau orang-orang yang dilantik sedemikian itu—

(a) hendaklah mempunyai hak, kuasa, tugas dan kewajipan, kebebasan dan keistimewaan yang sama dengan mana-mana anggota lain dalam jawatankuasa bursa saham itu; dan

(b) hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang dinyatakan oleh Menteri yang boleh pada bila-bila masa membatalkan sesuatu perlantikan itu.

Menteri hendaklah diberitahu mengenai pindaan kepada kaedah-kaedah dan kuasa Menteri untuk meminda kaedah-kaedah.

9. (1) Jika sesuatu pindaan dibuat kepada kaedah-kaedah bursa saham, jawatankuasa bursa saham itu hendaklah menghantar suatu notis bertulis mengenainya kepada ~~Menteri~~ Suruhanjaya.

(2) Jika notis mengikut peruntukan-peruntukan subseksyen (1) itu tidak diberi dalam tempoh dua puluh satu hari selepas sesuatu pindaan itu dibuat, maka pindaan itu hendaklah terhenti daripada mempunyai kuatkuasa dan kesan.

(3) ~~Menteri~~ Suruhanjaya boleh dalam tempoh dua puluh satu hari selepas menerima notis di bawah subseksyen (1) memberi notis kepada bursa saham yang berkenaan itu bahawa dia tidak membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian tertentu daripada pindaan yang berkenaan itu dan dengan itu kesemua atau bahagian tertentu itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah terhenti daripada mempunyai kuatkuasa dan kesan.

(4) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, ~~Menteri~~ Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa~~, selepas berunding dengan Jawatankuasa Terbitan Modal dan jawatankuasa bursa saham,~~ meminda kaedah-kaedah sesuatu bursa saham yang diluluskan melalui notis bertulis dengan menyebutkan pindaan-pindaan itu dan tarikh-tarikh pindaan itu hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan.

(5) Sesuatu notis di bawah seksyen ini bolehlah disampaikan kepada penerima sendiri atau melalui pos.

Bursa saham hendaklah memberi bantuan kepada Pendaftar.

**10.** (1) Sesuatu bursa saham hendaklah memberi apa-apa bantuan kepada Pendaftar sebagaimana yang dikehendaki dengan munasabahnya bagi pelaksanaan fungsi dan tugasnya.

(2) Jika sesuatu bursa saham menegur, mendenda, menggantung, memecat atau selainnya mengambil tindakan disiplin terhadap seseorang anggota bursa saham, ia hendaklah dalam tempoh tujuh hari memberi kepada Pendaftar secara bertulis butir-butir mengenai nama anggota itu, sebab dan jenis tindakan diambil, amaun denda, jika ada, dan tempoh penggantungan, jika ada.

(3) Pendaftar adalah berhak pada setiap masa yang munasabah mendapat akses yang penuh dan bebas bagi apa-apa maksud Akta ini sama-sama berdagang dalam pasaran saham sesuatu bursa saham.

(4) Seseorang yang enggan atau tidak, tanpa sebab yang munasabah membenarkan Pendaftar akses mengikut subseksyen (3) sama-sama berdagang dalam pasaran saham sesuatu bursa saham adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~enam bulan~~ atau kedua-duanya.

(5) Dalam seksyen ini, "sama-sama berdagang", berhubungan dengan pasaran saham sesuatu bursa saham, ertinya sesuatu tempat atau kemudahan yang disenggara atau diperuntukkan oleh bursa saham berkenaan dengan penjualan, pembelian atau pertukaran sekuriti oleh anggota-anggota sesuatu bursa saham, atau oleh anggota-anggota dan orang-orang lain.

Kuasa mahkamah memerintahkan pematuhan atau menguatkuasakan kaedah-kaedah atau kehendak tersenarai sesuatu bursa saham.

**11.** (1) Jika seseorang yang berkewajipan mematuhi, menuruti, menguatkuasa atau melaksanakan kaedah-kaedah atau kehendak-kehendak tersenarai sesuatu bursa saham tidak mematuhi, menuruti, menguatkuasa atau melaksanakan mana-mana kaedah atau kehendak-kehendak tersenarai itu, mengikut mana yang berkenaan, Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan Pendaftar atau bursa saham dan selepas memberi kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat peluang untuk didengar, membuat suatu perintah memberi arahan-arahan kepada orang itu mengenai pematuhan, penurutan atau penguatkuasaan atau pelaksanaan kaedah-kaedah atau kehendak-kehendak tersenarai itu.

(2) Jika sekuriti sesuatu perbadanan atau sekuriti diadakan oleh perbadanan ada disenaraikan untuk sebut harga di pasaran saham sesuatu bursa saham maka perbadanan itu hendaklah, bagi maksud subseksyen (1), disifatkan sebagai berkewajipan mematuhi, menuruti dan melaksanakan kehendak-kehendak tersenarai bursa saham itu.

## BAHAGIAN IV

## LESEN

12. (1) Seseorang tidak boleh menjalankan sesuatu urusan berniaga sekuriti atau mengemukakan dirinya sebagai menjalankan sesuatu urusan itu melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen peniaga di bawah Bahagian ini. *Lesen peniaga.*

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi peniaga terkecuali ~~dan syarikat anggota~~.

13. Seseorang tidak boleh bertindak sebagai seorang wakil peniaga, yang disebut "wakil" dalam Bahagian ini, melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen wakil peniaga di bawah Bahagian ini. *Lesen wakil peniaga.*

14. (1) Seseorang tidak boleh bertindak sebagai seorang penasihat pelaburan atau mengemukakan dirinya sebagai seorang penasihat pelaburan melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen penasihat pelaburan di bawah Bahagian ini. *Lesen penasihat pelaburan.*

(2) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi seseorang ~~broker saham atau~~ pemegang suatu lesen peniaga.

15. Seseorang tidak boleh bertindak sebagai seorang wakil pelaburan, yang disebut "wakil" dalam Bahagian ini, melainkan jika dia adalah pemegang suatu lesen wakil pelaburan di bawah Bahagian ini. *Lesen wakil pelaburan.*

16. (1) Sesuatu permohonan untuk sesuatu lesen atau untuk membaharui sesuatu lesen hendaklah dibuat kepada ~~Pendaftar~~ mengikut borang dan cara yang ditetapkan dan hendaklah disertakan dengan fee yang ditetapkan dan, mengenai sesuatu permohonan untuk membaharui sesuatu lesen, hendaklah dibuat tidak lewat dari tiga puluh hari sebelum tamatnya lesen itu. *Permohonan untuk lesen atau pembaharuan.*

(2) Pendaftar boleh menghendaki seseorang pemohon supaya memberi kepadanya apa-apa maklumat lanjut yang difikirkannya perlu berhubungan dengan permohonan itu.

Regarnan Relesan AA847 Suruhanjaya AA943

(3) Pendaftar tidak boleh enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa terlebih dahulu memberi pemohon itu suatu peluang untuk didengar.

Subs. by AA943

subs AA661

Pendaftar hendaklah memberi lesen peniaga atau lesen penasihat pelaburan dalam hal-hal keadaan tertentu.

**17.** (1) Pendaftar hendaklah memberi suatu lesen peniaga jika—

(*a*) setelah menimbangkan—

(i) kelakuan dan kedudukan kewangan pemohon kiranya pemohon itu adalah seorang biasa; atau

(ii) kelakuan pengarah-pengarah dan setiausaha dan kedudukan kewangan perbadanan kiranya pemohon itu adalah suatu perbadanan; dan

(*b*) setelah menimbangkan kepentingan-kepentingan orang awam,

dia berpendapat bahawa pemohon itu adalah seorang yang layak dan patut memegang lesen yang dipohon itu.

(2) Pendaftar hendaklah memberi suatu lesen penasihat pelaburan jika—

(*a*) setelah menimbangkan—

(i) kelakuan dan kedudukan kewangan pemohon kiranya pemohon itu adalah seorang biasa; atau

(ii) kelakuan pengarah-pengarah dan setiausaha dan kedudukan kewangan perbadanan kiranya pemohon itu ialah suatu perbadanan; dan

(*b*) setelah menimbangkan kepentingan-kepentingan orang ramai,

dia berpendapat bahawa pemohon itu adalah seorang yang layak dan patut memegang lesen yang dipohon itu.

AA943 →

18. (1) Pendaftar hendaklah membaharui suatu lesen peniaga jika—

Pendaftar hendaklah membaharui lesen peniaga atau lesen penasihat pelaburan dalam hal-hal keadaan tertentu.

(a) setelah menimbangkan—

(i) kelakuan dan kedudukan kewangan pemohon kiranya pemohon itu menjalankan urusan sebagai seorang peniaga dan adalah seorang broker saham; atau

(ii) kelakuan pengarah-pengarah dan setiausaha dan kedudukan kewangan perbadanan kiranya pemohon itu menjalankan urusan seorang peniaga sebagai suatu perbadanan dan bukan suatu syarikat anggota; dan

(b) setelah menimbangkan kepentingan-kepentingan orang awam,

dia berpendapat bahawa pemohon itu adalah seorang yang layak dan patut memegang lesen yang dipohon itu.

(2) Pendaftar hendaklah membaharui suatu lesen penasihat pelaburan jika—

(a) setelah menimbangkan—

(i) kelakuan dan kedudukan kewangan pemohon kiranya pemohon itu adalah seorang biasa; atau

(ii) kelakuan pengarah-pengarah dan setiausaha dan kedudukan kewangan perbadanan kiranya pemohon itu ialah suatu perbadanan; dan

(b) setelah menimbangkan kepentingan-kepentingan orang ramai,

dia berpendapat bahawa pemohon itu adalah seorang yang layak dan patut memegang lesen yang dipohon itu.

19. (1) ~~Pendaftar~~ hendaklah memberi atau membaharui lesen wakil jika setelah menimbangkan permohonan itu dia berpendapat bahawa pemohon itu adalah seorang yang layak dan patut memegang lesen yang dipohon itu.

Pendaftar hendaklah memberi atau membaharui lesen wakil dalam hal-hal keadaan tertentu.

(2) Pemegang lesen wakil boleh membuat permohonan kepada Pendaftar mengikut borang dan cara yang ditetapkan untuk mengubahkan nama pemegang lesen peniaga atau lesen penasihat pelaburan, mengikut mana yang berkenaan, yang bagi pihaknya dia bertindak.

(3) Jika sesuatu permohonan dibuat dengan wajar di bawah subseksyen (2), Pendaftar boleh, jika dia berpendapat bahawa pemohon itu adalah seorang yang layak dan patut bertindak bagi pihak pemegang lesen peniaga atau lesen penasihat pelaburan, mengikut mana yang berkenaan, yang dinamakan dalam permohonan itu, mengubah lesen itu dengan mengubahkan nama dan alamat yang dinyatakan dalam lesen itu.

Kuasa Pendaftar menyiasati transaksi syer.

**20.** (1) Pada memutuskan sama ada seseorang pemohon mendapatkan lesen atau pembaharuannya adalah seorang yang layak dan patut memegang suatu lesen di bawah Akta ini, Pendaftar boleh menyiasat apa-apa transaksi yang melibati pembelian atau penjualan sekuriti yang dibuat oleh orang itu, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, dalam manamana tempoh dua belas bulan sebelum permohonan mendapatkan lesen atau pembaharuannya, mengikut mana yang berkenaan, yang disebut "tempoh yang relevan" dalam seksyen ini untuk menentukan jika orang itu telah dalam transaksi itu atau siri transaksi menggunakan cara-cara atau amalan perdagangan yang curang, tak adil atau tak etik, sama ada cara-cara atau amalan-amalan perdagangan itu menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau selainnya.

(2) Bagi maksud-maksud subseksyen (1) Pendaftar boleh, mengikut apa-apa borang dan dalam masa yang dinyatakannya melalui notis secara bertulis, menghendaki pemohon yang memohon lesen atau pembaharuannya supaya mengemukakan maklumat yang lengkap mengenai apa-apa transaksi yang melibatkan pembelian atau penjualan sekuriti dalam tempoh yang relevan, tidak kira sama ada tempoh yang relevan itu terjatuh sebelum atau selepas tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

(3) Seseorang yang tidak atau enggan mengemukakan maklumat kepada Pendaftar dalam masa yang dinyatakan dalam notis yang disebut dalam subseksyen (2) atau yang memberi maklumat yang palsu

atau mengelirukan boleh, selain dari apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan di bawah Akta ini, dalam hal permohonan mendapatkan pembaharuan sesuatu lesen kena batalkan lesennya di bawah seksyen 27, dan dalam hal permohonan pertama mendapatkan lesen, kena tolak permohonannya.

*Kuasa ~~Pendaftar~~ untuk mengenakan syarat atau sekatan.*

**21.** (1) ~~Pendaftar~~ boleh memberi atau membaharui sesuatu lesen tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkannya patut.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi mana-mana syarat atau sekatan dalam lesennya adalah melakukan suatu kesalahan.

*Pernyataan palsu.*

**22.** Seseorang yang bersengaja membuat sesuatu pernyataan palsu atau yang mengelirukan mengenai sesuatu butir material berhubung dengan sesuatu permohonan untuk sesuatu lesen atau untuk membaharui sesuatu lesen dengan mengetahui pernyataan itu sebagai palsu atau mengelirukan atau bersengaja meninggalkan dari menyatakan sesuatu perkara atau benda yang tanpanya permohonan itu adalah mengelirukan mengenai suatu perkara material adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~satu~~ tahun atau kedua-duanya.

*Cagaran hendaklah diserah simpan berkenaan dengan lesen peniaga.*

**23.** (1) Kecuali dalam hal seseorang peniaga yang dia adalah seorang ~~broker saham~~, ~~Pendaftar~~ tidak boleh memberi atau membaharui sesuatu lesen peniaga melainkan jika ada diserah simpan dengan Akauntan Negara suatu deposit sejumlah tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit atau jumlah wang yang lebih besar sebagaimana diarahkan oleh Menteri supaya diserah simpan berkenaan dengan lesen itu.

(2) Deposit yang dikehendaki oleh subseksyen (1) hendaklah dibuat dengan wangtunai atau dengan apa-apa bentuk lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Akauntan Negara dalam sesuatu hal tertentu.

*Tempoh lesen.*

**24.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), sesuatu lesen hendaklah tamat satu tahun selepas tarikh ia dikeluarkan.

(2) Sesuatu lesen yang telah dibaharui mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh dua belas bulan selepas tarikh ia tetap akan tamat jika ia tidak dibaharui.

Pemberitahuan perubahan mengenai butir-butir.

**25.** Jika—

(*a*) pemegang suatu lesen peniaga berhenti menjalankan urusan yang dimaksudkan oleh lesen itu;

(*b*) pemegang suatu lesen penasihat pelaburan berhenti bertindak sebagai, atau mengemukakan dirinya menjadi, penasihat pelaburan;

(*c*) pemegang suatu lesen wakil berhenti menjadi wakil peniaga atau penasihat pelaburan yang berhubungan dengannya lesen wakil itu telah dikeluarkan, dan lesen itu belum lagi diubah di bawah seksyen 19; atau

(*d*) perubahan berlaku mengenai apa-apa perkara yang butir-butirnya adalah dikehendaki oleh seksyen 26 supaya dicatatkan dalam daftar pemegang lesen berhubungan dengan pemegang sesuatu lesen,

pemegang lesen itu hendaklah, tidak lewat daripada empat belas hari selepas berlakunya kejadian yang berkenaan itu, memberi kepada Pendaftar, dalam borang yang ditetapkan, butir-butir secara bertulis mengenai kejadian yang berkenaan itu.

Daftar pemegang-pemegang lesen.

**26.** (1) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu daftar mengikut apa-apa bentuk yang difikirkannya patut mengenai pemegang-pemegang lesen semasa, menyatakan—

(*a*) berhubungan dengan tiap-tiap seorang pemegang lesen peniaga atau lesen penasihat pelaburan—

(i) namanya;

(ii) jika pemegang suatu perbadanan, nama pengarah-pengarah dan setiausaha perbadanan itu;

(iii) alamat tempat utama urusan di mana dia menjalankan urusan yang mengenainya lesen itu dipegang; dan

(iv) jika urusan itu dijalankan di bawah sesuatu nama atau gelaran yang lain daripada nama pemegang lesen itu, nama atau gelaran di bawah mana urusan itu dijalankan; dan

(b) berhubungan dengan tiap-tiap seorang pemegang lesen wakil—

(i) namanya;

(ii) nama peniaga/atau penasihat pelaburan yang berhubungan dengannya lesen itu telah dikeluarkan; dan ∠AA943

(iii) jika urusan peniaga/atau penasihat pelaburan itu adalah dijalankan di bawah sesuatu nama atau gelaran yang lain daripada nama peniaga atau penasihat pelaburan itu, nama atau gelaran di bawah mana urusan itu dijalankan.

(2) Seseorang boleh, apabila dibayar fee yang ditetapkan, memeriksa dan mengambil cabutan-cabutan daripada daftar yang disimpan di bawah subseksyen (1). ←AA943

(a),(b),(c) —

Kuasa ~~Pendaftar~~ untuk membatalkan lesen, dsb. Subs. by AA943 x(Pegawai Pelesen AA847

27. Pemegang sesuatu lesen boleh dikehendaki oleh x/~~Pendaftar~~ menunjukkan sebab mengapa lesennya tidak patut dibatalkan dan mengapa dia tidak patut dilucutkan kelayakan sama ada selama-lamanya atau buat sementara daripada memegang sesuatu lesen itu—

(a) dalam hal seorang individu, atas alasan bahawa dia adalah seorang yang tidak layak dan patut memegang lesen itu; atau

(b) dalam hal suatu perbadanan, atas alasan bahawa perbadanan itu bukanlah orang yang layak dan patut memegang lesen itu atau bahawa seseorang pengarah atau setiausaha perbadanan itu bukanlah seorang yang layak dan patut menjadi seorang pengarah atau setiausaha, mengikut mana yang berkenaan, bagi sesuatu perbadanan yang memegang sesuatu lesen itu.

Subs. by AA943

Rayuan.

x/Pegawai Pelesen AA847

**28.** (1) Seseorang yang terkilan dengan sesuatu keputusan x/~~Pendaftar~~ di bawah Bahagian ini, lain daripada seksyen 27, boleh merayu kepada Menteri dan sesorang yang terkilan dengan sesuatu keputusan x/~~Pendaftar~~ di bawah seksyen 27 boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi asalkan rayuan dalam tiap-tiap satu hal itu dibuat dalam tempoh tiga puluh hari selepas keputusan x/~~Pendaftar~~ itu.

(2) Dalam sesuatu rayuan di bawah seksyen ini keputusan Menteri atau Mahkamah Tinggi, mengikut mana yang berkenaan, adalah muktamad dan hendaklah dikuatkuasakan oleh Pendaftar.

AA943 → 28A ---

## BAHAGIAN V

## REKOD

Pemakaian Bahagian ini.

**29.** (1) Bahagian ini terpakai bagi seseorang yang menjadi—

(*a*) seorang peniaga;

(*b*) seorang wakil peniaga;

(*c*) seorang penasihat pelaburan;

(*d*) seorang wakil pelaburan;

Subs. by AA943

(*e*) seorang yang bekerja terus dengan atau yang bertindak untuk atau atas perkiraan dengan broker saham dan yang menjalankan untuk broker saham itu mana-mana daripada fungsi seseorang peniaga atau penasihat pelaburan, lain daripada kerja yang biasanya dijalankan oleh akauntan, kerani atau juruwang, sama ada saraannya adalah dengan jalan gaji, upah atau komisen atau selainnya; ~~atau~~

A/AA790 AA943 → (f)---

AA943 (g)(f) seorang wartawan kewangan; atau

AA790 → (h)(g)---

Subs. by AA943

(2) Dalam Bahagian ini "wartawan kewangan" ertinya seseorang yang menyumbangkan nasihat mengenai sekuriti atau menyediakan analisis-analisis atau laporan-laporan mengenai sekuriti untuk disiarkan dalam sesuatu akhbar atau majalah berkala yang *bona fide*.

(3) Dalam Bahagian ini sebutan mengenai sekuriti ialah sebutan mengenai sekuriti bagi sesuatu perbadanan yang mana adalah suatu syarikat awam dalam erti Akta Syarikat 1965 dan mengenai sekuriti yang disebut harga atau diniagakan dalam sesuatu bursa saham Malaysia.

*Akta 125.*

30. (1) Seseorang yang Bahagian ini terpakai baginya hendaklah menyenggara suatu daftar mengikut bentuk yang ditetapkan mengenai sekuriti dalam mana dia mempunyai sesuatu kepentingan. Daftar sekuriti

(2) Daftar yang dikehendaki disimpan di bawah Bahagian ini hendaklah disimpan di suatu tempat di Malaysia sebagaimana yang ~~dinamakannya dalam permohonannya untuk sesuatu lesen~~. AA943

(3) Butir-butir mengenai sekuriti dalam mana seseorang yang Bahagian ini terpakai baginya mempunyai sesuatu kepentingan dan butir-butir mengenai kepentingannya dalam sekuriti itu hendaklah dicatatkan dalam daftar itu dalam tempoh tujuh hari ~~selepas kepentingan itu diperolehi~~. AA943

(4) (*a*) Jika terdapat perubahan, iaitu bukannya perubahan yang ditetapkan, mengenai kepentingan atau kepentingan-kepentingan seseorang yang Bahagian ini terpakai baginya dalam sekuriti dia hendaklah mencatatkan dalam daftar butir-butir penuh mengenai perubahan itu termasuk tarikh perubahan dan hal-hal keadaan yang menyebabkan berlakunya perubahan itu.

(*b*) Catatan itu hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh hari selepas tarikh perubahan itu.

(*c*) Bagi maksud-maksud subseksyen ini, jika seseorang memperolehi atau melupuskan sekuriti maka hendaklah disifatkan ada berlaku suatu perubahan mengenai kepentingan atau kepentingan-kepentingan orang itu.

31. (1) Seseorang yang Bahagian ini terpakai baginya hendaklah memberi notis kepada ~~Pendaftar~~ mengikut borang yang ditetapkan mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang ditetapkan termasuk tempat di mana dia akan menyimpan daftar mengenai kepentingan-kepentingannya dalam sekuriti. Notis mengenai butir-butir kepada ~~Pendaftar~~ Pegawai Pelesen AA847 Suruhanjaya AA943

(2) Notis itu hendaklah diberi—

(*a*) dalam hal seorang yang dikehendaki oleh Akta ini memegang sesuatu lesen, sebagai sebahagian daripada permohonannya untuk lesen itu; atau

(*b*) dalam hal mana-mana orang lain jika orang itu menjadi seorang yang Bahagian ini terpakai baginya dalam tempoh empat belas hari selepas menjadi seorang tersebut.

(3) Notis itu hendaklah diberi sedemikian walaupun orang itu telah berhenti daripada menjadi seorang yang Bahagian ini terpakai baginya sebelum tamat tempoh yang tersebut dalam subseksyen (2).

(4) Seseorang yang berhenti daripada menjadi seorang yang Bahagian ini terpakai baginya hendaklah memberi notis kepada ~~Pendaftar~~ mengenai keberhentiannya itu mengikut borang yang ditetapkan dalam tempoh empat belas hari selepas dia berhenti itu.

~~Pegawai Pelesen AA847~~
Suruhanjaya AA943

(5) Seseorang yang tidak memberi atau cuai daripada memberi notis sebagaimana dikehendaki oleh seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembelaan terhadap pendakwaan.

**32.** (1) Adalah menjadi suatu pembelaan terhadap suatu pendakwaan kerana melanggar atau tidak mematuhi seksyen 30 ~~dan~~ 31 jika defendan membuktikan bahawa sebabnya dia tidak mematuhi seksyen-seksyen itu ialah oleh kerana dia tidak tahu mengenai sesuatu fakta atau kejadian yang adanya itu adalah perlu untuk menjadikan kesalahan itu dan bahawa—

atau AA943

(*a*) dia tidak tahu sedemikian pada tarikh saman itu;

(*b*) dia telah tahu sedemikian kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh saman itu; atau

(*c*) dia telah tahu sedemikian tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh saman itu dan telah mematuhi seksyen yang relevan itu ~~dalam tempoh empat belas hari~~ selepas mendapat tahu sedemikian.

AA943

(2) Bagi maksud-maksud subseksyen (1), seseorang hendaklah dianggap dengan muktamad sebagai telah tahu mengenai sesuatu fakta atau kejadian pada sesuatu masa tertentu jika seseorang pekerja atau ejen orang itu, iaitu pekerja atau ejen yang mempunyai kewajipan-kewajipan atau yang bertindak berhubungan dengan kepentingan majikan atau prinsipalnya dalam sekuriti yang berkenaan itu telah tahu mengenai fakta atau kejadian itu pada masa yang tertentu itu.

Mengemukakan daftar.

33. (1) /~~Pendaftar~~ atau ~~seseorang~~ yang diberi kuasa ~~olehnya bagi maksud~~ itu boleh menghendaki seseorang yang Bahagian ini terpakai baginya mengemukakan untuk diperiksa daftar, yang dikehendaki disimpan menurut seksyen 30 dan /~~Pendaftar~~ atau ~~seseorang~~ yang ~~diberi kuasa sedemikian~~ boleh membuat sesuatu salinan atau membuat cabutan-cabutan dari daftar itu.

/Suruhanjaya atau AA847

(2) Seseorang yang tidak mengemukakan sesuatu daftar untuk diperiksa atau tidak membenarkan /~~Pendaftar~~ ~~atau seseorang yang diberikuasa~~ membuat sesuatu salinan atau membuat cabutan-cabutan dari daftar itu adalah melakukan suatu kesalahan.

Butir-butir mengenai wartawan-wartawan kewangan.

34. (1) /~~Pendaftar atau seseorang yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu~~ boleh melalui notis secara bertulis menghendaki tuanpunya atau penerbit sesuatu akhbar atau majalah berkala supaya memberi /~~kepadanya~~ nama dan alamat wartawan kewangan yang telah menyumbangkan apa-apa nasihat atau menyediakan apa-apa analisis atau laporan yang telah disiarkan dalam sesuatu akhbar atau majalah berkala yang dipunyai atau diterbitkan oleh tuanpunya atau penerbit itu atau nama dan alamat semua wartawan kewangan yang telah menyumbangkan apa-apa nasihat atau menyediakan apa-apa analisis atau laporan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

/Suruhanjaya atau AA847

/Kepada Suruhanjaya atau Pendaftar AA847

Subs-AA1312

(2) Seseorang tuanpunya atau penerbit sesuatu akhbar atau majalah berkala yang bersengaja tidak mematuhi sesuatu notis di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

/Suruhanjaya atau AA847

Pendaftar boleh memberi salinan cabutan dari daftar.

35. /~~Pendaftar~~ boleh setelah dibayar fee yang ditetapkan memberi kepada mana-mana orang satu salinan cabutan dari daftar yang didapati menurut seksyen 33.

## BAHAGIAN VI

## PENJALANAN URUSAN SEKURITI

Peniaga.

36. Bagi maksud Bahagian ini, seorang "peniaga" termasuk seorang anggota syarikat tetapi tidak termasuk seseorang peniaga terkecuali./

Pernyataan tertentu dilarang.

**37.** (1) Seseorang yang adalah pemegang sesuatu lesen tidak boleh menyatakan atau memberi faham, atau dengan diketahuinya membenar dinyatakan atau diberi faham dengan apa-apa cara kepada seseorang bahawa kebolehan atau kelayakan pemegang lesen itu telah diluluskan oleh /Pendaftar berkenaan dengan sesuatu hal.

/Pegawai Pelesen AA847 /Suruhanjaya AA943

(2) Suatu pernyataan yang menyatakan bahawa seseorang adalah pemegang sesuatu lesen bukanlah suatu pelanggaran terhadap seksyen ini.

Subs. by AA943

Pengeluaran nota kontrak.

**38.** (1) Seseorang peniaga hendaklah, berkenaan dengan sesuatu transaksi penjualan atau pembelian sekuriti, dengan serta-merta memberi suatu nota kontrak yang mematuhi subseksyen (2) kepada—

(*a*) orang yang baginya peniaga membuat transaksi jika transaksi itu dilaksanakan mengikut penjalanan urusan biasa di pasaran saham dan peniaga membuat transaksi selain dari sebagai prinsipal;

(*b*) orang yang baginya peniaga membuat transaksi dan orang yang dengannya peniaga membuat transaksi jika transaksi itu tidak dilaksanakan mengikut penjalanan urusan biasa di pasaran saham dan peniaga membuat transaksi selain dari sebagai prinsipal; dan

(*c*) orang yang dengannya peniaga membuat transaksi jika transaksi itu tidak dilaksanakan mengikut penjalanan urusan biasa di pasaran saham dan peniaga membuat transaksi itu sebagai prinsipal.

(2) Suatu nota kontrak yang diberi oleh seseorang peniaga di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk—

(*a*) nama atau gelaran bagaimana peniaga menjalankan urusannya sebagai peniaga dan alamat tempat utama dia menjalankan urusannya;

(*b*) jika peniaga berniaga sebagai prinsipal dengan seseorang yang bukan pemegang lesen peniaga, suatu pernyataan bahawa dia adalah bertindak sedemikian;

+A661

(*c*) nama /dan alamat orang yang kepadanya peniaga memberi nota kontrak itu;

(*d*) hari transaksi itu dilaksanakan dan, jika transaksi tidak dilaksanakan mengikut penjalanan urusan biasa di pasaran saham, suatu pernyataan yang bermaksud sedemikian itu;

(*e*) nombor, atau amaun dan perihal, sekuriti yang menjadi hal perkara kontrak;

(*f*) harga seunit bagi sekuriti itu;

(*g*) amaun sebagai balasannya;

(*h*) kadar dan amaun komisen yang dicaj;

(*i*) amaun semua duti setem atau lain-lain duti dan cukai yang kena dibayar berkaitan dengan kontrak itu; dan

(*j*) jika sesuatu amaun hendak ditambah atau dipotong daripada amaun penyelesaian berkenaan dengan hak mendapatkan faedah yang dibeli atau dijual berserta sekuriti itu, amaun mula-mula tersebut itu dan jenis faedah itu.

(3) Seseorang peniaga tidak boleh memasukkan dalam nota kontrak yang diberi di bawah subseksyen (1), sebagai nama orang yang dengannya atau baginya dia membuat transaksi itu, suatu nama yang dia ketahui, atau dapat dengan munasabahnya dijangka kenal, bukanlah nama yang kebiasaannya orang itu dikenali.

(4) Sesuatu sebutan dalam seksyen ini mengenai peniaga yang berniaga, atau membuat sesuatu transaksi, sebagai prinsipal termasuklah sebutan mengenai seseorang—

(*a*) yang berniaga atau membuat transaksi bagi pihak seseorang yang bersekutu dengannya;

(*b*) yang berniagakan sekuriti bagi pihak pertubuhan perbadanan dalam mana dia mempunyai kepentingan mengawal; atau

(*c*) di mana dia menjalankan urusan sebagai seorang peniaga bagi pihak suatu pertubuhan perbadanan dalam mana kepentingannya dan kepentingan ~~pekongsi-pekongsi atau~~ pengarah-pengarahnya bersesama adalah menjadi kepentingan mengawal.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

(*a*) seseorang peniaga yang ianya adalah anggota ~~bursa saham~~ tidak boleh dikira sebagai membuat transaksi sebagai prinsipal semata-mata oleh sebab transaksi itu telah dibuat dengan seseorang peniaga lain yang adalah ~~anggota bursa saham~~; dan

(*b*) sesuatu transaksi yang dilaksanakan mengikut perjalanan urusan biasa di pasaran saham jika ia dilaksanakan mengikut hal-hal keadaan yang ditetapkan atau adalah suatu transaksi yang dikira transaksi yang ditetapkan bagi maksud seksyen ini.

(6) Walau apa pun peruntukan-peruntukan seksyen 3, seseorang yang tidak bersekutu dengan seseorang lain bagi maksud seksyen ini semata-mata oleh sebab bahawa dia—

(*a*) seseorang pekongsi dengan seorang lagi satu selain dari sebab dia menjalankan suatu urusan berniagakan sekuriti secara perkongsian dengan seorang lagi satu itu; atau

(*b*) seseorang pengarah pertubuhan perbadanan yang mana orang lagi satu itu adalah juga seorang pengarah, sama ada atau tidak pertubuhan perbadanan itu menjalankan urusan berniagakan sekuriti.

Orang-orang tertentu hendaklah menzahirkan kepentingan-kepentingan tertentu dalam sekuriti.

**39.** (1) Jika seseorang adalah seorang peniaga, penasihat pelaburan, wakil peniaga atau wakil pelaburan dan dia menghantar pekeliling atau lain-lain perhubungan bertulis yang seumpama itu yang dalamnya dia membuat suatu syor, sama ada dengan nyata atau secara implikasi, berkenaan dengan sekuriti atau suatu kelas sekuriti, orang yang pertama tersebut itu hendaklah menyebab dimasukkan ke dalam tiap-tiap pekeliling atau lain-lain perhubungan itu, dengan bertaip yang tidak kurang mudahnya untuk dibaca dari yang digunakan dalam pekeliling atau lain-lain perhubungan yang selebihnya itu, suatu pernyataan ringkas mengenai jenis apa-apa kepentingan yang relevan dalam, atau apa-apa kepentingan dalam pemerolehan atau pelupusan, sekuriti-sekuriti itu atau sekuriti-sekuriti yang termasuk dalam kelas tersebut yang orang pertama tersebut itu

atau seseorang yang bersekutu dengannya itu ada padanya pada tarikh orang yang pertama tersebut itu akhir sekali menghantar pekeliling atau lain-lain perhubungan itu.

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan kepada sesuatu pendakwaan kerana sesuatu kesalahan terhadap subseksyen (1) berhubungan dengan sesuatu kegagalan untuk memasukkan dalam pekeliling atau lain-lain perhubungan itu suatu pernyataan mengenai jenis kepentingan yang relevan dalam, atau suatu kepentingan dalam pemerolehan atau pelupusan, sekuriti-sekuriti itu atau sekuriti-sekuriti yang termasuk dalam suatu kelas sekuriti-sekuriti, sebagai suatu kepentingan yang relevan atau suatu kepentingan pihak defendan atau kepentingan seseorang yang bersekutu dengan defendan itu, jika defendan itu membuktikan bahawa, pada masa pekeliling atau lain-lain perhubungan itu dihantar, dia tidak tahu dan tidak munasabah dapat dijangkakan telah tahu—

(*a*) bahawa dia mempunyai kepentingan yang relevan dalam, atau suatu kepentingan dalam pemerolehan atau pelupusan, sekuriti-sekuriti yang termasuk dalam kelas itu; atau

(*b*) bahawa orang yang bersekutu dengannya mempunyai kepentingan yang relevan dalam, atau suatu kepentingan dalam pemerolehan atau pelupusan, sekuriti-sekuriti itu atau sekuriti-sekuriti yang termasuk dalam kelas itu,

mengikut mana yang berkenaan.

(3) Bagi maksud-maksud subseksyen (1) dan (2)—

(*a*) kepentingan seseorang dalam pelupusan sekuriti termasuklah apa-apa faedah atau keuntungan kewangan yang akan, atau berkemungkinan, terakru secara langsung atau secara tak langsung kepada orang itu apabila dilupuskan, atau ~~mem~~berbangkit dari pelupusan, sekuriti-sekuriti itu;

(*b*) tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu itu, seseorang yang telah membuat suatu perjanjian underait berkenaan dengan sekuriti-sekuriti hendaklah disifatkan sebagai mempunyai kepentingan dalam pemerolehan atau pelupusan sekuriti-sekuriti itu; dan

subs. A661

(c) walau apa pun peruntukan-peruntukan seksyen 3, seseorang yang tidak bersekutu dengan seseorang lain berhubungan dengan penghantaran suatu pekeliling atau lain-lain perhubungan atau pembuatan suatu syor semata-mata oleh sebab dia—

(i) seorang pekongsi dengan seorang lagi satu selain dari sebab dia menjalankan suatu urusan berniagakan sekuriti secara perkongsian dengan seorang lagi satu itu;

(ii) seseorang pengarah pertubuhan perbadanan yang mana seorang lagi satu itu adalah juga seorang pengarah, sama ada atau tidak pertubuhan perbadanan itu menjalankan urusan berniagakan sekuriti,

melainkan jika orang itu dan orang lagi satu itu bertindak bersesama, atau selainnya bertindak bersama-sama atau di bawah atau mengikut suatu perkiraan yang dibuat antara mereka, berhubungan dengan penghantaran pekeliling atau perhubungan itu atau pembuatan syor itu.

(4) Jika—

(a) seseorang telah melanggan atau membeli sekuriti-sekuriti bagi maksud menawarkan kesemuanya atau mana-mana darinya kepada orang ramai untuk membelinya; dan

(b) orang itu menawarkan mana-mana sekuriti tersebut untuk dibeli,

maka orang itu tidak boleh membuat syor, sama ada secara lisan atau secara bertulis dan sama ada dengan nyata atau secara implikasi, berkenaan dengan sekuriti-sekuriti yang ditawarkan untuk dibeli melainkan jika dia telah memberitahu tiap-tiap orang yang kepadanya syor itu telah dibuat bahawa dia memperolehi sekuriti-sekuriti itu bagi maksud tersebut.

(5) Jika—

(a) sekuriti-sekuriti telah ditawarkan untuk dilanggan atau dijual; dan

(*b*) seseorang telah melanggan atau membeli atau sedang atau akan atau mungkin dikehendaki melanggan atau membeli, mana-mana daripada sekuriti itu di bawah suatu perjanjian underait oleh kerana beberapa atau kesemua sekuriti itu belum lagi dilanggan atau dibeli,

maka orang itu tidak boleh, dalam tempoh sembilan puluh hari selepas tawaran itu tutup, membuat suatu tawaran untuk menjual sekuriti-sekuriti itu, selain dari mengikut penjalanan urusan biasa di pasaran saham, atau membuat suatu syor berkenaan dengan sekuriti-sekuriti itu melainkan jika tawaran atau syor itu mengandungi atau disertakan dengan suatu pernyataan yang bermaksud bahawa tawaran atau syor itu adalah berhubungan dengan sekuriti-sekuriti yang telah diperolehinya, atau sedang atau akan atau mungkin dikehendaki diperolehinya, di bawah suatu perjanjian underait oleh kerana beberapa atau kesemua sekuriti itu belum lagi dilanggan atau dibeli.

(6) Seseorang yang adalah seorang peniaga, penasihat pelaburan, wakil peniaga atau wakil pelaburan tidak boleh menghantar kepada seseorang suatu pekeliling atau lain-lain perhubungan atau tawaran atau syor tawaran bertulis yang subseksyen (1), (4) atau (5) terpakai baginya melainkan jika pekeliling atau lain-lain perhubungan itu atau tawaran atau syor itu—

(*a*) jika orang itu adalah manusia biasa, telah ditandatangani oleh orang itu;

(*b*) jika orang itu adalah menusia biasa yang menjalankan urusan secara perkongsian, ditandatangani oleh seorang pekongsi dalam perkongsian itu menggunakan namanya sendiri atau menggunakan nama perkongsiannya;

(*c*) jika orang itu adalah manusia biasa dan adalah seorang broker saham yang menjalankan urusan dalam suatu perbadanan, oleh seseorang pengarah, seseorang pegawai eksekutif atau setiausaha perbadanan itu; atau

(*d*) jika orang itu adalah suatu perbadanan, ditandatangani oleh seseorang pengarah, seseorang pegawai eksekutif atau setiausaha perbadanan itu.

(7) Jika seseorang yang adalah seorang peniaga, penasihat pelaburan, wakil peniaga atau wakil pelaburan menghantar kepada seseorang suatu pekeliling atau lain-lain perhubungan atau suatu tawaran atau syor bertulis yang subseksyen (1), (4) atau (5) terpakai baginya, orang yang mula-mula tersebut itu hendaklah—

(*a*) jika dia adalah seorang anggota, atau seorang pekerja firma anggota atau syarikat anggota sesuatu bursa saham, sesudah itu menyampaikan suatu salinan pekeliling atau lain-lain perhubungan atau tawaran atau syor atas bursa saham itu; atau

(*b*) dalam mana-mana hal lain, sesudah itu menyerah simpan suatu salinan pekeliling atau lain-lain perhubungan atau tawaran atau syor itu dengan Pendaftar.

(8) Suatu bursa saham atau Pendaftar yang salinan pekeliling atau lain-lain perhubungan atau tawaran atau syor bertulis itu disampaikan atau diserah simpan kepadanya di bawah subseksyen (7) hendaklah menyimpan salinan itu selama tempoh tujuh tahun selepas hari bursa saham atau lain-lain pertubuhan perbadanan menerima salinan itu.

(9) Suatu salinan pekeliling atau lain-lain perhubungan atau suatu tawaran atau syor bertulis yang disampaikan oleh seseorang kepada bursa saham atau diserah simpan dengan Pendaftar mengikut subseksyen (7) hendaklah salinan yang ditandatangani—

(*a*) oleh orang itu jika orang itu adalah manusia biasa;

(*b*) oleh seorang pekongsi dalam perkongsian dengan menggunakan namanya sendiri atau nama perkongsiannya jika orang itu adalah manusia biasa yang menjalankan urusan secara perkongsian;

(*c*) oleh seseorang pengarah, seseorang pegawai eksekutif atau setiausaha perbadanan itu jika orang itu adalah manusia biasa dan adalah seorang broker saham yang menjalankan urusan dalam suatu perbadanan;

(*d*) oleh seseorang pengarah, seseorang pegawai eksekutif atau setiausaha perbadanan itu jika orang itu adalah suatu perbadanan.

(10) Suatu sebutan dalam seksyen ini mengenai sesuatu tawaran sekuriti hendaklah diertikan sebagai termasuk suatu sebutan mengenai suatu pernyataan, bagaimana jua dinyatakan, yang bukannya suatu tawaran tetapi dengan nyata atau secara implikasi menjemput seseorang yang tawaran telah dibuat kepadanya untuk memperolehi sekuriti itu.

(11) Bagi maksud-maksud seksyen ini, suatu pekeliling atau lain-lain perhubungan atau suatu tawaran atau syor bertulis yang dihantar kepada seseorang itu hendaklah—

(*a*) jika ianya ditandatangani oleh seseorang dalam perkongsian, disifatkan telah dihantar oleh tiap-tiap pekongsi dalam perkongsian itu; atau

(*b*) jika ianya ditandatangani oleh seorang pengarah, seseorang pegawai eksekutif atau setiausaha perbadanan, disifatkan telah dihantar oleh perbadanan itu.

(12) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~dua~~ tahun atau kedua-duanya.

40. (1) Tertakluk kepada subseksyen (5), seseorang peniaga tidak boleh, sebagai perinsipal, berniaga apa-apa sekuriti dengan seseorang yang bukan seorang peniaga melainkan jika dia terlebih dahulu memberitahu orang yang dengannya dia berniaga, bahawa dia bertindak dalam transaksi itu sebagai prinsipal dan bukan sebagai ejen. Berurusan sebagai prinsipal.

(2) Suatu sebutan dalam seksyen ini mengenai seseorang peniaga yang berniaga atau membuat suatu transaksi sebagai prinsipal termasuklah suatu sebutan mengenai seseorang—

(*a*) yang berniaga atau membuat transaksi bagi pihak seseorang yang bersekutu dengannya;

(*b*) yang berniagakan sekuriti bagi pihak suatu perbadanan dalam mana dia mempunyai kepentingan mengawal; atau

(c) di mana dia menjalankan urusan sebagai seorang peniaga bagi pihak suatu perbadanan dalam mana kepentingannya dan kepentingan pekongsi-pekongsi atau pengarah-pengarahnya bersesama menjadikan suatu kepentingan mengawal.

(3) Seseorang peniaga yang, sebagai prinsipal, membuat suatu transaksi penjualan atau pembelian sekuriti dengan seseorang yang bukan seorang peniaga hendaklah menyatakan dalam nota kontrak bahawa dia bertindak dalam transaksi itu sebagai prinsipal dan bukan sebagai ejen.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6), seseorang peniaga yang sebagai prinsipal, dengan sebab lain daripada sebab bahawa dia berniaga atau membuat suatu transaksi bagi pihak seseorang yang bersekutu dengannya membuat suatu transaksi penjualan atau pembelian sekuriti dengan seseorang yang bukan seorang peniaga tidak boleh mencajkan orang itu apa-apa bayaran broker, komisen atau apa-apa fee lain berkenaan dengan transaksi itu.

(5) Subseksyen (1) ~~dan (4)~~ tidak terpakai berhubungan dengan sesuatu transaksi yang dibuat oleh seseorang peniaga yang dia adalah ~~seorang anggota~~ bursa saham dan mahir dalam transaksi berhubungan dengan sekuriti-sekuriti lot ganjil sebagai suatu transaksi penjualan dan pembelian sesuatu sekuriti lot ganjil.

(6) Subseksyen (4) tidak terpakai bagi seseorang peniaga yang, sebagai prinsipal, membuat suatu transaksi penjualan atau pembelian sekuriti-sekuriti di bawah suatu suratikatan yang diluluskan dalam erti Penggal 5 Bahagian 4 Akta Syarikat 1965 dengan seseorang yang bukan seorang peniaga dan mencaj bayaran broker, komisen atau lain-lain fee berkenaan dengan transaksi itu mengikut peruntukan-peruntukan suratikatan yang diluluskan.

(7) Jika seseorang peniaga tidak mematuhi subseksyen ~~(1), (3) atau~~ (4) berkenaan dengan suatu kontrak penjualan sekuriti olehnya, pembeli sekuriti-sekuriti itu boleh, jika dia belum lagi melupuskannya, membatalkan kontrak itu melalui suatu notis pembatalan secara bertulis yang diberi kepada ~~seseorang~~

peniaga tidak lewat daripada empat belas hari selepas penerimaan nota kontrak dan, jika seseorang peniaga tidak mematuhi subseksyen (1), (3) atau (4) berkenaan dengan suatu kontrak pembelian sekuriti olehnya, pembeli sekuriti itu boleh, mengikut cara yang sama, membatalkan kontrak itu.

(8) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (7) menjejas apa-apa hak yang dimiliki oleh orang itu selain dari subseksyen tersebut.

(9) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

41. (1) Tertakluk kepada seksyen ini dan mana-mana peraturan yang mungkin dibuat, seseorang tidak boleh menjual sekuriti kepada seseorang pembeli melainkan jika, pada masa dia menjualkannya— Jualan jangkaturun.

(a) dia mempunyai atau, jika dia menjual sebagai ejen, prinsipalnya mempunyai; atau

(b) dia mempercayai atas alasan-alasan yang munasabah bahawa dia mempunyai, atau jika dia menjual sebagai ejen, prinsipalnya mempunyai,

suatu hak boleh guna dan tanpa syarat sekarang ini untuk meletakhak sekuriti itu pada pembeli.

(2) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud-maksud subseksyen (1)—

(a) seseorang yang, pada bila-bila masa tertentu, mempunyai suatu hak boleh guna dan tanpa syarat sekarang ini supaya sekuriti-sekuriti diletakhak padanya atau mengikut arahan-arahannya hendaklah disifatkan telah mempunyai pada masa itu hak boleh guna dan tanpa syarat sekarang ini untuk meletakhak sekuriti-sekuriti itu pada seseorang lain; dan

(b) hak seseorang untuk meletakhak sekuriti-sekuriti pada seseorang lain tidak boleh disifatkan sebagai bukan tanpa syarat semata-mata oleh sebab hakikatnya bahawa sekuriti-sekuriti itu digadaikan atau disandarkan bagi kepentingan seseorang lain untuk mendapatkan pembayaran balik wang.

(4) Subseksyen (1) tidak terpakai berhubungan dengan—

(a) penjualan sekuriti-sekuriti oleh pemegang sesuatu lesen peniaga yang ~~adalah seorang anggota bursa saham dan~~ mahir dalam transaksi berhubungan dengan sekuriti-sekuriti lot ganjil, sebagai suatu jualan yang dibuat olehnya sebagai prinsipal semata-mata bagi maksud—

(i) menerima suatu tawaran untuk membeli sekuriti-sekuriti lot ganjil; atau

(ii) melupuskan balutan sekuriti-sekuriti yang kurang daripada satu balutan sekuriti-sekuriti yang boleh pasar dengan cara menjual satu balutan sekuriti-sekuriti yang boleh pasar itu;

(b) penjualan sekuriti-sekuriti oleh seseorang yang sebelum masa penjualan membuat suatu kontrak untuk membeli sekuriti-sekuriti itu dan yang mempunyai hak supaya sekuriti-sekuriti itu diletakhak padanya iaitu bersyarat hanya atas semua atau mana-mana dari berikut—

(i) pembayaran sebagai balasan berkenaan dengan pembelian itu;

(ii) dia telah menerima suatu suratcara pindahmilik yang sewajarnya berkenaan dengan sekuriti-sekuriti itu;

(iii) dia telah menerima dokumen-dokumen yang dikira, atau dikira dokumen-dokumen hakmilik kepada, sekuriti-sekuriti itu; ~~atau~~

Subs. by A493

(c) penjualan sekuriti-sekuriti jika—

(i) orang yang menjual sekuriti-sekuriti itu tidak bersekutu dengan perbadanan yang mengeluarkan atau mengadakan sekuriti-sekuriti itu;

(ii) perkiraan dibuat sebelum masa penjualan yang akan membolehkan penyerahan sekuriti-sekuriti dari kelas yang dijualkan dibuat kepada pembeli dalam tempoh tiga hari urusan selepas tarikh transaksi melaksanakan penjualan itu; dan

(iii) jika penjualan itu dilaksanakan di pasaran saham sesuatu bursa saham—

(*a*) harga seunit berkenaan dengan jualan itu tidaklah rendah daripada harga jualan biasa yang dilaksanakan sebelumnya; dan

(*b*) harga seunit adalah lebih tinggi daripada harga jualan biasa yang dilaksanakan sebelumnya melainkan jika harga jualan biasa yang dilaksanakan sebelumnya itu adalah lebih tinggi daripada harga berlainan kemudiannya yang jualan biasa itu dilaksanakan,

dan bursa saham diberitahu dengan serta merta bahawa penjualan itu telah dibuat kurang mengikut subparagraph ini.

(4)(d)(c)...

(5) Bagi maksud seksyen ini, suatu "balutan sekuriti-sekuriti boleh pasar" berhubungan dengan sekuriti-sekuriti yang disenaraikan untuk disebut harga di pasaran saham sesuatu bursa saham, ertinya suatu balutan sekuriti-sekuriti itu yang boleh pasar dalam erti kaedah-kaedah ~~atau kehendak-kehendak pensenaraian~~ bursa saham.

(6) Seseorang yang meminta pemegang sesuatu lesen peniaga untuk melaksanakan penjualan sekuriti-sekuriti yang mana subseksyen (1) terpakai tetapi kalau tidak kerana paragraf (*c*) subseksyen (4) hendaklah, pada membuat permintaan itu, memberitahu pemegang lesen itu bahawa penjualan itu adalah jualan jangkaturun

(7) Seseorang yang, di pasaran saham sesuatu bursa saham, melaksanakan, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, suatu penjualan sekuriti-sekuriti yang mana subseksyen (1) terpakai tetapi kalau tidak kerana paragraf (*c*) subseksyen (4) hendaklah menyebab diendorskan atas mana-mana dokumen membuktikan penjualan

itu yang diberi kepada seseorang yang, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, membeli sekuriti-sekuriti, suatu pernyataan bahawa penjualan itu adalah jualan jangkaturun.

(8) Bagi maksud-maksud seksyen ini, jika seseorang—

(a) berupa sebagai menjual sekuriti-sekuriti itu;

(b) menawarkan untuk menjual sekuriti-sekuriti;

(c) mengemukakan dirinya sebagai layak untuk menjual sekuriti-sekuriti;

(d) mengarahkan seseorang peniaga untuk menjual sekuriti-sekuriti,

maka dia hendaklah disifatkan sebagai menjual sekuriti-sekuriti itu.

## BAHAGIAN VII

## AKAUN DAN AUDIT
/PENGGAL 1

E/AA661 /AA943 Pemakaian //Bahagian ini. Penggal AA943

42. ~~(1)~~ ~~Bahagian~~ ini adalah dipakai bagi dan berhubungan dengan urusan seseorang peniaga dalam erti Akta ini sama ada urusan itu dijalankan di Malaysia atau di tempat lain.

D/AA661

~~(2) Bagi maksud Bahagian ini, seorang "peniaga" termasuklah suatu syarikat anggota.~~

**Akaun hendaklah disimpan oleh peniaga.**

//perakaunan AA943

43. (1) Seseorang peniaga hendaklah menyimpan atau mengarahkan supaya disimpan dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris apa-apa rekod ~~pengakaunan~~ dan lain-lain rekod yang akan menghuraikan dengan cukup transaksi-transaksi dan kedudukan kewangan urusannya dan membolehkan akaun-akaun keuntungan dan kerugian dan kunci kira-kira yang benar dan saksama disediakan dari semasa ke semasa dan hendaklah mengarahkan supaya rekod-rekod itu disimpan dengan apa-apa cara untuk membolehkannya diaudit dengan mudah dan sepatutnya.

(2) Jika rekod ~~pengakaunan~~ dan lain-lain rekod disimpan oleh seseorang peniaga di suatu tempat di luar Malaysia, peniaga itu hendaklah mengarahkan supaya dihantar ke suatu tempat di Malaysia dan disimpan di tempat itu apa-apa pernyataan dan penyata berkenaan dengan urusan yang diselenggara dalam rekod-rekod

itu untuk memboleh disediakan akaun-akaun keuntungan dan kerugian dan kunci kira-kira yang benar dan saksama.

(3) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1) seseorang peniaga hendaklah menyimpan atau mengarahkan supaya disimpan akaun-akaun dan rekod-rekod yang berikut: Subs. by AA943

(*a*) suatu Buku Jual Beli yang merekodkan nama pembeli dan penjual masing-masing bagi tiap-tiap sekuriti yang dibeli atau dijual oleh peniaga itu semasa menjalankan urusannya;

(*b*) suatu Buku Penerimaan Skrip yang mengandungi salinan-salinan akuterimaan mengenai penerimaan sekuriti yang diterima oleh peniaga itu daripada klien untuk dijual atau disimpan selamat dan yang menunjukkan dengan terang nama atau nama-nama dalam mana sekuriti tertentu itu didaftarkan;

(*c*) suatu Buku Wang Tunai yang mengandungi catatan-catatan mengenai semua amaun yang dibayar atau diterima oleh peniaga itu semasa menjalankan urusannya;

(*d*) suatu Jurnal;

(*e*) suatu Lejar atau Lejar-Lejar yang menunjukkan semua transaksi—

(i) dengan klien peniaga itu;

(ii) dengan peniaga-peniaga lain; dan

(iii) berkenaan dengan akaun-akaun nominal atau persendirian;

(*f*) suatu Daftar Skrip Am yang merekodkan penerimaan dan pelupusan oleh peniaga itu akan semua sekuriti lain daripada yang diselenggara dalam Daftar Skrip Simpanan Selamat;

(*g*) suatu Daftar Skrip Simpanan Selamat yang merekodkan semua sekuriti yang dipegang oleh peniaga itu untuk simpanan selamat; dan

(*h*) suatu Daftar Pengunderaitan yang merekodkan semua transaksi pengunderaitan dan transaksi pengunderaitan kecil yang dibuat oleh peniaga itu.

Subs. by AA943

(4) Tiap-tiap catatan dalam Daftar Skrip Simpanan Selamat dan dalam Daftar Pengunderaitan yang disimpan oleh seseorang peniaga hendaklah ditarikhkan dan ditandatangan-ringkas oleh orang yang membuat catatan itu.

(5) Bagi maksud-maksud seksyen ini apa-apa akaun atau rekod yang dikehendaki disimpan oleh seseorang peniaga boleh disimpan sama ada dengan membuat catatan-catatan dalam suatu buku berjilid atau dengan merekodkan perkara-perkara yang berkenaan itu dengan apa-apa cara lain sebagaimana diluluskan oleh Suruhanjaya ~~Pendaftar~~.

AA847

(6) Jika apa-apa akaun atau rekod yang dikehendaki oleh seksyen ini supaya disimpan tidak disimpan dengan membuat catatan-catatan dalam suatu buku berjilid tetapi dengan sesuatu cara lain, peniaga yang berkenaan itu hendaklah mengambil langkah-langkah pengawasan yang munasabah untuk memperlindunginya daripada pemalsuan dan untuk memudahkan diketahui apa-apa pemalsuan.

institusi berlesen AA943

Wang tertentu yang diterima oleh peniaga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu akaun amanah.

**44.** (1) Seseorang peniaga hendaklah mengadakan dan menyimpan di sesuatu ~~bank atau bank-bank di Malaysia~~ satu atau beberapa akaun amanah yang dinama atau dibuktikan sebagai demikian dan dia hendaklah memasukkan ke dalamnya—

(*a*) semua amaun, ditolak apa-apa bayaran broker dan lain-lain bayaran yang patut, yang diterima daripada atau atas akaun mana-mana orang, lain daripada seseorang peniaga, untuk membeli sekuriti dan yang tidak berkaitan dengan sekuriti yang diserahkan kepada peniaga itu ~~sebelum atau dalam tempoh lima hari perniagaan bank selepas diterima amaun-amaun itu~~; dan

AA943

(*b*) semua amaun, ditolak apa-apa bayaran broker dan lain-lain bayaran yang patut, yang diterima untuk atau atas akaun mana-mana orang, lain daripada seseorang peniaga daripada penjualan sekuriti dan yang tidak dibayar kepada orang itu atau sebagaimana yang diarahkan oleh orang itu ~~dalam tempoh lima hari perniagaan bank selepas diterima amaun-amaun itu~~.

AA943

AA847

(c)...

(2) Seseorang peniaga yang—

(a) melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda; atau

(b) dengan niat hendak menipu, melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~dua~~ tahun atau kedua-duanya.

*Maksud-maksudnya wang boleh dikeluarkan dari akaun amanah.*

45. Seseorang peniaga tidak boleh mengeluarkan wang dari akaun kecuali bagi maksud membuat pembayaran—

(a) kepada orang yang berhak mendapatnya;

(b) kepada bursa saham mengikut peruntukan mana-mana peraturan yang boleh dibuat di bawah paragraf (j) subseksyen (2) seksyen 127; atau

(c) yang selainnya dibenarkan oleh undang-undang.

*Wang dalam akaun amanah tidak boleh digunakan untuk membayar hutang, dsb.*

46. Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam ~~Bahagian~~ ini, wang yang dipegang dalam sesuatu akaun amanah tidak boleh digunakan untuk membayar hutang seseorang peniaga atau tidak boleh kena dibayar atau diambil pada melaksanakan sesuatu perintah atau proses sesuatu mahkamah.

*Tuntutan dan lien tidak tersentuh.*

47. Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh ditafsirkan sebagai menolak atau menyentuh apa-apa tuntutan atau lien yang sah di sisi undang-undang yang seseorang ada terhadap atau ke atas apa-apa wang yang dipegang dalam akaun amanah atau terhadap atau ke atas apa-apa wang yang diterima untuk membeli sekuriti atau daripada penjualan sekuriti sebelum wang itu dimasukkan ke dalam sesuatu akaun amanah.

*Peniaga hendaklah melantik juruaudit.*

48. Seseorang peniaga hendaklah melantik seorang juruaudit untuk mengaudit akaun-akaunnya dan jika oleh kerana sesuatu sebab juruaudit itu berhenti daripada memegang jawatan itu peniaga itu hendaklah dalam tempoh empat belas hari melantik seorang juruaudit lain.

Subs. by AA943

Peniaga hendaklah menyerah-simpan laporan juruaudit.

**49.** (1) Seseorang peniaga hendaklah dalam tempoh enam bulan selepas berakhir tahun kewangan menyerah-simpan kepada pihak berkuasa yang relevan suatu laporan juruaudit mengandungi maklumat mengenai apa-apa perkara sebagaimana yang ditetapkan dan menghantar satu salinannya kepada/Pendaftar.

/Pegawai Pelesen atau AA847

(2) Jika seseorang peniaga tidak mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) pihak berkuasa yang relevan itu hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu kepada X/~~Menteri~~.

X/Suruhanjaya AA847

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), //~~Pesuruhjaya~~ atas permohonan oleh peniaga, jika kerana sesuatu sebab khas difikirkannya patut berbuat demikian, boleh melanjutkan tempoh enam bulan yang disebut dalam subseksyen itu berkenaan dengan mana-mana tahun.

// Pegawai Pelesen atau Pendaftar AA847

subs AA661

(4) Bagi maksud subseksyen (1), "tahun kewangan" berhubungan dengan seseorang peniaga ertinya—

(*a*) jika peniaga itu bukan suatu perbadanan, tahun yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember; dan

(*b*) jika peniaga itu suatu perbadanan, tahun kewangan perbadanan itu dalam erti Akta Syarikat 1965.

*Akta 125.*

Juruaudit hendaklah menghantar laporan kepada pihak berkuasa yang relevan dalam hal-hal tertentu.

**50.** (1) Jika semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya sebagai juruaudit bagi seseorang peniaga, seseorang juruaudit mendapat tahu mengenai sesuatu perkara yang pada pendapatnya boleh memudaratkan kedudukan kewangan peniaga itu setakat yang material atau menjadi suatu pelanggaran terhadap seksyen 43, 44 atau 45 maka dia hendaklah dalam tempoh tujuh hari menghantar suatu laporan bertulis mengenai perkara itu kepada pihak berkuasa yang relevan dan satu salinannya kepada peniaga itu.

(2) Satu salinan laporan yang disebut dalam subseksyen (1) bagi syarikat anggota ~~atau firma anggota~~ hendaklah juga dihantar kepada Pendaftar.

P/AA661

**Laporan juruaudit hendaklah dihantar kepada pihak berkuasa yang relevan dalam hal-hal tertentu.** [Subs. by AA943]

51. (1) Jika selepas menimbangkan sesuatu laporan juruaudit yang diberi di bawah seksyen 50, pihak berkuasa yang relevan tidak berpuas hati—

(*a*) bahawa kedudukan kewangan peniaga yang mengenainya laporan itu dibuat adalah sedemikian hingga membolehkan peniaga itu menunaikan segala perlibatannya sebagai seorang peniaga; dan

(*b*) bahawa peniaga itu telah mematuhi kehendak-kehendak Akta ini,

maka pihak berkuasa yang relevan itu hendaklah, dan kerana sesuatu sebab lain yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa itu ia boleh, menghantar laporan tersebut kepada ~~Menteri~~ [Suruhanjaya AA847] bersama dengan sesuatu laporan lanjut mengenainya yang difikirkannya patut dibuat.

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan terhadap sesuatu prosiding mengenai fitnah berkenaan dengan sesuatu pernyataan yang dibuat dalam suatu laporan seseorang juruaudit itu atau dalam sesuatu laporan lanjut suatu pihak berkuasa yang relevan itu jika defendan memuaskan hati Mahkamah bahawa pernyataan itu telah dibuat *bona fide* tanpa niat jahat.

**Kuasa ~~Menteri~~ melantik juruaudit bebas, dll.** [Suruhanjaya AA847]

52. (1) Jika ~~Menteri~~ [Suruhanjaya AA847] telah menerima—

(*a*) suatu laporan di bawah subseksyen (2) seksyen 49 daripada pihak berkuasa yang relevan; atau

(*b*) suatu laporan juruaudit yang dihantar kepadanya menurut seksyen 51 oleh pihak berkuasa yang relevan,

[Subs. by AA943]

maka ~~dia~~ [Suruhanjaya AA847] boleh, jika ~~dia~~ berpuas hati bahawa adalah untuk kepentingan peniaga yang berkenaan itu, peniaga itu atau orang awam am berbuat demikian, melantik secara bertulis seorang juruaudit bebas atau mana-mana orang atau kumpulan orang lain yang diputuskan olehnya untuk memeriksa, mengaudit dan membuat laporan sama ada pada amnya atau berhubungan dengan sesuatu perkara tertentu mengenai buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod peniaga itu dan mengenai sekuriti yang dipegang oleh peniaga itu.

[x orang yang AA943] [x Suruhanjaya AA847] [Suruhanjaya AA847]

(2) Jika ~~Menteri~~ berpendapat bahawa kesemua atau apa-apa bahagian daripada kos dan perbelanjaan atau orang juruaudit bebas, seseorang atau kumpulan orang yang dilantik olehnya di bawah seksyen ini patut ditanggung oleh ~~peniaga itu atau pihak berkuasa yang~~ relevan itu, ~~dia~~ boleh, dengan perintah secara bertulis, mengarahkan peniaga itu atau pihak berkuasa yang relevan itu membayar suatu amaun yang ditentukan, iaitu amaun bagi kesemua atau sebahagian daripada kos dan perbelanjaan itu, dalam tempoh dan mengikut cara yang ditentukan.

[x orang yang AA943] [Suruhanjaya AA847]

(3) Jika seseorang ~~peniaga atau pihak berkuasa yang~~ relevan tidak mematuhi sesuatu perintah ~~Menteri~~ di bawah subseksyen (2), amaun yang dinyatakan dalam perintah itu boleh dituntut dan didapatkan kembali oleh ~~Kerajaan~~ dalam Mahkamah sebagai hutang yang kena dibayar kepada ~~Kerajaan~~.

Kuasa ~~Menteri~~ melantik seorang juruaudit bebas, dll., atas permohonan klien.

[Suruhanjaya AA847]

**53.** (1) Apabila diterima sesuatu permohonan secara bertulis daripada seseorang yang mengatakan bahawa seseorang ~~peniaga~~ telah tidak memperakaunkan kepadanya apa-apa wang atau sekuriti yang dipegang atau diterima oleh ~~peniaga~~ itu untuk atau bagi pihaknya, ~~Menteri~~ boleh melantik secara bertulis seorang juruaudit bebas atau mana-mana orang atau kumpulan orang lain yang diputuskan olehnya untuk memeriksa, mengaudit dan membuat laporan sama ada pada amnya atau berhubungan dengan sesuatu perkara tertentu mengenai buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod peniaga itu dan mengenai sekuriti yang dipegang oleh ~~peniaga~~ itu.

[x orang yang relevan AA943]

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan—

(*a*) butir-butir mengenai hal-hal keadaan dalam mana ~~peniaga~~ itu telah menerima wang atau sekuriti yang mengenainya dia dikatakan telah tidak memperakaunkan itu;

(*b*) butir-butir mengenai wang atau sekuriti itu dan mengenai transaksi-transaksi pemohon dan ~~peniaga~~ itu berhubungan dengannya; dan

(*c*) apa-apa butir lain sebagaimana yang ditetapkan oleh ~~Menteri~~.

(3) Tiap-tiap pernyataan di dalam sesuatu permohonan itu hendaklah disahkan dengan suatu akaun berkanun yang dibuat oleh pemohon itu dan hendaklah, jika dibuat *bona fide* dan tanpa niat jahat, diistimewakan.

(4) Menteri tidak boleh melantik seorang juruaudit bebas, seseorang atau kumpulan orang di bawah subseksyen (1) melainkan jika ~~dia~~ berpuas hati—

(*a*) bahawa pemohon itu ada sebab-sebab yang baik bagi membuat permohonan itu; dan

(*b*) bahawa adalah mustahak untuk kepentingan ~~peniaga~~ itu atau pemohon itu atau orang awam supaya buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod ~~peniaga~~ itu dan sekuriti yang dipegang oleh ~~peniaga~~ itu patut diperiksa, diaudit dan laporan dibuat mengenainya.

**Juruaudit bebas, dll., hendaklah membuat laporan kepada ~~Menteri~~.**

54. Seorang juruaudit bebas, seseorang atau kumpulan orang yang dilantik oleh ~~Menteri~~ di bawah seksyen 71 atau 72 hendaklah, apabila tamat pemeriksaan dan pengauditan yang berkenaan dengannya ~~dia dilantik itu~~, membuat suatu laporan mengenainya kepada ~~Menteri~~.

**Kuasa-kuasa bagi juruaudit bebas, dll.**

55. Seorang juruaudit bebas, seseorang atau kumpulan orang yang dilantik oleh ~~Menteri~~ di bawah seksyen 52 atau 53 untuk memeriksa dan mengaudit buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod seseorang ~~peniaga~~ dan sekuriti yang dipegang oleh seseorang ~~peniaga~~ boleh, bagi maksud menjalankan pemeriksaan dan pengauditan itu—

(*a*) memeriksa atas sumpah peniaga yang berkenaan itu dan, jika peniaga itu menjalankan urusan secara perkongsian, mana-mana daripada anggota perkongsian itu, atau, jika peniaga itu adalah suatu perbadanan, mana-mana pengarah, pegawai eksekutif atau setiausaha perbadanan itu dan mana-mana daripada pekerja dan ejen peniaga itu dan mana-mana juruaudit lain yang dilantik di bawah Akta ini berhubungan dengan buku-buku, akaun-akaun, rekod-rekod dan sekuriti-sekuriti itu;

(*b*) mengambil kerja orang-orang yang difikirkannya perlu; dan

(c) dengan suratcara bertulis di bawah tangannya membenarkan seseorang yang diambil kerja olehnya melakukan, berhubungan dengan pemeriksaan dan pengauditan itu, apa-apa perbuatan atau perkara yang boleh dilakukannya sendiri atas sifatnya sebagai juruaudit, kecuali untuk memeriksa seseorang atas sumpah atau menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh paragraf ini.

Juruaudit bebas, dll., dan pekerja-pekerja dilarang daripada memberi tahu perkara-perkara tertentu.

56. Kecuali bagi maksud hendak menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini, atau setakat mana yang dikehendaki bagi maksud sesuatu prosiding sivil atau jenayah, seorang juruaudit bebas, seseorang atau kumpulan orang yang dilantik oleh ~~Menteri~~ di bawah seksyen 52 atau 53 dan seseorang pekerja bagi juruaudit bebas, orang atau kumpulan orang itu tidak boleh memberi tahu apa-apa perkara yang mungkin diketahui olehnya semasa menjalankan kewajipan-kewajipan sebagai seorang juruaudit bebas, seseorang atau kumpulan orang atau pekerja itu kepada mana-mana orang lain daripada ~~Menteri~~ atau mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Menteri dan, mengenai seseorang pekerja, kepada mana-mana orang lain daripada juruaudit yang mengambil dia bekerja.

Buku-buku, akaun-akaun dan rekod-rekod hendaklah dikemukakan apabila diminta.

57. (1) Apabila diminta oleh seorang juruaudit bebas, seseorang atau kumpulan orang yang dilantik oleh ~~Menteri~~ di bawah seksyen 52 atau 53 atau oleh seseorang yang mengemukakan suatu kebenaran bertulis bagi maksud itu yang diberi di bawah paragraf (c) seksyen 55—

(a) seseorang peniaga dan, jika peniaga itu menjalankan urusan secara perkongsian, lain-lain anggota perkongsian itu dan jika peniaga itu adalah suatu perbadanan, mana-mana pengarah, pegawai eksekutif atau setiausaha perbadanan itu dan pekerja-pekerja dan ejen-ejen peniaga itu hendaklah mengemukakan apa-apa buku, akaun dan rekod peniaga itu dan sekuriti yang dipegang oleh peniaga itu berhubungan dengan urusannya; dan

(*b*) seseorang juruaudit yang dilantik oleh seseorang ~~peniaga~~ hendaklah mengemukakan apa-apa buku, akaun dan rekod yang dipegang olehnya berhubungan dengan urusan ~~peniaga~~ itu.

orang yang relevan AA443

(2) Seseorang peniaga dan ~~jika peniaga itu menjalankan urusan secara perkongsian, lain-lain anggota perkongsian itu dan jika peniaga itu adalah suatu perbadanan mana-mana pengarah, pegawai eksekutif perbadanan itu dan pekerja-pekerja atau setiausaha perbadanan itu dan pekerja-pekerja dan ejen-ejen peniaga itu~~ dan mana-mana juruaudit yang dilantik oleh ~~peniaga~~ itu, hendaklah menjawab semua soalan berkaitan dengan sesuatu pemeriksaan dan pengauditan yang dikemukakan kepadanya oleh seorang juruaudit bebas, seseorang atau kumpulan orang yang dilantik oleh ~~Menteri~~ di bawah seksyen 71 atau 72 atau oleh seseorang yang mengemukakan suatu kebenaran bertulis bagi maksud itu yang diberi di bawah paragraf (*c*) seksyen 55.

mana-mana daripada pengarah, pegawai eksekutif, setiausaha, pekerja atau ejen peniaga itu (AA661)

Suruhanjaya AA847

(3) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~dua~~ tahun atau kedua-duanya.

AA847

lima AA847

Penalti kerana membinasakan, menyembunyikan atau mengubah rekod-rekod atau menghantar rekod-rekod atau lain-lain harta ke luar Malaysia.

58. (1) Seseorang yang, dengan niat hendak mengecewakan maksud-maksud Bahagian ini atau dengan niat hendak mencegah, melambatkan atau menghalang penjalanan sesuatu pemeriksaan dan pengauditan di bawah Bahagian ini—

(*a*) membinasakan, menyembunyikan atau mengubah sesuatu buku, akaun, rekod atau suratan berhubungan dengan urusan seseorang ~~peniaga~~; atau

(*b*) menghantar atau cuba menghantar atau berkomplot dengan seseorang lain hendak menghantar ke luar Malaysia sesuatu buku, akaun, rekod atau suratan itu atau apa-apa jenis harta kepunyaan seseorang ~~peniaga~~ atau dalam pelupusan atau di bawah kawalan seseorang ~~peniaga~~,

orang yang relevan AA443

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~dua~~ tahun atau kedua-duanya.

tidak lebih daripada satu juta, AA847

tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit (AA661)

sepuluh AA847

(2) Jika dalam sesuatu pendakwaan kerana sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (1) adalah dibuktikan bahawa orang yang dipertuduh itu—

(*a*) telah membinasakan, menyembunyikan, mengubah sesuatu buku, akaun, rekod atau dokumen yang tersebut dalam subseksyen (1); atau

(*b*) telah menghantar atau telah cuba menghantar atau telah berkomplot hendak menghantar ke luar Malaysia sesuatu buku, akaun, rekod atau dokumen itu atau apa-apa harta yang tersebut dalam subseksyen (1),

maka beban bagi membuktikan bahawa dengan membuat demikian itu dia telah tidak bertindak dengan niat hendak mengecewakan maksud-maksud Bahagian ini atau dengan niat hendak menahan, melambatkan atau menghalang penjalanan sesuatu pemeriksaan dan pengauditan di bawah Bahagian ini adalah terletak padanya.

syarikat anggota AA943

Hak jawatankuasa untuk mengenakan tanggungan-tanggungan, dsb., ke atas anggota-anggota tidak tersentuh oleh Bahagian ini.

subs AA1218

59. Peruntukan-peruntukan dalam Bahagian ini tidak boleh menahan jawatankuasa sesuatu bursa saham daripada mengenakan ke atas ~~anggota-anggota~~ bursa saham itu apa-apa tanggungan atau kehendak lanjut yang difikirkan patut oleh jawatankuasa itu berkenaan dengan—

(*a*) pengauditan akaun-akaun;

(*b*) maklumat yang hendak diberi dalam laporan-laporan daripada juruaudit-juruaudit; atau

(*c*) penyimpanan akaun-akaun, buku-buku dan rekod-rekod.

/AA943

## BAHAGIAN VIII

subs. by AA943

## TABUNG PAMPASAN ~~KESETIAAN~~

Tafsiran

AA661

60. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya atau hal perkaranya menghendaki makna yang lain—

"anggota bursa saham"

"bursa stok", berhubungan dengan sesuatu tabung kesetiaan, ertinya bursa stok yang menubuhkan tabung kesetiaan itu;

"jawatankuasa", berhubungan dengan sesuatu tabung kesetiaan bagi sesuatu bursa stok, ertinya jawatankuasa bagi bursa stok itu;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi;

"tabung kesetiaan" atau "tabung" ertinya sesuatu tabung kesetiaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 61.

Penubuhan tabung kesetiaan

61. (1) Sesuatu bursa saham hendaklah menubuh dan menyimpan suatu tabung kesetiaan yang akan ditadbirkan oleh jawatankuasa bagi pihak bursa stok itu.

(2) Aset sesuatu tabung kesetiaan adalah menjadi harta bursa saham itu tetapi hendaklah disimpan berasingan dari segala harta lain dan hendaklah dipegang sebagai amanah bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Bahagian ini.

Wang-wang yang menjadi tabung kesetiaan

62. Tabung kesetiaan bagi sesuatu bursa saham hendaklah terdiri daripada—

(*a*) semua wang yang dibayar kepada bursa saham itu oleh ~~broker-broker~~/saham mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini; anggota-anggota bursa (A1066)

(*b*) bunga atas wang yang dilaburkan oleh bursa saham itu di bawah mana-mana tabung amanah yang mungkin ditubuhkan menurut paragraf (*j*) subseksyen (2) seksyen 127;

(*c*) bunga dan keuntungan yang dari semasa ke semasa terakru dari pelaburan tabung itu;

(*d*) semua wang yang dibayar kepada tabung itu oleh bursa saham itu;

(*e*) semua wang yang didapatkan balik oleh atau bagi pihak bursa saham itu semasa menjalankan sesuatu hak tindakan yang diberi oleh Bahagian ini;

(*f*) semua wang yang dibayar oleh seseorang penanggung insurans menurut sesuatu kontrak insurans atau indemniti yang dibuat oleh jawatankuasa bursa saham itu di bawah seksyen 82; dan

(*g*) semua wang lain yang dibayar dengan sah kepada tabung itu.

Tabung hendaklah disimpan dalam akaun bank yang berasingan

63. Semua wang yang menjadi sebahagian daripada sesuatu tabung kesetiaan hendaklah, sementara menanti wang itu dilabur atau digunakan mengikut Bahagian ini, dibayar atau dipindahkan kepada suatu bank di Malaysia dalam kredit suatu akaun yang berasingan

*Pembayaran dari tabung.*

**64.** Tertakluk kepada Bahagian ini, maka hendaklah dibayar dari semasa ke semasa dari tabung kesetiaan sesuatu bursa saham sebagaimana dikehendaki dan mengikut apa-apa susunan sebagaimana difikirkan patut oleh jawatankuasa—

(*a*) amaun semua tuntutan, termasuk kos, yang dibenarkan oleh jawatankuasa atau dibuktikan terhadap bursa saham itu di bawah Bahagian ini;

(*b*) semua perbelanjaan di sisi undang-undang dan lain-lain perbelanjaan yang ditanggung semasa menyiasat atau membela tuntutan-tuntutan yang dibuat di bawah Bahagian ini atau yang berhubungan dengan tabung itu atau semasa jawatankuasa menjalankan hak-hak, kuasa-kuasa dan kewibawaan-kewibawaan yang diletakhak padanya oleh Bahagian ini berhubungan dengan tabung itu;

(*c*) semua premium yang kena dibayar berkenaan kontrak-kontrak insurans atau indemniti yang dibuat oleh jawatankuasa di bawah seksyen 82;

(*d*) perbelanjaan-perbelanjaan yang ditanggung atau terlibat dalam mentadbirkan tabung itu termasuk gaji dan upah bagi orang-orang yang diambil kerja oleh jawatankuasa berhubungan dengannya; dan

(*e*) semua wang lain yang kena dibayar dari tabung itu mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini.

*Akaun-akaun tabung.*

**65.** (1) Sesuatu bursa saham hendaklah menubuhkan dan menyimpan akaun-akaun yang patut mengenai tabung ~~kesetiaannya~~ dan hendaklah, sebelum tiga puluh satu haribulan Disember dalam tiap-tiap satu tahun, mengarahkan suatu kunci kira-kira berkenaan dengan akaun-akaun itu disediakan seperti pada hari sebelum sahaja tiga puluh haribulan Jun.

(2) ~~Jawatankuasa bursa saham~~ itu hendaklah melantik seorang juruaudit untuk mengaudit akaun-akaun tabung ~~kesetiaan~~.

(3) Juruaudit yang dilantik oleh ~~jawatankuasa~~ itu hendaklah biasanya dan sepenuhnya mengaudit akaun-akaun tabung ~~kesetiaan~~ itu dan hendaklah mengaudit

tiap-tiap satu kunci kira-kira dan mengarahkan supaya ia dibentangkan di hadapan ~~jawatankuasa~~ itu tidak lewat daripada satu bulan selepas kunci kira-kira itu disediakan.

∠bursa saham yang relevan AA943

Subs. by AA943

**Jawatan-kuasa kecil pengurus.**

66. (1) Jawatankuasa sesuatu bursa saham boleh melantik suatu jawatankuasa kecil pengurus seramai tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada lima orang yang menjadi anggota-anggota bursa saham itu, sekurang-kurangnya seorang adalah juga seorang anggota jawatankuasa itu.

(2) Jawatankuasa sesuatu bursa saham boleh dengan ketetapan mewakilkan kepada sesuatu jawatankuasa kecil yang dilantik olehnya di bawah seksyen ini semua atau mana-mana daripada kuasa, kewibawaan dan budi bicaranya di bawah Bahagian ini, lain daripada yang di bawah seksyen ini, seksyen 69, subseksyen (3), (4) dan (5) seksyen 72 ~~dan seksyen 74~~. D/AA661

(3) Apa-apa kuasa, kewibawaan atau budi bicara yang diwakilkan sedemikian boleh dijalankan oleh anggota-anggota yang terdiri daripada bilangan terbesar jawatankuasa kecil itu seolah-olah kuasa, kewibawaan atau budi bicara itu telah diberi oleh Bahagian ini kepada bilangan terbesar anggota-anggota jawatankuasa kecil itu.

(4) Sesuatu perwakilan tersebut boleh pada bila-bila masa dengan cara yang serupa dibatalkan atau diubah.

(5) Jawatankuasa sesuatu bursa saham boleh pada bila-bila masa memecat mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa kecil yang dilantik olehnya di bawah seksyen ini dan boleh mengisi apa-apa kekosongan dalam jawatankuasa kecil itu walau bagaimanapun kekosongan itu telah timbul.

Subs AA661

**Carum-carum kepada tabung.**

67. (1) Seseorang tidak boleh diterima masuk dalam keanggotaan sesuatu bursa saham atau dalam perkongsian dalam sesuatu firma anggota atau sebagai pengarah bagi sesuatu syarikat anggota sehingga dia telah membayar kepada bursa saham yang berkenaan itu atau, dalam hal sesuatu firma anggota atau syarikat anggota, kepada bursa saham yang mengiktiraf firma atau syarikat itu, sesuatu amaun yang tidak kurang daripada satu ribu ringgit sebagaimana ditentukan oleh bursa saham itu sebagai suatu carum kepada tabung kesetiaannya.

Subs. by AA943

Subs AA661

(2) Seseorang broker saham hendaklah pada atau sebelum tiga puluh satu hari bulan Disember dalam tiap-tiap satu tahun membayar kepada bursa saham yang dia adalah seorang anggotanya atau, jika dia adalah seorang pekongsi dalam sesuatu firma anggota, atau pengarah bagi sesuatu syarikat anggota, kepada bursa saham yang mengiktiraf firma atau syarikat itu sesuatu amaun yang tidak kurang daripada lima ratus ringgit sebagaimana ditentukan oleh bursa saham itu sebagai suatu carum kepada tabung kesetiaannya.

Peruntukan-peruntukan jika tabung melebihi satu juta ringgit.

68. (1) Jika sekiranya sesuatu tabung kesetiaan berjumlah lebih daripada tiga juta ringgit atau lebih besar daripada itu sebagaimana ditentukan oleh ~~Menteri~~ Suruhanjaya melalui notis secara bertulis—

AA661

Suruhanjaya AA847

(a) tiap-tiap ~~broker~~ anggota bursa saham yang telah membayar dua puluh carum tahunan kepada tabung itu, dan yang mengenainya tiada apa-apa pembayaran dari tabung itu telah dibuat atau, jika sesuatu pembayaran tersebut telah dibuat, tabung itu telah dibayarganti sepenuhnya, hendaklah tertakluk kepada subseksyen (2) dibebas dan dilepaskan daripada membayar carum-carum tahunan selanjutnya kepada tabung itu;

Subs AA661

(b) apabila bersara dari urusan seseorang broker saham itu, jawatankuasa itu boleh, menurut budi bicaranya, membayar kepada broker saham itu jumlah amaun carum-carum tahunan yang telah dibayar olehnya kepada tabung itu atau sesuatu nisbah daripadanya sebagaimana yang pada masa itu ditentukan oleh jawatankuasa itu sama ada secara am atau berhubungan dengan broker saham tertentu, sama ada berserta atau tanpa berserta bunga biasa di atas carum-carum itu mengikut sesuatu kadar tidak lebih daripada tiga peratus setahun; dan

(c) apabila mati seseorang broker saham itu tanpa apa-apa pembayaran telah dibuat kepadanya di bawah paragraf (b), jawatankuasa itu boleh, menurut budi bicaranya, membuat sesuatu pembayaran itu sama ada kepada wakil peribadinya atau kepada balunya atau mana-mana orang atau orang-orang tanggungannya.

(2) Sesuatu penentuan jawatankuasa di bawah paragraf (*b*) subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan boleh dibuat berkenaan dengan semua atau sesuatu kelas broker saham atau seseorang broker saham tertentu.

(3) (*a*) Jawatankuasa boleh menggantung kuatkuasa paragraf (*b*) atau (*c*) subseksyen (1) tetapi jika kuatkuasa bagi salah satu daripada paragraf tersebut adalah pada masa itu digantung, jawatankuasa itu tidak boleh menggantung kuatkuasa paragraf yang satu lagi itu.

(*b*) Jawatankuasa hendaklah memberitahu Pendaftar secara bertulis mengenai sesuatu penggantungan itu atau boleh mengarahkan notis mengenai fakta-fakta itu disiarkan dalam *Warta*.

(4) Jika sesuatu tabung kesetiaan dikurangkan rendah daripada jumlah dua juta ringgit atau sesuatu jumlah lain sebagaimana ditentukan oleh Menteri, melalui notis secara bertulis, jawatankuasa boleh memutuskan bahawa seseorang broker saham yang telah dibebas dan dilepaskan daripada pembayaran di bawah subseksyen (1) hendaklah lagi dikehendaki membayar carum-carum di bawah seksyen 67, setakat mana yang difikirkannya patut.

**Levi sebagai tambahan kepada carum-carum tahunan.**

69. (1) Jika pada bila-bila masa sesuatu tabung kesetiaan tidak cukup untuk menjelaskan liabiliti-liabiliti yang pada masa itu ditentukan bagi bursa saham itu berhubungan dengannya, jawatankuasa boleh mengenakan ke atas tiap-tiap broker saham yang kena mencarum kepada tabung itu suatu levi sebanyak sesuatu amaun yang difikirkannya patut, tidak melebihi satu ribu ringgit, untuk dibayar kepada tabung itu.

(2) Amaun levi itu hendaklah dibayar dalam tempoh dan mengikut cara yang ditentukan oleh jawatankuasa sama ada secara am atau berhubungan dengan sesuatu hal tertentu.

(3) Seseorang broker saham tidaklah dikehendaki membayar dengan cara levi di bawah seksyen ini lebih daripada sepuluh ribu ringgit pada agregatnya, atau lebih daripada tiga ribu ringgit dalam sesuatu tempoh dua belas bulan, atau lebih besar daripada itu mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri melalui notis secara bertulis.

Kuasa bagi bursa saham memberi pendahuluan pendahuluan kepada tabung/ pampasan AA943

70. (1) Sesuatu bursa saham melalui notis secara bertulis boleh dari semasa ke semasa memberi atau mendahulukan dari wang amnya, atas apa-apa syarat yang ~~difikirkannya patut~~, apa-apa jumlah wang kepada tabung kesetiaannya/.

(2) Apa-apa wang yang didahulukan di bawah subseksyen (1) boleh dari semasa ke semasa dibayarbalik dari tabung kesetiaan/ kepada wang am bursa saham itu.

Subs. by AA943

Pelaburan tabung.

71. Apa-apa wang dalam sesuatu tabung kesetiaan yang tidak dikehendaki dengan segera bagi maksudmaksudnya boleh dilaburkan oleh jawatankuasa mengikut apa-apa cara sebagaimana pemegang-pemegang amanah pada masa itu dibenarkan oleh undang-undang untuk melaburkan wang amanah.

Subs AA661

Penggunaan tabung.

72. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, sesuatu tabung kesetiaan hendaklah dipegang dan digunakan bagi maksud mempampas orang-orang yang menanggung kerugian wang dari sesuatu penggelapan yang dilakukan oleh pekongsi-pekongsi atau oleh mana-mana daripada pekongsi dalam sesuatu firma anggota atau oleh sesuatu syarikat anggota atau mana-mana daripada pengarahnya yang kena mencarum kepada tabung itu, sama ada atau tidak mereka telah dibebas dan dilepaskan daripada pembayaran di bawah seksyen 68 atau oleh mana-mana daripada pekerja sesuatu firma atau syarikat anggota itu berhubungan dengan apa-apa wang atau harta lain yang, sama ada sebelum atau selepas daripada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, semasa menjalankan atau berkaitan dengan menjalankan urusan firma atau syarikat itu—

(a) telah diamanahkan kepada atau diterima oleh pekongsi-pekongsi itu atau mana-mana daripada pekongsi itu atau oleh sesuatu syarikat anggota atau mana-mana daripada pengarahnya atau mana-mana daripada pekerja firma atau syarikat itu untuk atau bagi pihak seseorang lain; atau

(b) pekongsi-pekongsi itu atau mana-mana daripada pekongsi itu atau syarikat anggota yang mengenai wang atau harta lain itu sama ada pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah bersama dengan seseorang atau beberapa orang lain, telah diamanahkan kepada atau diterima oleh pekongsi-pekongsi atau mana-mana daripada pekongsi atau syarikat anggota atau mana-mana daripada pengarahnya atau mana-mana daripada pekerja firma atau syarikat itu sebagai pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah atau untuk atau bagi pihak pemegang-pemegang amanah bagi wang atau harta itu. [Subs. by MA943]

(2) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, jumlah amaun yang boleh dibayar di bawah Bahagian ini kepada semua orang yang menanggung kerugian oleh kerana penggelapan oleh pekongsi-pekongsi atau mana-mana daripada pekongsi dalam sesuatu firma anggota atau oleh sesuatu syarikat anggota atau mana-mana daripada pengarahnya dan oleh kerana penggelapan oleh mana-mana daripada pekerja firma atau syarikat itu, tidak boleh, walau bagaimanapun, melebihi, berkenaan dengan firma atau syarikat anggota itu, satu ratus ribu ringgit, tetapi bagi maksud-maksud subseksyen ini apa-apa amaun yang dibayar dari sesuatu tabung kesetiaan hendaklah setakat mana tabung itu dibayarganti kemudiannya, hendaklah jangan diambilkira.

(3) (a) Jika, selepas mengambil kira semua liabiliti yang ditentukan atau semua liabiliti luarjangka mengenai sesuatu tabung kesetiaan, jawatankuasa berpendapat bahawa aset tabung itu membenarkan, jawatankuasa itu boleh memutuskan untuk menambah jumlah amaun yang boleh digunakan daripada tabung itu menurut peruntukan-peruntukan subseksyen (2) dan hendaklah memberitahu ~~Pendaftar~~ [Suruhanjaya AA847] dengan sewajarnya yang kemudiannya akan mengarahkan supaya notis mengenai keputusan itu disiarkan dalam *Warta*.

(b) Dari tarikh penyiaran itu sehingga notis itu ditarikbalik atau diubah amaun yang dinyatakan dalam notis itu adalah jumlah amaun yang boleh digunakan seperti tersebut dahulu.

Subs. by AA943

(4) Jika jawatankuasa memutuskan hendak menarik balik atau mengubah notis itu di bawah subseksyen (3), jawatankuasa hendaklah memberitahu Pendaftar dengan sewajarnya, yang kemudiannya akan mengarahkan supaya notis mengenai penarikbalikan atau pengubahan itu disiarkan dalam *Warta*; dan sesuatu notis yang diubah sedemikian hendaklah berkuatkuasa dengan sewajarnya.

Suruhanjaya AA847

(5) Jika, dalam sesuatu hal tertentu selepas mengambil kira semua liabiliti yang ditentukan dan semua liabiliti luarjangka sesuatu tabung kesetiaan, jawatankuasa berpendapat bahawa aset tabung itu membenarkan, jawatankuasa itu boleh menggunakan dari tabung itu sejumlah wang yang melebihi jumlah amaun itu, yang dihadkan oleh atau di bawah seksyen ini sebagaimana yang difikirkan patut oleh jawatankuasa itu menurut budi bicara mutlaknya bagi atau untuk memberi pampasan kepada orang-orang yang telah menanggung kerugian wang sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen (1).

Subs AA661

(6) Bagi maksud-maksud seksyen ini "pekongsi" atau "pengarah" termasuklah seseorang yang telah menjadi, tetapi pada masa sesuatu penggelapan yang berkenaan itu telah berhenti menjadi, seorang pekongsi dalam sesuatu firma anggota atau pengarah sesuatu syarikat anggota jika, pada masa penggelapan itu orang yang menuntut pampasan itu ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai orang itu sebagai seorang pekongsi dalam sesuatu firma anggota atau seorang pengarah sesuatu syarikat anggota, mengikut mana yang berkenaan.

S/AA943

Mengenai tuntutan-tuntutan terhadap tabung.

73. (1) Tertakluk kepada Bahagian ini, tiap-tiap orang yang menanggung kerugian wang sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen (1) seksyen 72 adalah berhak menuntut pampasan dari tabung kesetiaan dan mengambil prosiding dalam Mahkamah sebagaimana diperuntukkan dalam Akta ini terhadap bursa saham itu bagi membuktikan tuntutan itu.

Subs AA661

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), seseorang tidak boleh sekali-kali mempunyai apa-apa tuntutan terhadap tabung kesetiaan berkenaan dengan sesuatu penggelapan mengenai wang atau harta lain yang sebelum

daripada berlakunya penggelapan itu telah, dalam perjalanan biasa amanah, dalam hal sesuatu firma anggota, tidak lagi berada di bawah kawalan tunggal pekongsi, atau pekongsi-pekongsi yang berkenaan itu, atau dalam hal sesuatu syarikat anggota, tidak lagi berada di bawah kawalan tunggal pengarah atau pengarah-pengarah yang berkenaan itu.

(3) Tertakluk kepada Bahagian ini, amaun yang seseorang pihak menuntut berhak menuntut sebagai pampasan dari sesuatu tabung kesetiaan ialah amaun kerugian wang yang sebenar ditanggung olehnya, termasuk kos yang berpatutan bagi membuat dan membuktikan tuntutannya dan perbelanjaan yang bersampingan dengannya, dengan ditolak amaun atau nilai semua wang atau lain-lain faedah yang diterima atau akan diterima olehnya dari mana-mana sumber yang lain daripada tabung itu bagi mengurangkan kerugian itu.

(4) Sebagai tambahan kepada apa-apa pampasan yang kena dibayar di bawah Bahagian ini, bunga adalah kena dibayar dari tabung kesetiaan yang berkenaan itu atas amaun pampasan itu, dengan ditolak apa-apa amaun yang berkaitan dengan kos dan perbelanjaan, mengikut kadar lima peratus setahun dikira dari hari penggelapan itu telah dilakukan dan seterusnya sehingga hari tuntutan itu dijelaskan.

Hak-hak bagi kongsi tak bersalah berhubung dengan tabung.

**74.** (1) Jika semua orang yang mengemukakan tuntutan menurut seksyen 73 telah dipampas dengan sepenuhnya mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini kerana kerugian yang ditanggung oleh mereka akibat sesuatu penggelapan yang dilakukan oleh seseorang pekongsi dalam sesuatu firma anggota maka mana-mana kongsi lain dalam firma itu yang telah membuat pembayaran kepada seseorang sebagai pampasan kerana kerugian yang ditanggung olehnya dari penggelapan itu hendaklah disubrogasi setakat pembayaran itu menurut semua hak dan remidi orang itu terhadap tabung kesetiaan yang berkenaan itu jika jawatankuasa itu berpendapat, memandang kepada segala hal keadaan, bahawa orang itu telah tidak dengan apa-apa cara jua menjadi pihak kepada penggelapan itu dan bahawa dia telah bertindak dengan jujur dan munasabah dalam perkara itu.

(2) Jika seseorang pekongsi dalam sesuatu firma anggota berasa terkilan dengan pendapat sesuatu jawatankuasa di bawah subseksyen (1) dia boleh, dalam tempoh dua puluh lapan hari selepas menerima notis mengenai pendapat itu, merayu kepada Mahkamah.

(3) Perayu itu hendaklah pada hari dia menyerah simpan notis rayuan kepada Mahkamah itu juga menyerah simpan satu salinan rayuan itu kepada setiausaha bagi jawatankuasa yang terhadap keputusannya dia merayu itu.

(4) Mahkamah hendaklah menyiasat dan membuat keputusan mengenai rayuan itu dan bagi maksud itu boleh melakukan segala perkara dan hal berhubungan dengannya dan mengikut cara yang sama dan takat yang sama seperti yang ia diberikuasa melakukan pada menjalankan bidangkuasa biasanya dan jika Mahkamah berpendapat, memandang kepada segala hal keadaan, bahawa perayu itu telah tidak dengan apa-apa cara jua menjadi suatu pihak kepada penggelapan itu dan bahawa dia telah bertindak dengan jujur dan munasabah dalam perkara itu ia boleh mengarahkan supaya perayu itu, setakat mana pembayaran yang telah dibuat olehnya, disubrogasi menurut semua hak dan remidi orang yang kepadanya dia telah membuat pembayaran sebagai pampasan sebagaimana tersebut dahulu berhubungan dengan tabung kesetiaan yang berkenaan itu.

Notis memanggil tuntutan terhadap tabung.

**75.** (1) Jawatankuasa sesuatu bursa saham boleh mengarah supaya disiarkan dalam dua akhbar harian yang diterbitkan dan beredar secara am di Malaysia, satu dalam Bahasa Kebangsaan dan satu dalam Bahasa Inggeris, suatu notis dalam atau mengikut bentuk yang ditetapkan, menyatakan suatu tarikh, yang tidak lebih awal daripada tiga bulan selepas penyiaran itu, yang pada atau sebelumnya tuntutan untuk pampasan dari tabung kesetiaan boleh dibuat, berhubungan dengan orang yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Sesuatu tuntutan untuk pampasan dari sesuatu tabung kesetiaan berkenaan dengan penggelapan hendaklah dibuat secara bertulis kepada jawatankuasa—

(*a*) jika suatu notis di bawah subseksyen (1) telah disiarkan pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan dalam notis yang tersebut itu; atau

(*b*) jika tiada sesuatu notis itu telah disiarkan dalam tempoh enam bulan selepas pihak menuntut itu mendapat tahu mengenai penggelapan itu,

dan sesuatu tuntutan yang tidak dibuat sedemikian hendaklah digalang melainkan jika jawatankuasa memutuskan selainnya.

(3) Sesuatu tindakan untuk gantirosak tidak boleh diambil terhadap sesuatu bursa saham atau terhadap seseorang anggota atau pekerja bagi sesuatu bursa saham atau bagi sesuatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil pengurus oleh sebab sesuatu notis yang disiarkan dengan suci hati dan tanpa niat jahat bagi maksud-maksud seksyen ini.

Kuasa bagi jawatankuasa menyelesaikan tuntutan.

76. (1) Jawatankuasa boleh, tertakluk kepada Bahagian ini, membenar dan menyelesaikan sesuatu tuntutan yang patut untuk pampasan dari sesuatu tabung kesetiaan pada bila-bila masa selepas berlakunya penggelapan yang mengenainya tuntutan itu telah timbul.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), seseorang tidak boleh memulakan prosiding di bawah Bahagian ini terhadap sesuatu bursa saham tanpa kebenaran jawatankuasa melainkan jika—

(*a*) jawatankuasa itu telah tidak membenarkan tuntutannya itu; dan

(*b*) pihak menuntut itu telah habis menggunakan segala hak tindakan dan lain-lain remidi di sisi undang-undang untuk mendapatkan wang itu atau harta lain yang mengenainya penggelapan itu telah dilakukan yang ada terhadap ~~pekongsi-pekongsi dalam firma anggota itu~~ atau pengarah-pengarah syarikat anggota yang berhubungan dengannya tuntutan itu telah timbul dan semua orang lain yang bertanggungan terhadap kerugian yang ditanggung oleh pihak menuntut itu.

(3) Seseorang yang telah tidak diberi kebenaran oleh ~~sesuatu~~ jawatankuasa/boleh memohon kebenaran kepada seseorang hakim dalam kamar dan hakim itu boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut mengenai perkara itu.

(4) Jawatankuasa itu, selepas tidak membenarkan, sama ada kesemua atau sebahagiannya, sesuatu tuntutan untuk pampasan dari sesuatu tabung kesetiaan hendaklah menyampaikan suatu notis mengenai hal tidak membenarkan itu mengikut bentuk yang ditetapkan kepada pihak menuntut itu atau kepada peguamcaranya.

(5) Prosiding terhadap sesuatu bursa saham mengenai sesuatu tuntutan yang telah tidak dibenarkan oleh jawatankuasa tidak boleh dimulakan selepas tamat tiga bulan selepas notis tidak membenarkan itu disampaikan di bawah subseksyen (4).

Anggota bursa (AA661)

(6) Dalam sesuatu prosiding yang dibawa untuk membuktikan sesuatu tuntutan, keterangan mengenai apa-apa pengakuan atau pengakuan-salah oleh atau lain-lain keterangan yang boleh diterima terhadap ~~broker~~ saham itu atau terhadap orang lain yang dikatakan telah melakukan sesuatu penggelapan boleh diterima untuk membuktikan berlakunya penggelapan itu walaupun ~~broker~~ saham itu atau orang lain itu bukan defendan atau pihak dalam prosiding itu, dan semua pembelaan yang boleh diadakan bagi ~~broker~~ saham itu hendaklah diadakan bagi bursa saham itu.

(7) Jawatankuasa atau, jika prosiding dibawa untuk membuktikan sesuatu tuntutan, Mahkamah, jika berpuas hati bahawa penggelapan yang atasnya tuntutan itu diasaskan telah dilakukan dengan sebenarnya, boleh membenarkan tuntutan itu dan bertindak dengan sewajarnya, walaupun orang yang melakukan penggelapan itu telah tidak disabitkan atau didakwa keranannya atau walaupun keterangan yang atasnya jawatankuasa atau Mahkamah, mengikut mana yang berkenaan, bertindak tidak akan cukup untuk membuktikan kesalahan orang itu dalam suatu pembicaraan jenayah berkenaan dengan penggelapan itu.

Bentuk perintah bagi Mahkamah yang membuktikan tuntutan.

77. (1) Jika dalam sesuatu prosiding yang dibawa untuk membuktikan sesuatu tuntutan Mahkamah berpuas hati bahawa penggelapan yang di atasnya tuntutan itu diasaskan telah dilakukan dengan sebenarnya dan bahawa, secara lain, pihak menuntut itu mempunyai suatu tuntutan yang sah Mahkamah itu hendaklah melalui perintah—

(a) menyatakan fakta itu dan tarikh penggelapan itu dan amaun tuntutan itu; dan

(b) mengarahkan supaya jawatankuasa yang berkenaan membenarkan tuntutan itu sebagaimana dinyatakan itu dan menguruskannya mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

(2) Jawatankuasa Kaedah boleh membuat kaedah-kaedah untuk atau berkenaan dengan amalan dan prosedur secara am mengenai prosiding Mahkamah di bawah Bahagian ini.

(3) Dalam sesuatu prosiding itu semua soal mengenai kos hendaklah menurut budi bicara Mahkamah.

Kuasa jawatankuasa menghendaki sekuriti dikemukakan.

78. Jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menghendaki seseorang mengemukakan dan menyerahkan apa-apa sekuriti, dokumen atau pernyataan keterangan yang perlu untuk menyokong sesuatu tuntutan yang dibuat atau yang perlu bagi maksud sama ada menjalankan hak-haknya terhadap ~~sesuatu firma anggota atau pekongsi-pekongsi dalam~~ sesuatu syarikat anggota atau pengarah-pengarahnya atau mana-mana orang lain yang berkenaan atau membolehkan prosiding jenayah dibawa terhadap seseorang berkenaan dengan sesuatu penggelapan dan, jika sekiranya sekuriti, dokumen atau pernyataan keterangan itu tidak diserahkan oleh orang yang pertama tersebut itu, ~~jawatankuasa~~ itu boleh tidak membenarkan apa-apa tuntutan olehnya di bawah Bahagian ini.

Mensubrogasi bursa saham menurut hak-hak, dsb., pihak menuntut apabila pembayaran dibuat dari tabung.

79. Apabila apa-apa wang dibayar dari sesuatu tabung kesetiaan mengenai sesuatu tuntutan di bawah Bahagian ini bursa saham itu hendaklah disubrogasi setakat pembayaran itu menurut semua hak dan remidi pihak menuntut berhubungan dengan kerugian yang ditanggung olehnya dari penggelapan itu.

Pembayaran tuntutan-tuntutan hanya dari tabung.

80. Wang atau lain-lain harta kepunyaan sesuatu bursa saham, lain daripada tabung kesetiaan, tidak boleh digunakan untuk membayar sesuatu tuntutan di bawah Bahagian ini sama ada tuntutan itu dibenarkan oleh jawatankuasa atau dijadikan perkara sesuatu perintah Mahkamah.

a/AA943

Peruntukan jika tabung tidak cukup membayar tuntutan-tuntutan atau jika tuntutan-tuntutan melebihi amaun yang kena dibayar.

**81.** (1) Jika amaun dalam kredit sesuatu tabung kesetiaan tidak cukup untuk membayar kesemua amaun tuntutan-tuntutan terhadapnya, iaitu tuntutan-tuntutan yang telah dibenarkan atau yang mengenainya perintah Mahkamah telah dibuat seperti tersebut dahulu, maka amaun dalam kredit tabung itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan subseksyen (2), diumpukkan antara pihak-pihak menuntut itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh jawatankuasa, dan mana-mana tuntutan itu yang masih belum dibayar pada masa itu hendaklah dipertanggungkan kepada wang-wang yang akan diterima oleh tabung itu pada masa hadapan dan dibayar dari tabung itu apabila wang ada di dalamnya.

(2) Jika agregat bagi semua tuntutan yang telah dibenarkan atau yang mengenainya perintah Mahkamah telah dibuat berhubungan dengan penggelapan oleh atau berkenaan dengan sesuatu ~~firma anggota atau~~ syarikat anggota melebihi jumlah amaun yang boleh, menurut subseksyen (2) seksyen 72, dibayar di bawah Bahagian ini berkenaan dengan ~~firma anggota atau~~ syarikat anggota itu maka jumlah amaun yang tersebut itu hendaklah diumpukkan antara pihak-pihak menuntut itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan saksama oleh jawatankuasa dan setelah dibayar dari tabung mengikut pengumpukan itu semua tuntutan itu dan apa-apa perintah yang berhubungan dengannya dan semua tuntutan lain terhadap tabung itu yang mungkin timbul atau dibuat kemudian dari itu berkenaan dengan penggelapan itu oleh atau berkenaan dengan ~~firma anggota atau~~ syarikat anggota yang tersebut itu adalah selesai dengan mutlak.

A.D/AA661

Subs. by AA943

Kuasa jawatankuasa membuat kontrak insurans.

**82.** (1) Sesuatu bursa saham boleh, menurut budi bicaranya, membuat apa-apa kontrak dengan seseorang atau kumpulan orang, diperbadankan atau tak diperbadankan, yang menjalankan urusan insurans kesetiaan di Malaysia dengan mana-mana bursa saham itu akan diinsuranskan atau ditanggungrugi setakat dan mengikut cara yang diperuntukkan oleh kontrak itu terhadap liabiliti mengenai tuntutan-tuntutan di bawah Bahagian ini.

(2) Sesuatu kontrak itu boleh dibuat berhubungan dengan ~~broker-broker~~ saham amnya, atau berhubungan dengan mana-mana broker saham atau ~~broker-broker~~

anggota-anggota bursa (AA661)

anggota bursa (AA661)

saham tertentu yang dinamakan dalam kontrak itu, atau berhubungan dengan broker-broker saham amnya dengan tidak termasuk mana-mana broker saham atau broker-broker saham tertentu yang dinamakan dalam kontrak itu.

(3) Sesuatu tindakan tidak boleh diambil terhadap sesuatu bursa saham atau terhadap seseorang anggota atau pekerja bagi sesuatu bursa saham atau jawatan-kuasa atau terhadap seseorang anggota sesuatu jawatan-kuasa kecil pengurus kerana bencana yang dikatakan telah ditanggung oleh seseorang broker saham oleh sebab sesuatu pernyataan yang disiarkan dengan suci hati menyatakan bahawa sesuatu kontrak yang dibuat di bawah seksyen ini adalah dipakai atau tidak dipakai mengenainya.

Penggunaan wang insurans.

83. Seseorang pihak menuntut terhadap sesuatu tabung kesetiaan tidak mempunyai apa-apa hak tindakan terhadap seseorang atau kumpulan orang mengenai sesuatu kontrak insurans atau tanggungrugi yang dibuat dengannya di bawah Bahagian ini atau mempunyai apa-apa hak atau tuntutan mengenai apa-apa wang yang dibayar oleh penanggung insurans mengikut sesuatu kontrak itu.

83A, 83B...

BAHAGIAN VIIIA

83C → 83Q.

## BAHAGIAN IX

## PERDAGANGAN SEKURITI

Transaksi perdagangan palsu dan penipuan dalam pasaran.

84. (1) Seseorang itu tidak boleh mewujudkan, atau menyebab diwujudkan atau melakukan apa-apa jua yang dikira boleh mewujudkan, suatu rupa yang palsu atau mengelirukan sebagai memperdagangkan dengan aktif apa-apa sekuriti dalam pasaran saham di Malaysia atau suatu rupa palsu atau mengelirukan berkenaan dengan pasaran itu mengenai, atau dengan harga, mana-mana sekuriti itu.

(2) Seseorang tidak boleh, dengan cara pembelian atau penjualan apa-apa sekuriti yang tidak melibatkan pertukaran keempunyaan benefisial sekuriti-sekuriti itu, atau melalui apa-apa transaksi atau rekabentuk-rekaan mengekalkan, meninggikan harga, melesetkan, atau menyebabkan turun-naiknya, harga pasaran apa-apa sekuriti.

(3) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), seseorang yang—

(*a*) melaksanakan, mengambil bahagian dalam, ada kaitan dengan atau menjalankan, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, apa-apa transaksi penjualan atau pembelian apa-apa sekuriti, iaitu transaksi yang tidak melibatkan apa-apa pertukaran dalam keempunyaan benefisial sekuriti-sekuriti itu;

(*b*) membuat atau menyebabkan dibuat suatu tawaran untuk menjual apa-apa sekuriti dengan harga tertentu di mana dia telah membuat atau mengarahkan dibuat atau bercadang hendak membuat atau menyebabkan supaya dibuat, atau tahu bahawa seseorang yang bersekutu dengannya telah membuat atau menyebabkan dibuat atau bercadang hendak membuat atau menyebabkan dibuat, suatu tawaran untuk membeli sekuriti-sekuriti yang sama bilangannya, atau sebahagian besar yang sama bilangannya, dengan harga sebahagian besarnya sama dengan harga yang mula-mula disebut; atau

(*c*) membuat atau menyebabkan dibuat suatu tawaran untuk membeli apa-apa sekuriti dengan harga tertentu di mana dia telah membuat atau menyebabkan dibuat atau bercadang hendak membuat atau menyebabkan dibuat, atau tahu bahawa seseorang yang bersekutu dengannya telah membuat atau menyebabkan dibuat atau bercadang hendak membuat atau menyebabkan dibuat, suatu tawaran untuk menjual sekuriti-sekuriti yang sama bilangannya, atau sebahagian besarnya dengan harga yang mula-mula disebut,

hendaklah disifatkan telah mewujudkan suatu rupa yang palsu atau mengelirukan sebagai memperdagangkan sekuriti dalam pasaran saham.

(4) Dalam pendakwaan terhadap seseorang kerana suatu perbuatan yang tersebut dalam subseksyen (3) adalah menjadi suatu pembelaan jika pihak defendan membuktikan bahawa maksud atau maksud-maksudnya dia melakukan perbuatan itu bukanlah, atau tidak

Ub. AA 1017

termasuk maksud mewujudkan suatu rupa perdagangan aktif yang palsu atau mengelirukan dalam sekuriti di pasaran saham.

(5) Suatu pembelian atau penjualan sekuriti tidak melibatkan pertukaran dalam keempunyaan benefisial bagi maksud seksyen ini jika seseorang yang mempunyai kepentingan dalam sekuriti sebelum pembelian atau penjualan itu atau seseorang yang bersekutu dengan orang yang mula-mula disebut berhubungan dengan sekuriti-sekuriti itu, mempunyai kepentingan dalam sekuriti itu selepas pembelian atau penjualan itu.

(6) Dalam pendakwaan bagi suatu kesalahan terhadap subseksyen (2) berhubungan dengan pembelian atau penjualan sekuriti yang tidak melibatkan pertukaran dalam keempunyaan benefisial sekuriti-sekuriti itu, adalah menjadi suatu pembelaan jika pihak defendan membuktikan bahawa maksud atau maksud-maksudnya dia membeli atau menjual sekuriti-sekuriti itu bukanlah, atau tidak termasuk, maksud mewujudkan suatu rupa palsu atau mengelirukan berkenaan dengan pasaran bagi, atau harga, sekuriti.

(7) Sebutan dalam paragraf (*a*) subseksyen (3) mengenai suatu transaksi penjualan atau pembelian sekuriti-sekuriti termasuklah—

(*a*) sebutan mengenai hal membuat tawaran untuk menjual atau membeli sekuriti; dan

(*b*) sebutan mengenai hal membuat pelawaan, walau bagaimanapun dinyatakan yang dengan nyata atau difahamkan mempelawa seseorang menawarkan untuk menjual atau membeli sekuriti.

Manipulasi pasaran saham.

85. (1) Seseorang tidak boleh melaksanakan, mengambil bahagian dalam, ada perkaitan dengan, atau menjalankan, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, dua atau lebih transaksi dalam sekuriti sesuatu perbadanan, iaitu transaksi yang mempunyai atau mungkin mempunyai kesan menaikkan harga sekuriti perbadanan itu dalam pasaran saham di Malaysia, dengan niat hendak menolong orang-orang lain supaya membeli atau berlanggan sekuriti perbadanan itu atau suatu perbadanan yang berkaitan.

sub AA1017

(2) Seseorang tidak boleh melaksanakan, mengambil bahagian dalam, ada perkaitan dengan atau menjalankan, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, dua atau lebih transaksi dalam sekuriti suatu perbadanan, iaitu transaksi yang mempunyai, kesan merendahkan harga sekuriti perbadanan dalam pasaran saham di Malaysia, dengan niat hendak mendorong orang-orang lain supaya menjual sekuriti perbadanan itu atau suatu perbadanan yang berkaitan.

(3) Seseorang tidak boleh melaksanakan, mengambil bahagian dalam, ada perkaitan dengan, atau menjalankan, sama ada secara langsung atau secara tak langsung, dua atau lebih transaksi dalam sekuriti suatu perbadanan, iaitu transaksi yang mempunyai atau mungkin mempunyai, kesan mengekalkan atau menstabilkan harga sekuriti perbadanan itu dalam pasaran saham di Malaysia dengan niat hendak mendorong orang-orang lain supaya menjual, membeli atau berlanggan sekuriti perbadanan itu atau suatu perbadanan yang berkaitan.

(2)(4) Sesuatu sebutan dalam seksyen ini mengenai suatu transaksi, berhubungan dengan sekuriti perbadanan, termasuklah—

(a) sebutan mengenai hal membuat tawaran untuk menjual atau membeli apa-apa sekuriti perbadanan; dan

(b) sebutan mengenai hal membuat pelawaan, walau bagaimanapun dinyatakan, yang dengan nyata atau dengan difahamkan mempelawa seseorang menawarkan untuk menjual atau membeli apa-apa sekuriti perbadanan.

Pernyataan, dll., yang palsu atau mengelirukan.

**86.** Seseorang tidak boleh membuat suatu pernyataan, atau menyebarkan maklumat, yang palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material dan ada kemungkinan mendorong penjualan atau pembelian sekuriti oleh orang-orang lain atau ada kemungkinan mempunyai kesan menaikkan, menurunkan, mengekalkan atau menstabilkan harga pasaran bagi sekuriti itu jika, apabila dia membuat pernyataan atau menyebarkan maklumat itu—

(a) dia tidak memperdulikan sama ada pernyataan atau maklumat itu adalah benar atau palsu; atau

(b) dia tahu atau patut dengan munasabahnya tahu bahawa pernyataan atau maklumat itu adalah palsu atau mengelirukan dalam/sesuatu butir material.

Tertakluk kepada seksyen 87B, (AA661)

87(1) seseorang tidak boleh— Mendorong orang-orang berniaga sekuriti secara fraudan. AA1

(a) dengan cara membuat atau menerbitkan apa-apa pernyataan, janji atau telahan yang dia tahu sebagai mengelirukan, palsu atau memperdayai;

(b) dengan menyembunyikan fakta material secara curang; ~~atau~~ (AA661)

(c) dengan cara membuat atau menyiarkan secara semberono, sama ada dengan curang atau selainnya, apa-apa pernyataan, janji atau ramalan yang mengelirukan, palsu atau memperdayai; atau

(d) . . . ← (AA661)

mendorong atau cuba mendorong seorang lain berniaga sekuriti.

87A(2) . . . ← AA1017 (AA661

87B . . . AA1017

88. Seseorang tidak boleh mengedarkan atau menyebarkan atau membenarkan atau ada perkaitan dengan pengedaran atau penyebaran, apa-apa pernyataan atau maklumat yang bermaksud bahawa harga mana-mana sekuriti perbadanan akan atau mungkin naik atau turun atau dikekalkan disebabkan oleh apa-apa transaksi yang dibuat atau lain-lain perbuatan atau perkara yang dilakukan berhubungan dengan sekuriti pertubuhan perbadanan, atau perbadanan yang berkaitan dengan perbadanan itu, berlanggaran dengan seksyen 84, 85, 86, ~~atau~~ 87 atau 87A jika— (AA661)

Penyebaran maklumat berkenaan dengan transaksi haram.

(a) orang itu, atau seseorang yang bersekutu dengan orang itu, telah membuat apa-apa transaksi dan melakukan apa-apa perbuatan atau perkara; atau

(b) orang itu telah menerima, atau dijangka menerima secara langsung atau secara tak langsung, apa-apa balasan atau faedah kerana mengedarkan atau menyebarkan, atau membenarkan atau ada perkaitan dengan pengedaran atau penyebaran, pernyataan atau maklumat itu.

88A . . . 88B . . . 88C . . . AA1017 AA1040

PENGGAL 2
Perdagangan Dalaman

AA1017
Perniagaan sekuriti oleh pegawai-pegawai.

**89.** (1) Seseorang pegawai, ejen atau pekerja sesuatu perbadanan atau pegawai sesuatu bursa saham yang berniagakan sekuriti perbadanan atau berhubungan dengan perniagaan sekuriti perbadanan dengan sendirinya atau melalui mana-mana orang lain menggunakan dengan tak wajar untuk memperolehi secara langsung atau secara tak langsung, faedah bagi dirinya sendiri atau mana-mana orang lain maklumat sulit tertentu yang diperolehi oleh kerana kedudukannya sebagai pegawai, ejen atau pekerja atau pegawai bursa saham itu yang jika diketahui umum mungkin dengan semunasabahnya dijangka akan menjejaskan secara material harga hal perkara perniagaan dalam bursa saham itu adalah, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan di bawah seksyen 91, bertanggungan kepada seorang kerana kerugian yang ditanggung oleh orang itu disebabkan pembayaran olehnya atau kepadanya sebagai balasan berkenaan dengan sekuriti-sekuriti yang lebih atau kurang, mengikut mana yang berkenaan, daripada balasan yang dikirakan munasabah jika maklumat itu telah diketahui umum pada masa perniagaan itu.

subs AA1017

(2) Seseorang pegawai, ejen atau pekerja sesuatu perbadanan atau seseorang pegawai bursa saham tidaklah bertanggungan di bawah subseksyen (1) kepada seseorang kerana apa-apa kerugian yang ditanggung oleh orang itu jika orang itu tahu atau patut dengan munasabahnya tahu tentang maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) sebelum membuat transaksi berhubungan dengan perniagaan sekuriti perbadanan.

(3) Sesuatu tindakan bagi mendapat balik amaun kerugian yang disebut dalam subseksyen (1) tidak boleh dimulakan selepas tamat tempoh dua tahun selepas tarikh tamatnya perniagaan sekuriti-sekuriti yang berkenaan dengannya kerugian itu ditanggung.

(4) Dalam seksyen ini—

"ejen" termasuk seorang banker, peguambela dan peguamcara, juruaudit, akauntan atau broker saham perbadanan dan mana-mana orang yang berkait atau pada bila-bila masa dalam masa enam bulan sebelumnya telah diketahui berkait dengan perhubungan perbadanan tersebut dan ada maklumat yang—

(*a*) dipegangnya oleh sebab berkait dengan perbadanan;

(b) adalah munasabah menjangka seseorang yang berkait sedemikian dan dalam kedudukan sedemikian oleh kerana berkait sedemikian itu tidak menzahirkan melaksanakan dengan wajar fungsi-fungsi yang diberi pada kedudukan itu; dan

(c) diketahuinya adalah maklumat sensitif harga yang belum diterbitkan berhubungan dengan sekuriti-sekuriti perbadanan;

"pegawai" termasuk seseorang yang pada bila-bila masa dalam tempoh dua belas bulan sebelumnya adalah seorang pegawai perbadanan.

(5) Seksyen ini hendaklah diperluaskan supaya terpakai kepada pegawai, ejen atau pekerja sesuatu perbadanan atau pegawai bursa saham yang menggunakan dengan tak wajar untuk memperolehi, secara langsung atau secara tak langsung, faedah bagi dirinya sendiri atau mana-mana orang lain, melalui maklumat sulit tertentu yang diperolehi oleh kerana kedudukannya sebagai pegawai, ejen atau pekerja perbadanan atau pegawai bursa saham, berkenaan dengan—

(a) kemungkinan dibuat tawaran atau bid untuk mengambil alih kepada suatu perbadanan lain oleh perbadanan yang dianggotainya; atau

(b) kemungkinan perbadanannya membuat transaksi perdagangan yang substansial dengan suatu perbadanan lain,

untuk berniaga sekuriti perbadanan itu dengan menjangkakan bahawa, jika maklumat ini diketahui umum, harga sekuriti perbadanan yang lagi satu itu dalam bursa saham mungkin terjejas secara material.

89A, B ... 89O ... 89P PENGGAL 3 ... AA1017 BB 1040

**Larangan ke atas penyalahgunaan maklumat yang didapati dalam kedudukan rasmi.**

90. Mana-mana orang yang berniaga atau berhubungan dengan perniagaan sekuriti sesuatu perbadanan, ada apa-apa maklumat yang jika diketahui umum mungkin dengan munasabah dijangka akan menjejaskan secara material harga hal perkara perniagaan sesuatu bursa saham dan yang—

(a) dipegangnya oleh sebab kedudukan rasminya atau kedudukan rasminya yang dahulu; sub AA1017

(*b*) adalah munasabah menjangka seseorang dalam kedudukan rasminya atau kedudukan rasminya yang dahulu tidak menzahirkan kecuali bagi melaksanakan dengan wajar fungsi-fungsi yang diberi pada kedudukan itu; dan

(*c*) diketahuinya adalah maklumat sensitif harga yang belum diterbitkan berhubungan dengan sekuriti-sekuriti perbadanan,

tidak boleh menggunakan secara tak wajar maklumat itu untuk memperolehi, secara langsung atau secara tak langsung, faedah bagi dirinya sendiri atau bagi mana-mana orang lain dan mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan.

A A1017 90A ...

Penalti. L 87A, (AA661) A/AA1017 L AA661

91. Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi seksyen 84, 85, 86, 87, 88, 89 dan 90 adalah melakukan suatu kesalahan ~~dan apabila~~ disabitkan boleh dikenakan denda/~~atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya~~.

Peniaga hendaklah memberi keutamaan kepada pesanan klien.

92. (1) Seseorang peniaga tidak boleh, kecuali sebagaimana dibenarkan oleh subseksyen (3), membuat, sebagai prinsipal atau bagi pihak seseorang yang bersekutu dengannya, suatu transaksi pembelian dan penjualan sekuriti-sekuriti yang dibenar didagangkan dalam pasaran saham sesuatu bursa saham jika seseorang klien peniaga yang tidak bersekutu dengan peniaga itu telah mengarahkan peniaga tersebut supaya membeli atau menjual, masing-masingnya, sekuriti-sekuriti yang sama kelas dan peniaga tersebut belum lagi mematuhi arahan itu.

L AA661

(2) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda/~~atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya~~.

(3) Subseksyen (1) tidak terpakai berhubungan dengan membuat transaksi oleh seorang peniaga sebagai prinsipal atau bagi pihak seseorang yang bersekutu dengannya jika—

(*a*) arahan-arahan klien peniaga itu menghendaki pembelian dan penjualan sekuriti bagi pihak klien itu dilaksanakan hanya atas syarat-syarat

tertentu berhubungan dengan harga yang sekuriti itu hendak dibeli atau dijual dan peniaga tidak dapat membeli atau menjual sekuriti-sekuriti itu disebabkan syarat-syarat tersebut; atau

(*b*) transaksi itu dibuat mengikut hal-hal keadaan yang ditetapkan.

Perniagaan oleh pekerja-pekerja pemegang lesen.

93. (1) Seseorang peniaga atau seseorang penasihat pelaburan dan pekerja orang itu tidak boleh, sebagai prinsipal, bersesama membeli atau melanggan, atau bersetuju hendak membeli atau ~~ber~~langgan, apa-apa sekuriti.

(2) Seseorang peniaga atau seseorang penasihat pelaburan tidak boleh memberi kredit kepada seseorang pekerja orang itu atau kepada seseorang yang, mengikut pengetahuan orang yang pertama tersebut itu, bersekutu dengan pekerja itu jika—

(*a*) kredit diberi bagi maksud membolehkan atau membantu orang yang kepadanya kredit diberi untuk membeli atau melanggan apa-apa sekuriti; atau

(*b*) orang yang memberi kredit itu tahu atau ada sebab mempercayai bahawa kredit itu akan digunakan bagi maksud membeli atau melanggan sekuriti.

(3) Seseorang yang menjadi pekerja sesuatu ~~firma anggota atau syarikat anggota~~ tidak boleh, sebagai prinsipal, membeli atau bersetuju hendak membeli apa-apa sekuriti atau hak atau kepentingan dalam sekuriti melainkan jika ~~firma anggota atau syarikat-anggota~~ itu bertindak sebagai ejen orang tersebut berkenaan dengan transaksi itu.

(4) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda dan penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

# BAHAGIAN X

## PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

### PENGGAL 1

### *Am*

Tafsiran.

*Akta 102.*

*Akta 6.*

**94.** (1) Bahagian ini tidak membenarkan apa-apa jua penyiasatan mengenai urusan sesuatu perbadanan bank sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Bank 1973, atau sesuatu syarikat kewangan sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969, melainkan jika diperuntukkan secara khusus dalam Bahagian ini.

(2) Dalam Bahagian ini, "buku" termasuk apa-apa daftar atau rekod maklumat lain dan apa-apa akaun atau rekod perakaunan, walau bagaimanapun disusun, direkod atau distor, dan termasuk juga apa-apa dokumen.

AA661 → 94A - - - -

Kuasa Suruhanjaya Pendaftar mengarahkan supaya buku ditunjukkan.

**95.** (1) Suruhanjaya ~~Pendaftar~~ boleh, pada bila-bila masa, jika difikirkannya ada sebab yang mencukupi untuk berbuat demikian, dengan cara bertulis—

(*a*) memberi arahan kepada—

(i) suatu bursa saham;

(ii) seorang anggota jawatankuasa suatu bursa saham;

suatu syarikat pemegangan bursa atau bursa saham.

(iii) seseorang yang menjadi atau telah menjadi, sama ada bersendirian atau bersama dengan seorang lain atau orang-orang lain, peniaga, atau penasihat pelaburan atau menjadi atau telah menjadi wakil peniaga, atau wakil pelaburan;

pengurus kumpulan wang AA943

AA943

(iv) seseorang penama yang dikawal oleh seorang yang disebut dalam subparagraf (iii) atau bersesama dikawal oleh dua orang atau lebih yang sekurang-kurangnya salah seorang daripadanya adalah orang yang disebut dalam subparagraf itu; atau

(v) seseorang yang menjadi atau telah menjadi pegawai atau majikan, atau ejen, peguambela, peguamcara, juruaudit atau orang lain yang bertindak dalam apa-apa

kedudukan untuk atau bagi pihak, suatu bursa saham atau seseorang yang disebut dalam subparagraf (ii), (iii) atau (iv),

yang menghendaki supaya dikemukakan kepada seseorang yang diberi kuasa oleh Pendaftar untuk menerimanya pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana dinyatakan dalam arahan itu, apa-apa buku sebagaimana dinyatakan, iaitu buku-buku yang berhubungan dengan—

(vi) urusan atau hal-ehwal suatu bursa saham;

(vii) apa-apa perniagaan sekuriti;

(viii) apa-apa nasihat mengenai sekuriti atau pengeluaran atau penyiaran laporan atau analisis mengenai sekuriti;

(ix) sifat atau kedudukan kewangan, atau apa-apa urusan yang dijalankan oleh seseorang yang disebut dalam subparagraf (iii) atau (iv); atau

(x) pengauditan, atau apa-apa laporan seseorang juruaudit mengenai, sesuatu perniagaan sekuriti atau apa-apa akaun atau rekod seseorang peniaga atau penasihat pelaburan; atau

(*b*) memberi suatu arahan kepada seseorang menghendaki supaya dikemukakan kepada seseorang yang diberi kuasa oleh Pendaftar untuk menerimanya, pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana dinyatakan dalam arahan itu, apa-apa buku yang berhubungan dengan perkara-perkara yang disebut dalam subparagraf (vi), (vii), (viii), (ix) atau (x) paragraf (*a*) yang ada dalam simpanan atau di bawah kawalan orang itu:

Dengan syarat bahawa buku-buku itu tidak akan dikehendaki dikemukakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang boleh mengganggu penjalanan wajar urusan harian biasa bagi orang itu.

(2) Pendaftar boleh dari semasa ke semasa memberi kuasa kepada seseorang, apabila dikemukakan, jika dikehendaki berbuat demikian, apa-apa bukti tentang kuasanya sebagaimana yang ditetapkan—

(*a*) untuk menghendaki sesuatu bursa saham atau seseorang yang disebut dalam subparagraf (1) (*a*) (ii), (iii), (iv) atau (v) paragraf (*a*) subseksyen (1) supaya mengemukakan kepada orang yang diberi kuasa itu dengan serta-merta apa-apa buku berhubungan dengan perkara-perkara yang disebut dalam subparagraf (vi), (vii), (viii), (ix) atau (x) paragraf (*a*) subseksyen (1) sebagaimana ditentukan oleh orang yang diberi kuasa itu dan ada dalam simpanan atau di bawah kawalan bursa saham atau orang yang membuat kehendak itu; atau

(*b*) untuk menghendaki sesuatu bursa saham atau mana-mana orang mengemukakan kepada orang yang diberi kuasa itu apa-apa buku yang berhubungan dengan perkara-perkara tersebut dalam subparagraf (1) (vi), (vii), (viii), (ix) dan (x) paragraf (*a*) subseksyen (1) yang ada dalam simpanan atau di bawah kawalan bursa saham atau orang lain.

(3) Sebutan dalam subseksyen (1) mengenai perniagaan sekuriti atau urusan yang dijalankan oleh seseorang termasuklah sebutan mengenai perniagaan sekuriti oleh seseorang sebagai pemegang amanah atau urusan yang dijalankan oleh seseorang sebagai pemegang amanah, mengikut mana yang berkenaan.

(4) Pemberian kuasa di bawah subseksyen (2) mungkinnya untuk digunakan secara am atau mungkinnya dihadkan bagi mengadakan kehendak-kehendak sesuatu bursa saham tertentu atau orang lain atau bursa-bursa saham tertentu atau orang-orang lain.

(5) Jika Suruhanjaya ~~Pendaftar, atau orang yang diberi kuasa oleh Pendaftar~~ menghendaki dikemukakan apa-apa buku di bawah seksyen ini dan seseorang itu ada mempunyai lien ke atas buku tersebut maka pengemukaan buku tersebut tidak menyentuh lien itu.

(6) Jika /Pendaftar, ~~atau seseorang yang diberi kuasa oleh Pendaftar,~~ menjalankan kuasa di bawah seksyen ini untuk menghendaki seorang lain supaya mengemukakan buku—

*(a)* jika buku itu dikemukakan, /Pendaftar ~~orang yang kepadanya buku itu dikemukakan~~—

(i) boleh mengambil milik buku-buku itu dan membuat salinan, atau membuat cabutan daripada buku-buku itu;

(ii) boleh menghendaki orang lagi satu itu atau mana-mana orang yang menjadi pihak dalam penyusunan buku-buku itu membuat suatu pernyataan yang memberi penjelasan mengenai mana-mana buku itu;

(iii) boleh terus memiliki buku-buku itu selama mana yang difikirkan perlu oleh /~~Pendaftar~~; dan

(iv) hendaklah membenarkan orang lagi satu itu, apabila memberi notis yang munasabah dan penentuan-penentuan bahan itu, akses kepada buku itu yang ada dalam milik Pendaftar; atau

*(b)* jika buku-buku itu tidak dikemukakan, /~~Pendaftar atau orang yang diberi kuasa itu~~ boleh menghendaki orang lagi satu itu—

(i) menyatakan, sepanjang yang dia ketahui dan percaya, di mana buku-buku itu boleh dijumpai; dan

(ii) mengecamkan orang yang, sepanjang yang dia ketahui dan percaya, akhir sekali menyimpan buku-buku itu dan menyatakan, sepanjang yang dia ketahui dan percaya, di mana orang yang tersebut akhir itu boleh dijumpai.

(7) Kuasa yang diberi oleh seksyen ini untuk membuat suatu kehendak bagi seseorang itu, jika orang tersebut adalah suatu pertubuhan perbadanan termasuk suatu pertubuhan perbadanan yang sedang digulung, atau telah menjadi suatu pertubuhan per-...han, iaitu suatu pertubuhan perbadanan yang telah ...arkan, adalah meliputi kehendak bagi mana-mana orang yang menjadi atau telah menjadi seorang pegawai pertubuhan perbadanan itu.

(8) Bila-bila masa sahaja didapati oleh seseorang majistret, berdasarkan maklumat bertulis secara sumpah, dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mengesyaki yang di premis tertentu ada terdapat apa-apa buku yang pengemukaannya telah dikehendaki menurut seksyen ini, dan yang belum lagi dikemukakan sebagai mematuhi kehendak itu, maka majistret boleh mengeluarkan suatu waran memberi kuasa kepada Pendaftar atau mana-mana orang yang dinamakan dalamnya dengan atau tanpa bantuan—

(*a*) untuk menggeledah premis itu dan memecah buka serta menggeledah mana-mana almari, laci, peti, kotak, bungkusan atau bekas-bekas lain, sama ada lekapan atau tidak, di premis itu; dan

(*b*) untuk mengambil milik, atau menjaga supaya tidak diganggu, apa-apa buku yang kelihatan sebagai buku-buku yang dikehendaki dikemukakan.

(9) Kuasa-kuasa yang diberi di bawah subseksyen (8) adalah sebagai menambah, dan bukannya mengurangkan daripada, mana-mana kuasa lain yang diberi oleh undang-undang.

(10) Dalam seksyen ini "premis" termasuk apa-apa struktur, bangunan, pesawat udara, kenderaan, vesel atau tempat.

Kesalahan.

**96.** (1) Seseorang yang enggan atau tidak mematuhi kehendak yang dibuat di bawah seksyen 95 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Seseorang yang, dengan berupa sebagai mematuhi suatu kehendak yang dibuat di bawah seksyen 95, memberi maklumat atau membuat pernyataan palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama satu tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Seseorang yang menghalang atau merintangi Pendaftar atau seorang lain dalam menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen 95 adalah melakukan suatu

kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~satu~~ tahun atau kedua-duanya.

Keistimewaan.

**97.** (1) Jika—

(*a*) ~~Pendaftar,~~ atau ~~seseorang~~ yang diberi kuasa ~~oleh Pendaftar,~~ membuat kehendak di bawah seksyen 95 seseorang peguambela atau peguamcara berkenaan dengan buku; dan

(*b*) buku tersebut mengandungi perhubungan terlindung yang dibuat oleh atau bagi pihak atau kepada peguambela atau peguamcara atas sifatnya sebagai peguambela atau peguamcara,

dia berhak enggan mematuhi kehendak tersebut melainkan orang yang kepadanya atau olehnya atau bagi pihaknya perhubungan itu dibuat atau, jika orang itu adalah suatu pertubuhan perbadanan di bawah penerimaan atau sedang hendak digulung, penerima atau likuidator, mengikut mana yang berkenaan, bersetuju baginya mematuhi kehendak itu tetapi, jika dia enggan mematuhi sesuatu kehendak itu, dia hendaklah dengan serta-merta memberi secara bertulis kepada ~~Pendaftar~~ atau orang yang diberi kuasa nama dan alamat orang yang kepadanya atau olehnya perhubungan itu dibuat.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~satu~~ tahun atau kedua-duanya.

(3) ~~Pendaftar~~ hendaklah mendapatkan bantuan Bank Negara Malaysia jika didapatinya perlu untuk memeriksa buku-buku sesuatu perbadanan bank atau syarikat kewangan berhubungan dengan hal-ehwal seseorang pelanggan perbadanan bank atau syarikat kewangan itu bagi maksud menyiasat hal-ehwal pelanggan itu.

Penzahiran kepada Pendaftar.

**98.** (1) Pendaftar boleh menghendaki seseorang peniaga supaya menzahirkan ~~kepadanya~~, berhubungan dengan apa-apa pengambilan atau pelupusan sekuriti, nama orang yang daripadanya atau melaluinya atau bagi pihaknya sekuriti-sekuriti itu didapati atau kepadanya atau melaluinya atau bagi pihaknya sekuriti-sekuriti itu telah dilupuskan dan jenis arahan-arahan yang diberi kepada peniaga berkenaan dengan pengambilan atau pelupusan itu.

(2) Pendaftar boleh menghendaki seseorang yang telah mendapat atau melupuskan sekuriti supaya menzahirkan ~~kepadanya~~ sama ada ia telah mendapat atau melupuskan sekuriti-sekuriti itu, mengikut mana yang berkenaan, sebagai pemegang amanah, atau untuk atau bagi pihak, seorang lain dan, jika dia mendapat atau melupuskan sekuriti-sekuriti itu sebagai pemegang amanah, atau seorang lain, supaya menzahirkan nama orang lagi satu itu dan jenis apa-apa arahan yang diberikan kepada orang yang pertama tersebut itu berkenaan dengan pengambilan atau pelupusan itu.

(3) Pendaftar boleh menghendaki sesuatu bursa saham supaya menzahirkan ~~kepadanya~~, berhubungan dengan sesuatu pengambilan atau pelupusan sekuriti dalam pasaran saham bursa saham tersebut, nama anggota bursa saham yang bertindak dalam pengambilan atau pelupusan itu.

(4) Seseorang yang enggan atau tidak mematuhi sesuatu kehendak ~~Pendaftar~~ di bawah subseksyen (1), (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~satu~~ tahun atau kedua-duanya.

Penyiasatan perkara-perkara tertentu.

**99.** Jika Pendaftar ada sebab untuk mengesyaki seseorang itu telah melakukan suatu kesalahan di bawah peruntukan Akta ini atau adalah bersalah kerana melakukan fraud atau kesalahan terhadap mana-mana undang-undang lain berkenaan dengan perniagaan sekuriti maka ~~dia boleh~~ membuat apa-apa penyiasatan yang ~~difikirkannya~~ mustahak bagi pentadbiran yang wajar akan Akta ini.

Kuasa mahkamah untuk membuat perintah-perintah tertentu.

**100.** (1) Jika—

(*a*) atas permohonan Pendaftar, Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa di Malaysia berhubungan dengan perniagaan sekuriti, atau telah melanggar syarat-syarat atau sekatan-sekatan sesuatu

lesen atau kaedah-kaedah atau kehendak-kehendak tersenarai bursa saham atau hampir hendak melakukan sesuatu berkenaan dengan perniagaan sekuriti yang, jika dilakukan, akan menjadi suatu kesalahan atau pelanggaran; atau

(*b*) atas permohonan suatu bursa saham, Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa seseorang telah melanggar kaedah-kaedah atau kehendak-kehendak tersenarai bursa saham,

Mahkamah Tinggi boleh, tanpa menyentuh apa-apa perintah yang ia berhak membuat selain daripada yang dibuat menurut seksyen ini, membuat satu atau lebih daripada perintah-perintah berikut:

(*c*) dalam hal pelanggaran yang kerap atau berterusan terhadap Akta ini, atau mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa di Malaysia berhubungan dengan perniagaan sekuriti, terhadap syarat-syarat dan sekatan-sekatan sesuatu lesen, atau terhadap kaedah-kaedah atau kehendak-kehendak tersenarai sesuatu bursa saham, suatu perintah menahan seseorang daripada menjalankan urusan berniaga sekuriti, bertindak sebagai penasihat pelaburan atau sebagai wakil peniaga atau wakil pelaburan, atau dari mengemukakan dirinya sebagai menjalankan urusan sedemikian itu atau bertindak sedemikian itu;

(*d*) suatu perintah menahan seseorang dari mengambil, melupuskan atau selainnya memperniagakan apa-apa sekuriti yang dinyatakan dalam perintah itu;

(*e*) suatu perintah melantik seorang penerima bagi harta peniaga atau harta yang dipegang oleh seorang peniaga untuk atau bagi pihak seorang lain sama ada sebagai amanah atau selainnya;

(*f*) suatu perintah mengisytiharkan kontrak berhubungan dengan sekuriti sebagai terbatal atau boleh batal;

(*g*) bagi maksud mendapatkan pematuhan apa-apa perintah lain di bawah seksyen ini, suatu perintah mengarahkan seseorang melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan tertentu; dan

∠ AA943

subs AA1017

∠ AA943

∠ AA943

∠ AA943

← AA943

(h) apa-apa perintah tambahan yang disifatkan perlu berikutan dengan pembuatan sesuatu perintah di bawah mana-mana peruntukan sebelumnya dalam subseksyen ini.

(2) Mahkamah Tinggi boleh, sebelum membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mengarahkan supaya notis permohonan itu diberi kepada mana-mana orang yang difikirkannya patut atau mengarahkan supaya notis permohonan itu disiarkan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, atau kedua-duanya sekali.

(3) Seseorang yang dilantik melalui perintah Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (1) sebagai penerima bagi harta seorang peniaga—

(a) boleh menghendaki peniaga itu supaya menyerahkan kepada penerima apa-apa harta yang dia telah dilantik sebagai penerima atau memberikan kepada penerima semua maklumat mengenai harta itu yang mungkin dikehendaki dengan munasabahnya;

(b) boleh mengambil dan mengambil milik apa-apa harta yang dia telah dilantik sebagai penerima;

(c) boleh menguruskan apa-apa harta yang dia telah mengambil atau yang telah mengambil milik dengan apa jua cara dalam mana peniaga mungkin telah menguruskan harta itu dengan sah; dan

(d) boleh mempunyai apa-apa kuasa lain mengenai harta tersebut sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi dalam perintah itu.

(4) Dalam paragraf (d) subseksyen (1) dan subseksyen (3), "harta", berhubungan dengan seorang peniaga, termasuk wang, sekuriti, dan dokumen-dokumen hak milik kepada sekuriti atau harta lain yang diamanahkan kepada atau diterima bagi pihak mana-mana orang lain oleh peniaga atau seorang lain semasa menjalankan atau berkaitan dengan urusan berniaga sekuriti yang dijalankan oleh peniaga itu.

(5) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi—

(a) suatu perintah di bawah subseksyen (1) yang boleh dipakai kepadanya; atau

(b) suatu kehendak seorang penerima yang dilantik melalui perintah Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen (1); ~~atau~~

(c) ...

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda (atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~satu~~ sepuluh tahun atau kedua-duanya. AA1017 AA1017 AA847 AA847

(6) Subseksyen (5) tidak menyentuh kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi berhubungan dengan hukuman menghina Mahkamah.

(7) Mahkamah Tinggi boleh membatalkan, mengubah atau melepaskan sesuatu perintah yang dibuatnya di bawah seksyen ini atau menggantungkan perlaksanaan sesuatu perintah itu. inst. AA1218

(8) ...

(9) ...

100A ... AA1040

PENGGAL 2

Repeal by Act A847/93

*Penyiasatan*

**101.** (1) Dalam Penggal ini, melainkan jika terdapat maksud yang bertentangan— Tafsiran.

"arahan ditetapkan" ertinya sesuatu arahan yang diberi dalam menjalankan kuasa di bawah seksyen 102 berhubungan dengan menjalankan penyiasatan mengenai perkara-perkara berhubungan dengan perniagaan sekuriti;

"inspektor" ertinya inspektor yang dilantik di bawah Penggal ini;

"orang ditetapkan" ertinya seseorang yang disyaki atau dipercayai oleh seseorang inspektor, atas sebab-sebab yang munasabah, boleh memberi maklumat mengenai apa-apa perkara yang sedang, atau akan, disiasat oleh inspektor menurut Penggal ini.

(2) Jika dua orang atau lebih inspektor telah dilantik di bawah Penggal ini untuk menyiasat perkara-perkara yang tertentu berhubungan dengan perniagaan sekuriti, tiap-tiap seorang daripada inspektor itu bolehlah menjalankan kuasa-kuasanya atau melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Penggal ini secara bebas daripada inspektor atau inspektor-inspektor lain.

(3) Berhubungan dengan sesuatu penyiasatan yang dijalankan oleh Pendaftar mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan sekuriti, sebutan dalam

seksyen 104, 106, 116 atau 119 mengenai seseorang inspektor hendaklah dibaca sebagai sebutan mengenai Pendaftar.

(4) Jika Pendaftar menerima arahan ditetapkan dia hendaklah—

(*a*) mengatur satu penyiasatan supaya dijalankan mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam suratcara yang mengandungi arahan itu; dan

(*b*) tertakluk kepada subseksyen (3)—

(i) memutuskan sama ada penyiasatan itu hendak dijalankan olehnya atau oleh inspektor; dan

(ii) jika dia memutuskan bahawa penyiasatan itu patut dijalankan oleh inspektor, melantik inspektor itu atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana ditentukan olehnya.

Penyiasatan.

**102.** Jika Menteri berpendapat bahawa adalah menjadi kepentingan negara atau awam yang sesuatu penyiasatan dijalankan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan perniagaan sekuriti, Menteri boleh, melalui suratcara secara bertulis, mengarahkan Pendaftar supaya mengaturkan suatu penyiasatan mengenai perkara-perkara itu.

Penjalanan penyiasatan.

**103.** (1) Sesuatu suratcara yang mengandungi suatu arahan ditetapkan—

(*a*) hendaklah menyatakan perkara-perkara yang hendak disiasat;

(*b*) mungkin menghendaki penyiasatan itu dijalankan oleh Pendaftar atau menghendaki penyiasatan itu dijalankan oleh seorang inspektor yang dilantik oleh Pendaftar; dan

(*c*) dalam hal penyiasatan yang dijalankan oleh seseorang inspektor yang dilantik oleh Pendaftar, mungkin menghendaki seseorang tertentu dilantik sebagai inspektor dan mungkin menghendakinya dilantik atas terma dan syarat yang tertentu.

(2) Jika Pendaftar menerima sesuatu arahan ditetapkan, dia hendaklah mematuhi apa-apa kehendak yang dinyatakan dalam arahan itu.

(3) Jika, menurut sesuatu arahan ditetapkan, sesuatu penyiasatan sedang dijalankan oleh Pendaftar atau oleh inspektor yang dilantik oleh Pendaftar, maka dia hendaklah, jika diarahkan sedemikian—

(*a*) mengaturkan supaya penyiasatan itu diperluaskan meliputi perkara-perkara tambahan;

(*b*) menamatkan penyiasatan atau menamatkan penyiasatan setakat mana ia berhubungan dengan perkara-perkara tertentu; atau

(*c*) dalam hal penyiasatan yang sedang dijalankan oleh seorang inspektor, menamatkan, atau mengubah terma dan syarat, perlantikan inspektor tersebut,

sebelum penyiasatan itu tamat.

(4) Jika Pendaftar diarahkan di bawah seksyen 102 untuk mengatur sesuatu penyiasatan mengenai perkara-perkara berhubungan dengan sekuriti, dia hendaklah mengarahkan supaya disiarkan dalam *Warta* suatu notis menyatakan bahawa arahan itu telah diberi dan menyatakan perkara-perkara yang berkenaan itu.

(5) Suatu notis yang disebut dalam subseksyen (4) hendaklah—

(*a*) jika penyiasatan sedang atau hendak dijalankan oleh Pendaftar, menyatakan faktanya; atau

(*b*) jika penyiasatan sedang atau hendak dijalankan oleh inspektor, menyatakan faktanya dan menyebutkan nama inspektor itu.

(6) Jika Pendaftar berhenti menjalankan sesuatu penyiasatan atau menamatkan perlantikan inspektor menjalankan sesuatu penyiasatan, maka dia hendaklah mengarahkan supaya notis pemberhentian atau penamatan itu disiarkan dalam *Warta*.

(7) Suatu perakuan yang ditandatangan oleh Pendaftar menyatakan bahawa suatu penyiasatan mengenai suatu perkara yang dinyatakan dalam perakuan itu iaitu suatu perkara yang berhubungan dengan perniagaan sekuriti, sedang atau hendak dijalankan oleh inspektor yang dinamakan dalam perakuan itu, adalah

keterangan *prima facie* mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam perakuan itu dan bahawa inspektor itu telah dilantik dengan wajarnya.

Kuasa inspektor.

**104.** (1) Seseorang inspektor boleh, melalui notis dalam borang yang ditetapkan yang diberi mengikut cara yang ditetapkan, menghendaki seseorang ditetapkan itu supaya—

(*a*) menunjukkan kepada inspektor apa-apa buku berhubungan dengan perkara yang ada berkaitan dengan penyiasatannya yang ada dalam simpanan atau kawalan orang itu;

(*b*) memberi kepada inspektor segala bantuan munasabah berkaitan dengan penyiasatan itu; dan

(*c*) hadir di hadapan inspektor untuk pemeriksaan atas sumpah atau ikrar dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya,

dan boleh mengendalikan sumpah atau ikrar kepada orang tersebut.

*N.M.B. Bab 45.*

(2) Dalam seksyen 193 dan 228 Kanun Keseksaan, perkataan-perkataan "prosiding kehakiman" hendaklah disifatkan termasuk suatu pemeriksaan di bawah seksyen ini.

(3) Jika buku-buku ditunjukkan kepada seseorang inspektor di bawah seksyen ini, inspektor itu boleh mengambil milik buku-buku itu selama tempoh yang difikirkannya perlu bagi maksud penyiasatan itu, dan dalam tempoh tersebut dia hendaklah membenarkan seseorang yang berhak memeriksa buku-buku itu jika buku-buku tersebut tidak berada dalam milik inspektor untuk diperiksa buku-buku itu pada setiap masa yang munasabah sebagaimana orang itu berhak memeriksanya.

(4) Seseorang ditetapkan yang—

(*a*) enggan atau tidak mematuhi sesuatu kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (1);

(*b*) dengan berupa mematuhi sesuatu kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (1), memberi maklumat yang mana adalah palsu atau mengelirukan mengenai sesuatu butir material;

Repeal by A4847

(c) apabila hadir di hadapan seseorang inspektor bagi pemeriksaan menurut kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (1), membuat suatu pernyataan yang mana adalah palsu atau mengelirukan mengenai sesuatu butir, ~~butir~~ material; atau o/AA661

(d) apabila hadir di hadapan seseorang inspektor bagi pemeriksaan menurut kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (1), enggan atau tidak mengangkat sumpah atau membuat ikrar,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

(5) Seseorang peguambela dan peguamcara yang bertindak bagi orang ditetapkan—

(a) boleh hadir dalam pemeriksaan orang itu; dan

(b) boleh, setakat mana dibenarkan oleh inspektor—

(i) berucap kepada inspektor; dan

(ii) memeriksa orang itu,

berhubungan dengan perkara-perkara yang mengenainya inspektor itu telah menyoal orang berkenaan itu.

(6) Seseorang yang mematuhi kehendak seseorang inspektor di bawah subseksyen (1) tidak bertanggungan kepada mana-mana orang semata-mata oleh sebab pematuhan itu.

(7) Jika seseorang inspektor berpuas hati bahawa seseorang ditetapkan tidak mematuhi, tanpa sebab yang munasabah, apa-apa kehendak inspektor, maka inspektor itu boleh melalui notis secara bertulis yang ditandatanganinya, menyatakan kegagalan itu kepada Mahkamah.

(8) Jika seseorang inspektor memberi pernyataan di bawah subseksyen (7) Mahkamah bolehlah menyiasat kes itu dan—

(a) memerintahkan orang ditetapkan itu supaya mematuhi kehendak inspektor itu dalam tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah; atau

(b) jika Mahkamah berpuas hati bahawa orang ditetapkan itu tidak mematuhi, tanpa sebab yang munasabah, kehendak inspektor itu, maka

Mahkamah itu hendaklah menghukumnya sama dengan cara seolah-olah dia telah menghina Mahkamah dan, jika Mahkamah berpendapat patut, hendaklah juga membuat satu perintah menurut paragraf (*a*).

Penyiasatan disifatkan suatu prosiding. *Akta 56.*

**105.** Sesuatu penyiasatan di bawah Penggal ini hendaklah, bagi maksud-maksud Akta Keterangan 1950, disifatkan suatu prosiding kehakiman.

Rekod pemeriksaan.

**106.** (1) Seseorang inspektor boleh mengarahkan supaya dibuat suatu rekod bertulis berkenaan dengan soalan-soalan yang ditanya dan jawapan-jawapan yang diberi dalam pemeriksaan di bawah Penggal ini, dan sesuatu rekod bertulis yang dibuat demikian, jika disahkan sebagaimana ditetapkan, adalah keterangan *prima facie* berkenaan soalan-soalan yang ditanya dan jawapan-jawapan yang diberi.

(2) Jika—

(*a*) sesuatu rekod bertulis berkenaan dengan pemeriksaan seseorang dibuat oleh seorang inspektor di bawah Penggal ini; dan

(*b*) orang itu meminta inspektor secara bertulis supaya memberikan kepadanya satu salinan rekod itu,

maka inspektor itu hendaklah memberikan salinan itu kepada orang tersebut tanpa kena bayaran.

(3) Seksyen ini tidaklah menyentuh atau menghadkan kebolehterimaan dalam apa-apa prosiding jenayah atau sivil akan keterangan lain berkenaan dengan soalan-soalan yang ditanya dan jawapan-jawapan yang diberi dalam pemeriksaan di bawah Penggal ini.

(4) Pendaftar boleh memberi satu salinan rekod bertulis yang dibuat berkenaan dengan pemeriksaan di bawah Penggal ini dan salinan apa-apa buku yang berkenaan kepada peguambela dan peguamcara yang Pendaftar berpuas hati dia bertindak bagi seorang yang menjalankan, atau, dengan suci hati, berkira-kira hendak mengambil prosiding jenayah atau sivil berkenaan dengan apa-apa perkara yang penyiasatan telah atau sedang dijalankan oleh seorang inspektor di bawah Penggal ini.

Repeal by A1847

(5) Seseorang peguambela dan peguamcara yang diberi satu salinan rekod bertulis pemeriksaan atau buku yang berkenaan di bawah subseksyen (4) dan mana-mana orang lain yang memiliki salinan itu tidak boleh menggunakan rekod atau buku itu selain dari berkaitan dengan permulaan atau penyediaan, atau semasa berlangsungnya, prosiding jenayah atau sivil dan tidak boleh menerbitkan atau menyampaikan bagi apa jua maksud lain rekod atau buku atau apa-apa bahagian kandungan rekod atau buku tersebut kepada mana-mana orang lain.

(6) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi subseksyen (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

*Rekod hendaklah disertakan dengan laporan.*

**107.** Apabila suatu laporan muktamad dibuat berkenaan dengan penyiasatan di bawah Penggal ini, apa-apa rekod yang dibuat mengenai soalan-soalan yang ditanya dan jawapan-jawapan yang diberi dalam suatu pemeriksaan berhubungan dengan penyiasatan itu hendaklah diberi berserta dengan laporan.

*Kebolehterimaan rekod pemeriksaan dalam keterangan prosiding terhadap orang yang diperiksa.*

**108.** (1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan oleh subseksyen (2), apa-apa soalan yang ditanya dan jawapan yang diberi dalam pemeriksaan seseorang di bawah Penggal ini adalah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding jenayah atau sivil terhadap orang itu.

(2) Keterangan mengenai jawapan yang diberi oleh seseorang dalam pemeriksaan di bawah Penggal ini tidak boleh diterima sebagai keterangan dalam prosiding jenayah atau sivil terhadap orang itu jika—

(*a*) prosiding itu adalah prosiding jenayah, lain daripada prosiding bagi sesuatu kesalahan terhadap subseksyen (4) seksyen 104 atau prosiding lain berkenaan dengan kepalsuan jawapan, dan, sebelum menjawab soalan, orang itu mendakwa yang jawapan itu mungkin menunjukkan dia bersalah;

(*b*) soalan dan jawapan itu tidak relevan kepada prosiding; atau

(c) jawapan itu ditakluki atau diterangkan oleh suatu jawapan lain yang diberi dalam pemeriksaan dan keterangan jawapan yang lain itu tidak diberi dalam prosiding,

dan orang itu membantah penerimaan jawapan itu sebagai keterangan.

(3) Seksyen ini terpakai sama ada prosiding terhadap orang yang diperiksa itu didengar berseorangan atau bersama dengan prosiding terhadap seorang lain.

Kebolehterimaan dalam prosiding lain soalan dan jawapan dalam pemeriksaan.

**109.** Jika, dalam mana-mana prosiding jenayah atau sivil, keterangan langsung oleh seseorang berkenaan dengan sesuatu perkara itu boleh diterima, soalan yang ditanya kepada, dan jawapan yang diberi oleh, orang dalam pemeriksaan di bawah Penggal ini yang mungkin menentukan perkara itu adalah boleh diterima dalam prosiding itu sebagai keterangan mengenai perkara itu—

(a) jika didapati oleh Mahkamah dalam mana prosiding dimulakan—

(i) bahawa orang yang diperiksa telah mati atau tak layak, disebabkan apa-apa ketakupayaan fizikal atau mental, untuk hadir sebagai saksi;

(ii) bahawa orang itu tiada di Malaysia dan tidak semunasabahnya praktik dapat menjaminkan kehadirannya;

(iii) bahawa segala langkah yang munasabah telah diambil untuk mencari orang itu dan dia tidak dijumpai;

(iv) bahawa, dengan memandangkan kepada masa yang telah berlaku semenjak pemeriksaan dan kepada segala hal keadaan lain, orang itu tidak boleh dengan munasabahnya dijangkakan mempunyai apa-apa ingatan semula berkenaan dengan perkara yang diselenggarakan dalam soalan dan jawapan; atau

(v) bahawa, dengan memandangkan kepada segala hal keadaan kes itu, jika orang itu dipanggil sebagai saksi akan menyebabkan kelengahan atau perbelanjaan yang tak wajar; atau

(*b*) dalam kes yang mana paragraf (*a*) tidak terpakai, melainkan jika suatu pihak kepada prosiding, selain dari pihak yang memberi keterangan mengenai soalan dan jawapan itu, menghendaki pihak yang memberi itu memanggil seseorang sebagai saksi dalam prosiding dan pihak yang memberi itu tidak memanggil orang itu sebagai saksi dalam prosiding.

**110.** Dalam menentukan berapa beratnya, jika ada, yang diberi kepada keterangan mengenai soalan dan jawapan yang diterima di bawah seksyen 109 dalam mana-mana prosiding, pandangan hendaklah diberi kepada segala hal keadaan dari mana kesimpulan boleh dibuat dengan munasabahnya tentang ketepatan atau sebaliknya keterangan itu, termasuk—

Berat keterangan.

(*a*) baharunya atau lamanya pada masa bila pemeriksaan berkenaan dijalankan apa-apa perkara relevan yang diselenggarakan pada masa pemeriksaan itu; dan

(*b*) adanya dan jenisnya, atau tiadanya, apa-apa dorongan bagi orang yang diperiksa untuk menyembunyikan atau salah menyatakan apa-apa perkara relevan dalam jawapannya.

**111.** (1) Jika keterangan mengenai soalan-soalan dan jawapan-jawapan diterima di bawah seksyen 109 dalam apa-apa prosiding dan orang yang diperiksa itu tidak dipanggil sebagai saksi dalam prosiding itu, keterangan adalah boleh diterima di mana, jika orang yang diperiksa itu tidak dipanggil sebagai saksi, keterangan itu tetaplah boleh diterima bagi maksud membinasakan atau menyokong kekredibelannya.

Kekredibelan orang yang menjawab soalan.

(2) Keterangan adalah boleh diterima untuk menunjukkan bahawa sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang tersebut dalam subseksyen (1) adalah tidak selaras dengan suatu pernyataan lain yang dibuat olehnya pada bila-bila masa.

(3) Walau apa pun peruntukan dalam subseksyen (1) dan (2), keterangan tidak boleh diterima mengenai apa-apa perkara yang, jika orang yang tersebut dalam subseksyen (1) telah dipanggil sebagai saksi dan

menafikan perkara itu dalam pemeriksaan balas, keterangannya itu tidak boleh diterima jika dikemukakan oleh pihak yang memeriksa balas.

Perwakilan oleh inspektor.

**112.** (1) Seseorang inspektor boleh, sama ada secara amnya atau sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh suratcara perwakilan, melalui notis secara bertulis yang ditandatangani olehnya, mewakilkan kepada seseorang apa-apa kuasa atau fungsinya di bawah Penggal ini selain dari kuasa perwakilan ini.

(2) Kuasa perwakilan yang diberi kepada seseorang inspektor di bawah subseksyen (1) tidak meliputi mewakilkan kuasa untuk mengendali sumpah atau ikrar atau kuasa untuk memeriksa dengan bersumpah atau berikrar.

(3) Apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan dalam menjalankan kuasa atau melaksanakan sesuatu fungsi oleh seseorang yang kuasa atau fungsi itu telah diwakilkan kepadanya oleh seseorang inspektor di bawah subseksyen (1) mempunyai kuatkuasa dan kesan yang sama seolah-olah perbuatan atau perkara itu telah dilakukan oleh inspektor.

(4) Seseorang wakil hendaklah, atas permintaan seseorang ditetapkan, mengemukakan suratcara perwakilan untuk diperiksa.

(5) Sesuatu perwakilan di bawah seksyen ini yang dijalankan oleh seseorang inspektor tidak menghalang penjalanan atau perlaksanaan kuasa atau fungsi inspektor itu.

Laporan penyiasatan kepada Menteri.

**113.** (1) Jika sesuatu penyiasatan sedang dijalankan oleh seseorang inspektor yang dilantik menurut sesuatu arahan ditetapkan, inspektor itu boleh, dan jika diarahkan sedemikian oleh Menteri hendaklah, membuat laporan sementara kepada Menteri melalui Pendaftar dan, apabila penyiasatan itu selesai atau tamat, inspektor hendaklah melaporkan kepada Menteri melalui Pendaftar, pendapatnya tentang atau berhubungan dengan perkara-perkara yang dia telah siasat, berserta fakta-fakta yang menjadi asas pendapatnya itu.

(2) Jika sesuatu penyiasatan sedang dijalankan oleh Pendaftar, dia boleh, dan jika diarahkan sedemikian oleh Menteri hendaklah membuat laporan sementara

kepada Menteri dan, apabila penyiasatan itu selesai atau tamat, dia hendaklah melaporkan kepada Menteri pendapatnya tentang atau berhubungan dengan perkara-perkara yang dia telah siasat, berserta fakta-fakta yang menjadi asas pendapatnya itu.

Laporan inspektor.

**114.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika, pada pendapat Menteri, keseluruhan atau mana-mana bahagian sesuatu laporan yang dibuat di bawah Penggal ini patut diberi kepada seseorang kerana laporan itu adalah berhubungan dengan hal-ehwal orang itu setakat yang material, dia hendaklah, melainkan pada pendapatnya ada sebab yang baik untuk tidak membocorkan isi kandungan laporan atau bahagian laporan itu, memberi kepada orang itu satu salinan laporan atau bahagian laporan itu, mengikut mana yang dikehendaki.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Menteri tidak boleh memberi salinan sesuatu laporan atau salinan sesuatu bahagian laporan di bawah Penggal ini kepada seseorang jika dia mempercayai bahawa prosiding undang-undang yang telah dimulakan mungkin, atau yang pada pendapatnya mungkin dimulakan itu boleh jadi, memudaratkan dengan tak wajar dengan memberi salinan laporan itu atau salinan bahagian laporan itu kepada orang itu.

(3) Sesuatu Mahkamah yang di hadapannya prosiding undang-undang dibawa terhadap seseorang bagi atau berkenaan dengan perkara-perkara yang diselenggarakan dalam sesuatu laporan di bawah Penggal ini boleh memerintahkan supaya salinan laporan itu atau salinan bahagian laporan itu diberi kepada orang itu.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5), Menteri boleh mengarahkan supaya dicetak dan disiarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian laporan di bawah Penggal ini yang berhubungan dengan sesuatu penyiasatan.

(5) Jika—

(*a*) Menteri tetap, jika tidak kerana subseksyen ini, mempunyai kuasa untuk menyiarkan laporan;

(*b*) Menteri menerima suatu perakuan daripada Peguam Negara yang menyatakan bahawa penyiaran laporan itu akan memudaratkan pentadbiran keadilan;

(c) Menteri tidak menerima perakuan lanjut daripada Peguam Negara yang menyatakan bahawa penyiaran laporan itu tidak lagi memudaratkan pentadbiran keadilan,

Menteri tidak boleh mengarahkan atau membenarkan laporan itu disiarkan keseluruhannya atau sebahagiannya.

(6) Jika dari sesuatu laporan di bawah Penggal ini, atau dari rekod sesuatu pemeriksaan di bawah Penggal ini Menteri dapati bahawa sesuatu kesalahan mungkin telah dibawa oleh seseorang dan bahawa suatu pendakwaan patut dimulakan, dia hendaklah menghantar laporan itu kepada Pendakwa Raya untuk mendapatkan arahannya.

(7) Jika dari sesuatu laporan di bawah Penggal ini, atau dari rekod pemeriksaan di bawah Penggal ini, Menteri berpendapat bahawa prosiding patut, bagi kepentingan awam, dilakukan oleh seseorang untuk mendapat kembali ganti rugi berkenaan dengan fraud, kecuaian, keingkaran, pelanggaran terhadap kewajipan, pecah amanah atau lain-lain salahlaku yang berkaitan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan penyiasatan atau untuk mendapat kembali harta orang itu, dia boleh mengarahkan supaya prosiding dibawa dengan sewajarnya atas nama orang itu.

Kuasa-kuasa Pendaftar berkenaan dengan buku.

**115.** (1) Seseorang inspektor boleh, apabila membuat laporan di bawah Penggal ini, memberi kepada Pendaftar buku-buku yang dia telah ambil milik di bawah seksyen 104 dan Pendaftar—

(a) boleh menyimpan buku-buku itu selama suatu tempoh yang lebih lanjut sebagaimana difikirkannya perlu bagi membolehkan suatu keputusan dibuat sama ada prosiding undang-undang patut dimulakan atau tidak hasil dari penyiasatan itu;

(b) boleh menyimpan buku-buku itu selama suatu tempoh yang lebih lanjut sebagaimana difikirkannya perlu bagi membolehkan apa-apa prosiding seperti itu dimulakan;

(c) boleh membenarkan orang-orang lain memeriksa buku-buku semasa buku-buku itu berada dalam miliknya;

Repeal by A847

(*d*) boleh membenarkan penggunaan buku-buku itu bagi maksud prosiding undang-undang yang dimulakan hasil dari penyiasatan itu; dan

(*e*) hendaklah membenarkan seseorang yang berhak memeriksa mana-mana satu atau lebih buku-buku itu jika buku-buku itu bukan dalam milik Pendaftar supaya memeriksa pada setiap masa yang munasabah mana-mana buku itu sebagaimana orang itu tetap berhak memeriksanya.

(2) Jika Pendaftar mengambil milik buku-buku di bawah seksyen 104, dia adalah mempunyai segala kuasa dan kewajipan berkenaan dengan buku-buku itu sebagaimana dia tetap mempunyainya kiranya dia telah diberi buku-buku itu oleh seorang inspektor menurut subseksyen (1).

Perhubungan terlindung.

**116.** (1) Jika pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 104 seseorang inspektor menghendaki seseorang peguambela dan peguamcara menzahirkan suatu perhubungan terlindung yang dibuat oleh atau bagi pihak atau kepadanya atas sifatnya sebagai seorang peguambela dan peguamcara, dia berhak enggan mematuhi kehendak itu melainkan orang yang kepadanya atau oleh atau bagi pihaknya perhubungan itu dibuat atau, jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan yang berada di bawah penerimaan atau sedang hendak menjalankan penggulungan, penerima atau likuidator, mengikut mana yang berkenaan, bersetuju supaya dia mematuhi kehendak itu tetapi, jika dia enggan mematuhi kehendak itu, dia hendaklah dengan serta-merta memberi secara bertulis nama dan alamat orang yang kepadanya atau yang olehnya perhubungan itu dibuat.

(2) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

Perbelanjaan penyiasatan.

**117.** (1) Tertakluk kepada seksyen ini, perbelanjaan penyiasatan dan perbelanjaan yang bersampingan dengan sesuatu penyiasatan hendaklah dibayar oleh Kerajaan.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini, perbelanjaan penyiasatan dan perbelanjaan yang bersampingan dengan sesuatu penyiasatan di bawah Penggal ini termasuklah—

(*a*) perbelanjaan yang ditanggung dalam mana-mana prosiding yang dibawa atas nama seseorang di bawah subseksyen (7) seksyen 114; dan

(*b*) dalam hal sesuatu penyiasatan yang dijalankan menurut seksyen 102.

(3) Jika sesuatu penyiasatan telah dijalankan di bawah Penggal ini dan prosiding dimulakan di bawah subseksyen (7) seksyen 114 atau selainnya hasil dari penyiasatan itu, Menteri boleh membuat satu atau lebih daripada perintah yang berikut:

(*a*) supaya orang tertentu membayar, dalam masa dan mengikut cara yang dinyatakan dalam perintah itu, semua, atau suatu bahagian tertentu, daripada perbelanjaan penyiasatan dan perbelanjaan yang bersampingan dengan penyiasatan itu;

(*b*) jika perbelanjaan telah dibayar oleh Kerajaan, supaya orang tertentu membayar ganti kepada Kerajaan, dalam masa dan mengikut cara yang dinyatakan dalam perintah itu, setakat pembayaran itu;

(*c*) supaya orang tertentu, dalam masa dan mengikut cara yang dinyatakan dalam perintah itu, membayar, atau membayar ganti kepada Kerajaan berkenaan dengan semua, atau sebahagian tertentu, daripada kos kepada Kerajaan untuk menjalankan penyiasatan itu.

(4) Jika Menteri berpendapat bahawa kesemua atau mana-mana bahagian perbelanjaan penyiasatan atau perbelanjaan yang bersampingan dengan sesuatu penyiasatan di bawah Penggal ini patut dibayar oleh seseorang yang dengan hal-ehwalnya penyiasatan itu dimaksudkan, Menteri boleh, melalui notis secara bertulis mengarahkan orang itu supaya membayar suatu amaun tertentu, iaitu kesemua atau sebahagian daripada perbelanjaan itu, dalam masa dan mengikut cara yang dinyatakan.

(5) Jika seseorang tidak mematuhi sesuatu perintah Menteri di bawah subseksyen (3) atau (4), prosiding boleh diambil untuk mendapat kembali amaun yang berkenaan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(6) Seseorang inspektor boleh memasukkan ke dalam laporannya suatu syor sama ada sesuatu perintah di bawah subseksyen (3) atau (4) patut dibuat atau sama ada perintah-perintah di bawah kedua-dua subseksyen itu patut dibuat.

*Menyembunyikan, dsb., buku berhubungan dengan sekuriti.*

**118.** (1) Seseorang yang—

(*a*) menyembunyi, membinasa, mencacatkan atau mengubah sesuatu buku berhubungan dengan sesuatu perkara yang menjadi perkara siasatan di bawah Penggal ini; atau

(*b*) jika buku itu berada dalam Malaysia, menghantar buku itu ke luar Malaysia,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda/atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

tidak kurang daripada lima belas ribu ringgit (A661)

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan bagi pendakwaan atas sesuatu kesalahan subseksyen (1) jika defendan membuktikan bahawa dia tidak bertindak dengan tujuan untuk mengecewakan maksud-maksud Penggal ini atau untuk melengahkan atau menghalang penjalanan penyiasatan di bawah Penggal ini.

*Kuasa Menteri membuat perintah-perintah tertentu.*

**119.** (1) Jika sesuatu penyiasatan sedang dibuat di bawah Penggal ini dan Menteri dapati bahawa fakta-fakta berkenaan dengan sekuriti yang berhubungan dengan penyiasatan itu tidak dapat ditentukan sebab orang ditetapkan tidak atau enggan mematuhi kehendak seseorang inspektor, dia boleh, melalui notis secara bertulis yang disiarkan dalam *Warta,* membuat satu atau lebih daripada perintah-perintah yang berikut:

(*a*) suatu perintah yang menahan seseorang tertentu daripada melepaskan apa-apa kepentingan dalam sekuriti tertentu;

(*b*) suatu perintah yang menahan seseorang tertentu daripada memperolehi apa-apa kepentingan dalam sekuriti tertentu;

(*c*) suatu perintah yang menahan penggunaan hak mengundi atau lain-lain hak yang diberi kepada sekuriti tertentu;

(*d*) suatu perintah mengarahkan seseorang yang didaftarkan sebagai pemegang sekuriti yang berkenaan dengannya suatu perintah di bawah seksyen ini berkuatkuasa supaya memberi notis secara bertulis mengenai perintah itu kepada mana-mana orang yang dia ketahui adalah berhak menggunakan hak mengundi yang diberi kepada sekuriti itu;

(*e*) suatu perintah mengarahkan supaya sesuatu pertubuhan perbadanan supaya jangan membayar, kecuali semasa menjalankan penggulungan, sejumlah wang yang kena dibayar oleh pertubuhan perbadanan itu berkenaan dengan sekuriti tertentu;

(*f*) suatu perintah mengarahkan sesuatu pertubuhan perbadanan supaya jangan mendaftar pindahmilik atau pemindahan sekuriti tertentu; atau

(*g*) suatu perintah mengarahkan sesuatu pertubuhan perbadanan supaya jangan mengeluarkan syer kepada seseorang yang memegang syer dalam pertubuhan perbadanan, iaitu syer yang dicadangkan supaya dikeluarkan kepada orang itu oleh kerana dia memegang syer dalam pertubuhan perbadanan atau menurut suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat atau dikeluarkan kepadanya oleh kerana dia memegang syer dalam pertubuhan perbadanan itu.

(2) Menteri boleh, melalui notis secara bertulis yang disiarkan dalam *Warta*, mengubah atau membatalkan sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(3) Suatu salinan perintah di bawah subseksyen (1) dan salinan apa-apa perintah yang mengubah atau membatalkan perintah itu hendaklah disampaikan—

(*a*) kepada mana-mana orang yang kepadanya perintah itu diarahkan; dan

(*b*) jika ia berhubungan dengan sekuriti tertentu—

(i) kepada pertubuhan perbadanan yang mengeluarkan atau menyediakan sekuriti itu;

(ii) jika sekuriti itu adalah hak atau opsyen, kepada pertubuhan perbadanan yang terhadapnya hak atau opsyen itu boleh, atau akan, berkuatkuasa; atau Repeal by AA847

(iii) kepada pertubuhan perbadanan yang akan mengeluarkan atau menyediakan sekuriti itu.

(4) Jika sesuatu perintah dibuat di bawah subseksyen (1) sedang berkuatkuasa, seseorang yang terkilan dengan perintah itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mengubah atau membatalkan perintah itu, dan Mahkamah boleh, jika ia berpuas hati bahawa adalah munasabah berbuat demikian, mengubah perintah itu atau membatalkan perintah itu dan apa-apa perintah yang menurutnya perintah itu diubah.

(5) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~enam bulan~~ atau kedua-duanya. /satu tahun (AA661)

(6) Jika sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (1) dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap seorang pegawai pertubuhan perbadanan yang ingkar adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada ~~enam bulan~~ atau kedua-duanya. / satu tahun (AA661)

BAHAGIAN XA ins. AA1218

## BAHAGIAN XI

### AM

Sekatan ke atas penggunaan gelaran "broker saham". Subs. by AA943 / AA661

**120.** Seseorang ~~selain dari syarikat anggota~~ yang bukan seorang broker saham dalam erti Akta ini, tidak boleh mengambil atau menggunakan atau secara kesimpulan menerima pakai nama atau gelaran broker saham atau mengambil atau menggunakan atau supaya ditampal atau dipamerkan di sesuatu tempat apa-apa nama, gelaran atau perihal yang memberi faham atau kepercayaan bahawa dia adalah seorang broker saham.

Salinan catatan dalam rekod-rekod peniaga/ sebagai keterangan *prima facie* mengenai catatan itu.

**121.** (1) Tertakluk kepada Akta ini, suatu salinan catatan dalam rekod perakaunan dan lain-lain rekod peniaga/ hendaklah dalam semua prosiding undang-undang diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai catatan itu dan mengenai perkara-perkara, transaksi dan akaun yang direkodkan dalamnya.

/atau pengurus kumpulan wang AA943

(2) Suatu salinan catatan dalam rekod perakaunan dan lain-lain rekod peniaga/ tidak boleh diterima sebagai keterangan di bawah Akta ini melainkan jika ia telah dibuktikan terlebih dahulu bahawa rekod-rekod itu adalah, semasa catatan itu dibuat, rekod biasa peniaga itu/ dan bahawa catatan itu dibuat mengikut perjalanan lazim dan biasa urusan dan bahawa rekod-rekod itu berada dalam jagaan atau kawalan peniaga itu/

/AA943

/AA943

(3) Apa-apa bukti sebagaimana dikehendaki di bawah subseksyen (2) boleh diberi oleh/ ~~peniaga atau mana-mana pekerja peniaga itu~~ dan boleh diberi secara lisan atau secara afidavit yang diangkat sumpah di hadapan mana-mana majistret atau orang yang diberi kuasa untuk mengambil afidavit.

/atau pengurus kumpulan wang AA943

(4) Suatu salinan catatan rekod perakaunan dan lain-lain rekod peniaga/ tidak boleh diterima sebagai keterangan di bawah Akta ini melainkan jika telah dibuktikan selanjutnya bahawa salinan itu telah diperiksa bersama dengan catatan asal dan ianya adalah betul.

(5) Apa-apa bukti sebagaimana dikehendaki di bawah subseksyen (4) hendaklah diberi oleh seorang yang telah memeriksa salinan itu bersama dengan catatan asal, dan boleh diberi sama ada secara lisan atau melalui afidavit yang diangkat sumpah di hadapan mana-mana majistret atau orang yang diberi kuasa untuk membuat afidavit.

AA943 → 121A---

Kesalahan-kesalahan oleh kumpulan orang dan oleh pekerja dan ejen.

/AA943

**122.** (1) Jika sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang semasa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah,/ ~~pegawai eksekutif atau setiausaha~~ pertubuhan perbadanan itu atau berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, adalah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa

Peng

48. Sub
perkata
"Bahagi

dipersetujui atau dibiarkan olehnya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk menghalang berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang dia sepatutnya telah jalankan, memandangkan jenis fungsinya atas sifat sedemikian dan terhadap segala hal keadaan.

(2) Jika mana-mana orang boleh dikenakan hukuman di bawah Akta ini kerana melakukan apa-apa perbuatan, ketinggalan, kecuaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, ketinggalan, kecuaian atau keingkaran itu yang dilakukan oleh mana-mana pekerja atau ejen, atau pekerja ejen itu dengan syarat bahawa perbuatan, ketinggalan, kecuaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh pekerja itu semasa menjalankan kerjanya atau oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu atau oleh pekerja ejen itu apabila bertindak semasa menjalankan kerjanya dengan hal keadaan yang jika perbuatan, ketinggalan, kecuaian atau keingkaran itu dilakukan oleh ejen, maka prinsipalnya adalah bertanggungan di bawah seksyen ini.

Penalti am.

**123.** Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, di mana penalti tidak diperuntukkan dengan nyatanya, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Pendaftar untuk mengkompaun.

**124.** Pendaftar boleh, tanpa memulakan prosiding terhadap mana-mana orang bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya selain dari kesalahan-kesalahan di bawah Bahagian IX, mengkompaun apa-apa kesalahan secara menuntut dan menerima dari orang itu, ~~sejumlah wang tidak lebih daripada amaun yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dengan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan dalamnya,~~ dan—

(*a*) jika orang itu membayar amaun tersebut kepada Pendaftar dalam masa empat belas hari selepas tuntutan itu dibuat, prosiding tidak boleh diambil terhadapnya berhubungan dengan kesalahan itu; atau

(*b*) jika orang itu tidak membayar amaun yang dituntut itu dalam masa empat belas hari, Pendaftar boleh, tertakluk kepada subseksyen (6) seksyen 114, mengarahkan supaya prosiding itu dimulakan berhubungan dengan kesalahan itu.

Orang-orang disabitkan bertanggungan membayar pampasan.

**125.** Seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IX adalah bertanggungan membayar apa-apa pampasan sebagaimana ditentukan oleh Mahkamah kepada mana-mana orang yang telah membeli atau menjual apa-apa sekuriti mengikut harga yang terjejas disebabkan perbuatan atau transaksi yang menjadi perkara kesalahan itu kerana kerugian yang dialaminya akibat pembelian atau penjualan itu.

Subs. by AA847

Pendakwaan jenayah.

**126.** (1) Pendakwaan bagi sesuatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini boleh dijalankan oleh Pendaftar atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendaftar.

*N.M.B. Bab 6.*

(2) Tanpa menyentuh peruntukan seksyen 379 Kanun Prosedur Jenayah, seseorang peguambela dan peguamcara boleh, dengan kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Pendaftar Raya digunakhidmat oleh Kerajaan untuk menjalankan apa-apa pendakwaan jenayah, atau hadir dalam mana-mana rayuan jenayah, bagi pihak Kerajaan; peguambela dan peguamcara itu hendaklah dibayar oleh Kerajaan apa-apa saraan sebagaimana dipersetujui antara Kerajaan dengan peguambela dan peguamcara itu, dan semasa digunakhidmat sedemikian dia hendaklah disifatkan sebagai seorang "pengkhidmat awam" dalam erti Kanun Kesiksaan.

*N.M.B. Bab 45.*

AA101 (3) . . .

AA661 → 126A . . . .

AA943 → 126B . . .

126C . . .

Subs. by AA943 AA1017

Peraturan-peraturan.

**127.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan makna kuasa-kuasa yang tersebut di atas, peraturan-peraturan itu boleh dibuat— Subs. by AA943

(*a*) untuk menetapkan borang-borang bagi maksud-maksud Akta ini;

(*b*) untuk menetapkan fee-fee yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dikehendaki bagi maksud-maksud Akta ini;

(*c*) untuk mengawalselia penyiaran iklan-iklan yang menawarkan perkhidmatan peniaga atau yang menawarkan sekuriti untuk belian atau jualan dan bentuk serta isi kandungan iklan itu;

(*d*) mengenai penyediaan kunci kira-kira dan akaun keuntungan dan kerugian dan bentuk serta isi kandungannya oleh peniaga;

(*e*) mengenai keluaran dan isi kandungan nota kontrak;

(*f*) untuk membeli atau menjual sekuriti untuk akaun mereka sendiri, secara langsung atau secara tak langsung, oleh peniaga, wakil peniaga, penasihat pelaburan, wakil pelaburan dan wartawan kewangan;

(*g*) untuk mengawalselia atau melarang penjualan apa-apa sekuriti oleh seseorang yang tidak mempunyai sekuriti sedemikian;

(*h*) mengawal larangan mengguna apa-apa alat dan perekaan untuk melicik dan memperdaya berkaitan dengan pembelian atau penjualan sekuriti;

(*i*) semua perkara atau benda yang berhubungan dengan keluaran sekuriti dan penilaian aset oleh syarikat berhad awam;

(*j*) menubuhkan dan melabur suatu kumpulan wang amanah oleh bursa saham wang-wang yang didepositkan oleh broker-broker saham dengan bursa saham itu; dan

(*k*) semua perkara atau benda yang melalui Akta ini dikehendaki atau dibenarkan supaya ditetapkan.

Peruntukan-peruntukan Akta tidak terpakai bagi Pasaran Saham Bumiputra. *20/66.*

**128.** Peruntukan-peruntukan Akta ini tidaklah terpakai bagi Pasaran Saham Bumiputra yang ditubuhkan atau disenggara oleh Majlis Amanah Rakyat yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat 1966.

## BAHAGIAN XII

Pemansuhan. *Akta 112.*

**129.** Akta Perusahaan Sekuriti 1973, yang disebut "Akta dimansuhkan" dalam Akta ini, adalah dimansuhkan.

Kekecualian.

**130.** Semua peraturan, arahan, perintah dan keputusan yang dibuat di bawah atau menurut Akta dimansuhkan terus menjadi sah dan terikat dan hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini sehingga ianya dipinda atau dimansuhkan atau sehingga tarikh ianya habis tempoh.

Pemindahan kuasa, hak, liabiliti dan tugas Pendaftar.

**131.** Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti atau tanggungan yang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini adalah terletak pada Pendaftar hendaklah mulai dari hari itu, terus terletak pada Pendaftar.

Penerusan prosiding jenayah dan sivil berhubungan dengan Pendaftar.

**132.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, baik Akta dimansuhkan mahupun apa jua yang terkandung dalam Akta ini tidak boleh menyentuh liabiliti mana-mana orang yang akan didakwa atau dihukum bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta dimansuhkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, atau apa-apa prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan itu.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau kuasa tindakan yang belum selesai atau yang ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini oleh atau terhadap Pendaftar atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Pendaftar boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Pendaftar sebagaimana ia mungkin telah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Pendaftar atau orang itu jika ini tidak diluluskan.

(3) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas hari yang ditetapkan terhadap sesuatu keputusan yang diberi dalam mana-mana prosiding undang-undang sebelum hari itu boleh dibawa oleh atau terhadap Pendaftar.

Penerusan hak-hak, liabiliti-liabiliti, dsb., yang lain di bawah Akta dimansuhkan.

**133.** Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan atau liabiliti yang diperolehi, terakru atau dilakukan di bawah Akta dimansuhkan dan apa-apa prosiding atau remidi undang-undang berkenaan dengan hak, keistimewaan, tanggungan atau liabiliti itu tidaklah terjejas dan mana-mana prosiding atau remidi undang-undang itu boleh dimula, diteruskan dan dikuatkuasakan seolah-olah Akta itu telah tidak dibuat.

Mengelakkan anomali.

**134.** Jika timbul apa-apa kesulitan berkenaan dengan peruntukan-peruntukan dan peralihan kekecualian yang tersebut di atas dan peruntukan-peruntukan peralihan, Menteri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubahsuaian dalam peruntukan-peruntukan itu yang didapatinya perlu untuk mengelakkan anomali:

Dengan syarat bahawa Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberi sedemikian oleh seksyen ini selepas tamat tempoh dua tahun dari mula berkuatkuasanya Akta ini.

JADUAL ---

← AA943

PUSAT SUMBER
027309
22 SEP 2004
JABATAN PEGUAM NEGARA

DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR
DENGAN PERINTAH PADA 10HB MAC 1983
*Harga:* $3.00